



NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 71  
No. 4

**4hb Oktober 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

**No. 663.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah daripada Majlis Perbandaran Seremban dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seremban bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata Majlis Perbandaran Seremban yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Seremban untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit

yang responsif terhadap risiko berkekaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Seremban.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Seremban sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Seremban telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.2 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Seremban telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian

ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Lembaran Imbangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 7 Julai 2017

ALLIAS BIN ALWI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

#### LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan seperti yang diarahkan oleh Ketua Audit Negara.

#### Tanggungjawab Pihak Pengurusan ke atas Penyata Kewangan

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Malaysia. Pihak pengurusan turut bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh pihak pengurusan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

#### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan, berdasarkan audit kami. Kami telah mengendalikan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami patuh dengan keperluan beretika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Pemilihan sesuatu prosedur adalah bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberikan pandangan yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai berdasarkan keadaan, tapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Majlis. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pihak pengurusan, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

#### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Majlis bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957, Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976, dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Malaysia.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Audit 1957, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta-akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta-akta tersebut.

SEREMBAN  
Bertarikh 16 Jun 2017

MNZWAJ ASSOCIATES  
*AF 001959*  
*Akauntan Bertauliah*

MOHD NASRI BIN ISMAIL  
*1711/08/17 (J/PH)*  
*Akauntan Bertauliah*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Dato' Hj. Abd. Halim bin Hj. Abd. Latif, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Seremban, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata

Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut di atas di Seremban, Negeri Sembilan pada 7 April 2017

Di hadapan saya,

LEE KEE CHONG  
*Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Nor Azizah binti Yusof dan Hajjah Siti Harpah binti Mat Dom yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seremban dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

NOR AZIZAH BINTI YUSOF  
*Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seremban*

Bertarikh 7 April 2017

HAJJAH SITI HARPAH BINTI MAT DOM  
*Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seremban*

Bertarikh 7 April 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
ASET SEMASA			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3)	21,759,921	21,243,230	21,017,734
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 4)	2,753,769	2,615,331	1,945,836

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5)	7,416,559	2,219,374	5,214,664
Simpanan tetap (Nota 6)	56,000,000	52,000,000	43,000,000
Wang di tangan dan di bank (Nota 7)	4,330,473	5,643,259	6,186,468
	<u>92,260,722</u>	<u>83,721,194</u>	<u>77,364,702</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8)	40,047,114	39,657,030	41,173,840
Hartanah pelaburan (Nota 9)	195,572,570	199,150,232	193,187,995
Kerja dalam kemajuan (Nota 10)	4,110,215	424,402	10,231,687
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5)	79,354	101,780	106,128
Aset tak ketara (Nota 11)	720,971	560,373	556,054
	<u>240,530,224</u>	<u>239,893,817</u>	<u>245,255,704</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>332,790,946</u>	<u>323,615,011</u>	<u>322,620,406</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 12)	30,436,758	19,122,684	20,108,322
Geran tertunda (Nota 13)	5,978,448	1,701,751	3,778,485
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 14)	382,807	332,226	255,022
Pinjaman sewa beli (Nota 15)	1,098,461	1,439,079	1,353,378
Pinjaman (Nota 16)	344,746	200,000	200,000
	<u>38,241,220</u>	<u>22,795,740</u>	<u>25,695,207</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 14)	570,699	655,319	715,033
Pinjaman sewa beli (Nota 15)	448,684	1,325,178	2,763,300
Pinjaman (Nota 16)	6,945,124	3,543,341	3,591,675
	<u>7,964,507</u>	<u>5,523,838</u>	<u>7,070,008</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>46,205,727</u>	<u>28,319,578</u>	<u>32,765,215</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>286,585,219</u>	<u>295,295,433</u>	<u>289,855,191</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	285,585,219	294,295,433	288,855,191
Kumpulan Wang Pinjaman	1,000,000	1,000,000	1,000,000
	<u>286,585,219</u>	<u>295,295,433</u>	<u>289,855,191</u>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
<b>HASIL</b>		
Urusniaga bukan pertukaran (Nota 17)	104,007,554	119,746,911
Urusniaga pertukaran (Nota 18)	12,794,580	12,924,847
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>116,802,134</b>	<b>132,671,758</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
<b>Emolumen</b>		
Gaji dan upahan	18,041,838	17,017,806
Elaun tetap	5,518,017	4,807,396
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	3,141,097	2,963,014
Elaun lebih masa	3,984,944	3,066,560
Faedah kewangan yang lain	753,837	706,779
Elaun Ahli Majlis	429,640	303,920
	<b>31,869,373</b>	<b>28,865,475</b>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>		
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 19)	756,043	693,274
Pengangkutan barang-barang	5,136	4,719
Utiliti (Nota 20)	10,250,425	10,519,071
Sewaan (Nota 21)	746,818	546,520
Bekalan bahan-bahan mentah (Nota 22)	3,231,197	3,200,190
Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 23)	1,809,589	1,539,875
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 24)	9,796,211	6,914,062
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti (Nota 25)	29,552,896	27,485,482
	<b>56,148,315</b>	<b>50,903,193</b>
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>		
Pemberian dalam negeri (Nota 26)	299,150	333,302
Tuntutan, insurans dan pampasan (Nota 27)	1,171	39,137
Ganjaran	118,045	115,819
Gantian cuti rehat	298,187	272,512
Faedah (Nota 28)	411,743	361,505
	<b>1,128,296</b>	<b>1,122,275</b>
<b>Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain</b>		
Pelbagai perbelanjaan (Nota 29)	618,763	612,117
Perbelanjaan pembangunan (Nota 30)	26,255,595	38,632,124
Pulangbalik dan hapuskira	182,284	74,080
Hutang ragu	2,224,300	408,885
	<b>29,280,942</b>	<b>39,727,206</b>
Susutnilai dan pelunasan	7,085,422	7,249,476
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>125,512,348</b>	<b>127,867,625</b>
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN</b>	<b>(8,710,214)</b>	<b>4,804,133</b>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.



PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Rezab Modal  RM	Kumpulan Wang Majlis  RM	Kumpulan Wang Pinjaman  RM	Jumlah Aset Bersih  RM
Baki pada 1 Januari 2015	4,575,850	187,505,260	1,000,000	193,081,110
Seperti yang dinyatakan terdahulu				
Kesan pemakaian awal MPSAS (Nota 2.21)	(4,575,850)	101,349,931	—	96,774,081
<hr/>				
Baki pada 1 Januari 2015	—	288,855,191	1,000,000	289,855,191
Seperti yang dinyatakan semula				
Pelarasan tahun lalu (Nota 31)	—	636,109	—	636,109
Lebih bersih bagi tahun	—	4,804,133	—	4,804,133
<hr/>				
Baki pada 31 Disember 2015	—	294,295,433	1,000,000	295,295,433
Kurangan bersih bagi tahun	—	(8,710,214)		(8,710,214)
<hr/>				
Baki pada 31 Disember 2016	—	285,585,219	1,000,000	286,585,219

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
(Kurangan)/Lebih bagi tahun	(8,710,214)	4,804,133
Pengerakan bukan tunai:		
Susutnilai dan pelunasan	7,085,422	7,249,476
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	8,510	149,657
Pembalikan nilai masa kini	149,734	151,666
Peningkatan dalam peruntukan hutang ragu	2,398,074	—
Peruntukan manfaat kakitangan	298,187	272,512
Pelunasan geran	4,276,697	(2,076,734)
Perbelanjaan faedah	262,009	209,839
(Peningkatan)/Pengurangan belum terima	(8,227,962)	2,537,857
Pengurangan belum bayar	10,364,078	9,372,211
Pembayaran peruntukan manfaat kakitangan	(332,226)	(255,022)
<hr/>		
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	7,572,309	22,415,595
 <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Belian hartanah, loji dan peralatan (Nota a)	(1,467,971)	(911,580)
Belian aset tak ketara	(303,525)	(230,340)
Belian hartanah pelaburan	(662,460)	(398,527)
Tambahan kerja dalam kemajuan (Nota b)	(404,483)	(424,402)
Pindahan ke/dari aset tetap	—	(10,231,687)
<hr/>		
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(2,838,439)	(12,196,536)

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Bayaran balik pinjaman	(343,205)	(48,334)
Faedah dibayar	(262,009)	(209,839)
Pembayaran pinjaman sewa beli	(1,441,442)	(1,504,095)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	(2,046,656)	(1,762,268)
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	2,687,214	8,456,791
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	57,643,259	49,186,468
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	60,330,473	57,643,259
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada:		
Simpanan tetap	56,000,000	52,000,000
Wang di tangan dan di bank	4,330,473	5,643,259
	60,330,473	57,643,259
		RM
Nota a:		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		2,642,297
Dibiayai melalui pinjaman sewa beli		(224,330)
Pembelian belum bayar		(949,996)
		1,467,971
Nota b:		
Penambahan kerja dalam kemajuan		4,144,483
Dibiayai melalui pinjaman		(3,740,000)
		404,483

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet RM
	Asal RM	Akhir RM		
<b>PENERIMAAN</b>				
Urusniaga bukan pertukaran	78,562,000	78,562,000	76,457,290	2,104,710
Urusniaga pertukaran	12,910,800	12,910,800	12,178,444	732,356
Lain-lain terimaan	30,100	30,100	131,604	(101,504)
	91,502,900	91,502,900	88,767,338	2,735,562
<b>PEMBAYARAN</b>				
Emolumen	31,802,200	33,379,800	31,867,333	1,512,467
Perkhidmatan dan bekalan	48,363,300	61,299,400	57,240,568	4,058,832

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	^Varian Bajet
	Asal	Akhir		
	RM	RM		
Pemilikan harta modal	1,707,200	8,218,000	4,825,203	3,392,797
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	8,180,100	14,351,800	7,225,359	7,126,441
Perbelanjaan lain-lain	1,450,100	1,189,900	829,088	360,812
	<u>91,502,900</u>	<u>118,438,900</u>	<u>101,987,551</u>	<u>16,451,349</u>
PENERIMAAN BERSIH	<u>—</u>	<u>(26,936,000)</u>	<u>(13,220,213)</u>	<u>(13,715,787)</u>

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Seremban.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh (Khas) pada 7 April 2017.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset infrastruktur seperti yang dinyatakan pada nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS"). Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 2.2 kepada Penyata Kewangan.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

## 2.2. Pemakaian Awal MPSAS

Majlis telah memilih untuk menggunakan lebih awal standard MPSAS seperti di bawah daripada tarikh kuat kuasa sebenar.

		Tarikh sebenar kuat kuasa
MPSAS 1	Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2	Cash Flow Statements	1 Januari 2017
MPSAS 3	Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9	Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13	Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14	Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 16	Investment Property	1 Januari 2017
MPSAS 17	Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19	Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20	Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21	Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23	Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24	Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25	Employee Benefits	1 Januari 2017
MPSAS 26	Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28	Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29	Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017
MPSAS 30	Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31	Intangible Assets	1 Januari 2017
MPSAS 33	First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs	1 Januari 2017

## 2.3. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

### 2.3.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf

berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

### 2.3.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

## (ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

## (iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

## (iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

## (v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

## 2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.4.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.4.3. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.4.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.5.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar tahunan
Tanah	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	
i. Batu	2%
ii. Kayu	5%
Jentera berat	12%
Jentera ringan	20%
Alatan pejabat	10%
Peralatan dan kelengkapan	20% - 33.4%

2.5.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

## 2.6. Hartanah Pelaburan

2.6.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.6.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.6.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## 2.7. Aset Tak Ketara

2.7.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.7.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.7.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

- 2.7.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.7.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.7.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.8. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

## 2.9. Aset Kewangan

- 2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan.
- 2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

### (i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

### (ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.



### Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

### Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

## 2.10. Peruntukan dan Liabiliti

- 2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

## 2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

- 2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

- 2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.
- 2.12. Liabiliti Kewangan
- 2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.12.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.
- 2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:
- (i) Pinjaman dan Belum Bayar
- Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.
- Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.
- (ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan
- Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.
- Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.
- 2.13. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain
- Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.
- 2.14. Tunai dan Kesetaraan Tunai
- Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## 2.15. Manfaat Pekerja

## 2.15.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

## 2.15.2. Manfaat selepas perkhidmatan

## (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

## (ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

## (iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan gantian cuti rehat bagi kakitangannya yang akan bersara sekurang-kurangnya 3 tahun daripada tempoh kewangan berakhir dimana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times \text{Gaji akhir yang diterima} \times \text{jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 150 hari)}$

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh pekhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

$[17.5\% - 12\% (\text{caruman KWSP majikan}) \times \text{gaji pokok terakhir} \times \text{jumlah bulan perkhidmatan}] (-) \text{faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.}$

## 2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

### 2.16.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusan niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusan niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

### 2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.17. Percukaian

2.17.1. Majlis Perbandaran Seremban adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 2.18. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

2.18.1. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

## (i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

## (ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

## 2.19. Maklumat Bajet

2.19.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.19.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPS dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

## 2.20. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

## 2.20.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

## 2.20.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

## (i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

## (ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga

50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

## 2.21. Kesan Pemakaian MPSAS

2.21.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

(ii) Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangnya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

(iii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir

kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

(iv) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat pelarasan tersebut. Selain daripada itu, Majlis juga mengiktiraf semua hartanah pelaburan yang dimiliki sebelum ini secara percuma pada nilai saksama kerana ia adalah transaksi urusaniaga bukan pertukaran.

(v) Elaun Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 25% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun hutang ragu ini dibuat secara khas iaitu bukan berdasarkan kepada pertimbangan. Oleh itu semua kesan berhubung elaun hutang ragu ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

(v) Pengiktirafan faedah ke atas pinjaman kepada kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf semua faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman kepada kakitangan pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah mengambil kira perubahan dasar perakaunan tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

- 2.21.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerimapakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

## (ii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

## (iii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

2.21.3. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambil kira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

## Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara	—	556,054	556,054
Hartanah, loji dan peralatan	152,364,007	(111,190,167)	41,173,840
Hartanah pelaburan	—	193,187,995	193,187,995
Kerja dalam kemajuan	—	10,231,687	10,231,687
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	—	106,128	106,128
	<u>152,364,007</u>	<u>92,891,697</u>	<u>245,255,704</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	—	21,017,734	21,017,734
Urusniaga pertukaran belum terima	—	1,945,836	1,945,836
Pelbagai akaun belum terima	—	5,214,664	5,214,664
Tunggakan hasil	22,963,569	(22,963,569)	—
Lain-lain siberhutang, deposit dan pendahuluan	5,338,201	(5,338,201)	—



	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Simpanan tetap	43,000,000	—	43,000,000
Wang di tangan dan di bank	6,186,468	—	6,186,468
	<u>77,488,238</u>	<u>(123,536)</u>	<u>77,364,702</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>229,852,245</u>	<u>92,768,161</u>	<u>322,620,406</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	715,033	715,033
Pinjaman sewa beli	2,763,300	—	2,763,300
Pinjaman	8,563,401	(4,971,726)	3,591,675
	<u>11,326,701</u>	<u>(4,256,693)</u>	<u>7,070,008</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	23,891,056	(3,782,734)	20,108,322
Geran tertunda	—	3,778,485	3,778,485
Peruntukan manfaat kakitangan	—	255,022	255,022
Pinjaman sewa beli	1,353,378	—	1,353,378
Pinjaman	200,000	—	200,000
	<u>25,444,434</u>	<u>250,773</u>	<u>25,695,207</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>36,771,135</u>	<u>(4,005,920)</u>	<u>32,765,215</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>193,081,110</u>	<u>96,774,081</u>	<u>289,855,191</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Rezab modal	4,575,850	(4,575,850)	—
Kumpulan Wang Majlis	187,505,260	101,349,931	288,855,191
Kumpulan Wang Pinjaman	1,000,000	—	1,000,000
	<u>193,081,110</u>	<u>96,774,081</u>	<u>289,855,191</u>

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara	—	560,373	560,373
Hartanah, loji dan peralatan	147,711,407	(108,054,377)	39,657,030
Hartanah pelaburan	—	199,150,232	199,150,232
Kerja dalam kemajuan	—	424,402	424,402

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan		101,780	101,780
	<u>147,711,407</u>	<u>92,182,410</u>	<u>239,893,817</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusiaga bukan pertukaran belum terima	—	21,243,230	21,243,230
Urusiaga pertukaran belum terima	—	2,615,331	2,615,331
Pelbagai akaun belum terima	—	2,219,374	2,219,374
Tunggakan hasil	23,858,561	(23,858,561)	—
Lain-lain siberhutang, deposit dan pendahuluan	2,246,862	(2,246,862)	—
Simpanan tetap	52,000,000	—	52,000,000
Wang di tangan dan di bank	5,643,259	—	5,643,259
	<u>83,748,682</u>	<u>(27,488)</u>	<u>83,721,194</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>231,460,089</u>	<u>92,154,922</u>	<u>323,615,011</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	655,319	655,319
Pinjaman sewa beli	1,325,174	4	1,325,178
Pinjaman	8,363,401	(4,820,060)	3,543,341
	<u>9,688,575</u>	<u>(4,164,737)</u>	<u>5,523,838</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	20,685,583	(1,562,899)	19,122,684
Geran tertunda	—	1,701,751	1,701,751
Peruntukan manfaat kakitangan	—	332,226	332,226
Pinjaman sewa beli	1,439,079	—	1,439,079
Pinjaman	200,000	—	200,000
	<u>22,324,662</u>	<u>471,078</u>	<u>22,795,740</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>32,013,237</u>	<u>(3,693,659)</u>	<u>28,319,578</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>199,446,852</u>	<u>95,848,581</u>	<u>295,295,433</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Rezab modal	4,575,850	(4,575,850)	—
Kumpulan Wang Majlis	193,871,002	100,424,431	294,295,433
Kumpulan Wang Pinjaman	1,000,000	—	1,000,000
	<u>199,446,852</u>	<u>95,848,581</u>	<u>295,295,433</u>

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>HASIL</b>			
Cukai Taksiran	57,884,245	(57,884,245)	—
Caruman Membantu Kadar	3,159,215	(3,159,215)	—
Lesen-lesen	6,066,885	(6,066,885)	—
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	6,265,158	(6,265,158)	—
Perolehan dari Jualan Barang	479,282	(479,282)	—
Sewaan	4,069,867	(4,069,867)	—
Faedah	2,013,932	(2,013,932)	—
Notis dan Denda	3,105,764	(3,105,764)	—
Sumbangan Kerajaan Dan Awam	47,865,553	(47,865,553)	—
Hutang Ragu Pulih	1,668,578	(1,668,578)	—
Urusniaga bukan pertukaran	—	119,746,911	119,746,911
Urusniaga pertukaran	—	12,924,847	12,924,847
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>132,578,479</b>	<b>93,279</b>	<b>132,671,758</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	28,865,476	(28,865,476)	—
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	693,274	(693,274)	—
Pengangkutan Barang- barang	4,719	(4,719)	—
Perhubungan dan Utiliti	10,519,071	(10,519,071)	—
Sewaan	605,020	(605,020)	—
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	3,200,190	(3,200,190)	—
Bekalan dan Bahan- bahan Lain	1,539,875	(1,539,875)	—
Penyelenggaraan dan Pembaikan yang Kecil yang Dibeli	7,122,896	(7,122,896)	—
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli	27,485,506	(27,485,506)	—
dan Hospitaliti			
Pemberian dan Kenaan	953,113	(953,113)	—
Bayaran Tetap			
Perbelanjaan Pembangunan	38,862,463	(38,862,463)	—
Hapuskira	1,099,263	(1,099,263)	—
Hutang Ragu	408,885	(408,885)	—
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	643,964	(643,964)	—
Emolumen			
Gaji dan upahan	—	17,017,806	17,017,806
Elaun tetap	—	4,807,396	4,807,396

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	—	2,963,014	2,963,014
Elaun lebih masa	—	3,066,560	3,066,560
Faedah kewangan yang lain	—	706,779	706,779
Elaun Ahli Majlis	—	303,920	303,920
	<u>122,003,715</u>	<u>(93,138,240)</u>	<u>28,865,475</u>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>			
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	—	693,274	693,274
Pengangkutan barang-barang	—	4,719	4,719
Utiliti	—	10,519,071	10,519,071
Sewaan	—	546,520	546,520
Bekalan bahan-bahan mentah	—	3,200,190	3,200,190
Bekalan dan bahan-bahan lain	—	1,539,875	1,539,875
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	—	6,914,062	6,914,062
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti	—	27,485,482	27,485,482
	<u>—</u>	<u>50,903,193</u>	<u>50,903,193</u>
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>			
Pemberian dalam negeri	—	333,302	333,302
Tuntutan, insurans dan pampasan	—	39,137	39,137
Ganjaran	—	115,819	115,819
Gantian cuti rehat	—	272,512	272,512
Faedah dan dividen	—	361,505	361,505
	<u>—</u>	<u>1,122,275</u>	<u>1,122,275</u>
<b>Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain</b>			
Pulangbalik dan hapuskira	—	74,080	74,080
Pelbagai perbelanjaan yang tidak dijeniskan	—	612,117	612,117
Perbelanjaan pembangunan	—	38,632,124	38,632,124
Hutang ragu	—	408,885	408,885
	<u>—</u>	<u>39,727,206</u>	<u>39,727,206</u>
Susutnilai dan pelunasan	4,845,131	2,404,345	7,249,476
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<u>126,848,846</u>	<u>1,018,779</u>	<u>127,867,625</u>
<b>LEBIHAN BAGI TAHUN</b>	<u>5,729,633</u>	<u>(925,500)</u>	<u>4,804,133</u>

2.22. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.23. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.24. Pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.25. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Akaun belum terima cukai taksiran	29,777,623	28,139,298	27,307,839
Tolak:			
Elaun hutang ragu	(11,398,836)	(8,804,823)	(8,537,103)
	<u>18,378,787</u>	<u>19,334,475</u>	<u>18,770,736</u>

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
Akaun belum terima sumbangan membantu kadar Tolak: Elaun hutang ragu	3,381,134 — 3,381,134	2,545,007 (636,252) 1,908,755	2,995,997 (748,999) 2,246,998
	<u>21,759,921</u>	<u>21,243,230</u>	<u>21,017,734</u>

Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut:

	2016 RM	2015 RM
Baki pada awal tahun	9,441,075	9,286,102
Tambahan tahun semasa	1,957,761	154,973
Baki pada akhir tahun	<u>11,398,836</u>	<u>9,441,075</u>

#### 4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
Akaun belum terima sewaan Tolak: Elaun hutang ragu	784,058 — (156,775)	675,571 — (168,893)	657,186 — (217,863)
	<u>627,283</u>	<u>506,678</u>	<u>439,323</u>
Akaun belum terima sewaan letak kereta Tolak: Elaun hutang ragu	512,797 — 512,797	543,344 (135,836) 407,508	339,900 (330,976) 8,924
	<u>512,797</u>	<u>407,508</u>	<u>8,924</u>
Akaun belum terima sewaan pppt Tolak: Elaun hutang ragu	1,649,488 — (609,840)	1,431,832 — (357,958)	1,256,147 — (314,037)
	<u>1,039,648</u>	<u>1,073,874</u>	<u>942,110</u>
Akaun belum terima senggaraan Tolak: Elaun hutang ragu	946,865 — (372,824)	836,361 — (209,090)	740,639 — (185,160)
	<u>574,041</u>	<u>627,271</u>	<u>555,479</u>
	<u>2,753,769</u>	<u>2,615,331</u>	<u>1,945,836</u>

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar	5,908	—
Melepasi tempoh kena dibayar 1 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot nilai	50,024	35,067
Melepasi tempoh kena dibayar 31 hingga 60 hari tetapi tidak dirosot nilai	54,055	30,133
Melepasi tempoh kena dibayar 61 hingga 90 hari tetapi tidak dirosot nilai	23,907	35,363
Melepasi tempoh kena dibayar 91 hari tetapi tidak dirosot nilai	2,619,875	2,514,768
	<u>2,753,769</u>	<u>2,615,331</u>

Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut:

Baki pada awal tahun	871,777	1,048,036
Tambahan/(Pengurangan) tahun semasa	267,662	(176,259)
Baki pada akhir tahun	<u>1,139,439</u>	<u>871,777</u>

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Lain-lain akaun belum terima Pemaju Projek	2,195,364	2,195,364	2,195,364
Tolak:			
Elaun hutang ragu	<u>(2,195,364)</u>	<u>(2,195,364)</u>	<u>(2,195,364)</u>
	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
Pelbagai akaun belum terima	2,363,371	124,872	6,237,863
Tolak:			
Elaun hutang ragu	<u>(2,513)</u>	<u>(3,635)</u>	<u>(1,614,003)</u>
	<u>2,360,858</u>	<u>121,237</u>	<u>4,623,860</u>
Perbelanjaan terdahulu (Nota (a))	2,297,637	154,508	—
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST)	1,746,388	998,985	—
Deposit SAINS	456,524	387,554	525
Agensi kutipan	201,032	76,642	181,028
Faedah atas simpanan tetap terakru	135,528	—	—
Kutipan kad kredit/debit	133,075	382,623	331,959
Pinjaman kenderaan	67,871	125,854	119,176
Pinjaman komputer	11,484	18,875	27,852
Pinjaman pendidikan	16,400	—	—
Faedah atas pinjaman pendahuluan jangka pendek	35,924	—	—

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
Deposit dan wang amanah	31,792	31,792	31,792
Pendahuluan kakitangan	1,400	19,084	600
Deposit pejabat pos	—	3,000	3,000
Deposit telefon	—	1,000	1,000
	<u>7,495,913</u>	<u>2,321,154</u>	<u>5,320,792</u>

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Dianalisa seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan	7,416,559	2,219,374	5,214,664
Lebih daripada 12 bulan	79,354	101,780	106,128
	<u>7,495,913</u>	<u>2,321,154</u>	<u>5,320,792</u>

	2016 RM	2015 RM
(a) Perbelanjaan terdahulu terdiri daripada:		
Perbelanjaan terdahulu deposit AEON Big 10%	2,156,492	—
Bayaran bil air - Syarikat Air Negeri Sembilan	42,341	16,781
Bayaran bil pembentungan - Indah Water Konsortium	98,804	137,727
	<u>2,297,637</u>	<u>154,508</u>

## 6. SIMPANAN TETAP

	2016 RM	2015 RM
Komersil bank	18,500,000	5,000,000
Institusi kewangan	32,100,000	39,500,000
Syarikat kewangan berlesen	5,400,000	7,500,000
	<u>56,000,000</u>	<u>52,000,000</u>

## 7. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2016 RM	2015 RM
Tunai di tangan	10,600	80,265
Wang di bank	4,319,873	5,562,994
	<u>4,330,473</u>	<u>5,643,259</u>



## 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

## 8.1 TAHUN 2016

	Tanah		Bangunan		Jentera Berat		Jentera Ringan		Alatan Pejabat		Peralatan dan Kelengkapan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS														
Pada 1 Januari 2016	10,809,788	26,332,289	16,861,433	1,353,369	8,501,929	391,942	64,250,750							
Seperti yang dinyatakan semula														
Tambahan dalam tahun	—	790,633	276,995	222,391	1,264,610	87,668	2,642,297							
Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 10)	—	229,400	—	—	—	—	229,400							
Pelupusan dalam tahun	—	—	(692,868)	(10,546)	(1,238,657)	—	(1,942,071)							
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	10,809,788	27,352,322	16,445,560	1,565,214	8,527,882	479,610	65,180,376							
SUSUTNILAI TERKUMPUL														
Pada 1 Januari 2016	121,803	6,305,579	10,903,721	1,101,336	5,781,991	379,290	24,593,720							
Seperti yang dinyatakan semula														
Susutnilai tahun semasa	10,585	545,991	1,315,052	107,649	485,714	8,112	2,473,103							
Pelupusan dalam tahun	—	—	(692,859)	(9,105)	(1,231,597)	—	(1,933,561)							
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	132,388	6,851,570	11,525,914	1,199,880	5,036,108	387,402	25,133,262							
AMAUN BAWAAN														
Pada 31 Disember 2016	10,677,400	20,500,752	4,919,646	365,334	3,491,774	92,208	40,047,114							

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah kenderaan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM3,661,944 (2015: RM4,398,393) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

## 8.2 TAHUN 2015

	Tanah	Bangunan	Jentera Berat	Jentera Ringan	Alatan Pejabat	Peralatan dan Kelengkapan	Jumlah seperti yang dinyatakan terdahulu
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>KOS</b>							
Pada 1 Januari 2015	10,809,788	26,257,151	17,280,988	1,382,652	8,085,686	391,942	64,208,207
Seperti yang dinyatakan semula							
Tambahan dalam tahun	—	75,138	193,610	44,090	598,742	—	911,580
Pelupusan dalam tahun	—	—	(613,165)	(73,373)	(182,499)	—	(869,037)
<b>KOS PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>10,809,788</b>	<b>26,332,289</b>	<b>16,861,433</b>	<b>1,353,369</b>	<b>8,501,929</b>	<b>391,942</b>	<b>64,250,750</b>
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>							
Pada 1 Januari 2015	111,218	5,768,855	10,213,984	1,059,886	5,512,344	368,080	23,034,367
Seperti yang dinyatakan semula							
Susutnilai tahun semasa	10,585	536,724	1,320,688	114,816	452,124	11,210	2,446,147
Pelupusan dalam tahun	—	—	(630,951)	(73,366)	(182,477)	—	(886,794)
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>121,803</b>	<b>6,305,579</b>	<b>10,903,721</b>	<b>1,101,336</b>	<b>5,781,991</b>	<b>379,290</b>	<b>24,593,720</b>
<b>AMAUN BAWAAN</b>							
Pada 31 Disember 2015	10,687,985	20,026,710	5,957,712	252,033	2,719,938	12,652	39,657,030
Seperti yang dinyatakan semula							

9. HARTANAH PELABURAN

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
Tanah dan Bangunan		
Kos		
Baki Pada Awal Tahun	234,926,455	224,296,241
Tambahan	662,460	398,527
Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 10)	229,270	10,231,687
	<u>235,818,185</u>	<u>234,926,455</u>
Baki Pada Akhir Tahun		
Pelunasan Terkumpul		
Baki Pada Awal Tahun	35,776,223	31,108,246
Tambahan	4,469,392	4,667,977
	<u>40,245,615</u>	<u>35,776,223</u>
Baki Pada Akhir Tahun		
Amaun Bawaan	195,572,570	199,150,232
	<u>195,572,570</u>	<u>199,150,232</u>

10. KERJA DALAM KEMAJUAN

Baki pada awal tahun	424,402	10,231,687
Tambahan	4,144,483	424,402
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 8)	(229,400)	—
Pindahan ke Hartanah Pelaburan (Nota 9)	(229,270)	(10,231,687)
	<u>4,110,215</u>	<u>424,402</u>
Baki pada akhir tahun		

Termasuk di dalam tambahan tahun semasa adalah pembelian premis Perniagaan Pusat Perdagangan Paroi yang dalam pembinaan berjumlah RM3,740,000 yang telah dicagarkan bagi membiayai pinjamannya seperti yang dinyatakan pada Nota 16 kepada penyata kewangan.

11. ASET TAK KETARA

11.1 TAHUN 2016

	Perisian komputer dalam RM	Perisian komputer pelaksanaan RM	Jumlah RM
KOS			
Pada 1 Januari 2016	1,688,665	230,340	1,919,005
Seperti yang dinyatakan semula			
Tambahan dalam tahun	47,189	256,336	303,525
Pindahan	357,300	(357,300)	—
	<u>2,093,154</u>	<u>129,376</u>	<u>2,222,530</u>
KOS PADA 31 DISEMBER 2016			
PELUNASAN TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2016	1,358,632	—	1,358,632
Seperti yang dinyatakan semula			

	Perisian komputer dalam RM	Perisian komputer pelaksanaan RM	Jumlah RM
Pelunasan tahun semasa	142,927	—	142,927
<b>PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016</b>	<b>1,501,559</b>	<b>—</b>	<b>1,501,559</b>
<b>AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember 2016</b>	<b>591,595</b>	<b>129,376</b>	<b>720,971</b>
<b>11.2 TAHUN 2015</b>			
<b>KOS</b>			
Pada 1 Januari 2015	1,688,665	—	1,688,665
Seperti yang dinyatakan semula Tambahkan dalam tahun	—	230,340	230,340
<b>KOS PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>1,688,665</b>	<b>230,340</b>	<b>1,919,005</b>
<b>PELUNASAN TERKUMPUL</b>			
Pada 1 Januari 2015	1,132,611	—	1,132,611
Seperti yang dinyatakan semula Pelunasan tahun semasa	226,021	—	226,021
<b>PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>1,358,632</b>	<b>—</b>	<b>1,358,632</b>
<b>AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember 2015</b>	<b>330,033</b>	<b>230,340</b>	<b>560,373</b>
<b>12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU</b>			
	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Pelbagai akaun belum bayar (Nota (a))	14,546,595	5,803,942	10,226,505
Deposit	10,158,301	9,451,837	7,103,165
Wang amanah projek-projek Kerajaan Agensi kutipan	4,587,500	2,663,612	1,820,921
Pelbagai terimaan terdahulu	1,071,839	1,136,794	841,037
Wang amanah PPKB	72,523	66,499	116,694
	<b>30,436,758</b>	<b>19,122,684</b>	<b>20,108,322</b>
(a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada:			
Akaun cek bayaran terbatal	5,632,500	179,092	276,245
Lain-lain sipiutang	8,844,705	5,523,876	9,907,660
Peruntukan bayaran audit	41,940	45,000	42,600
Sipiutang debt collector	27,450	55,974	—
	<b>14,546,595</b>	<b>5,803,942</b>	<b>10,226,505</b>

13. GERAN TERTUNDA

Geran tertunda terdiri daripada:

	2016 RM	2015 RM
Baki pada awal tahun	1,701,751	3,128,452
Terimaan geran tahun semasa	5,948,131	1,209,458
Tolak:		
Pelunasan	(1,671,434)	(2,636,159)
Baki pada akhir tahun	5,978,448	1,701,751

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Baki pada awal tahun	987,545	970,055	1,192,273
Tambahan	298,187	272,512	132,349
Penggunaan	(332,226)	(255,022)	(354,567)
Baki pada akhir tahun	953,506	987,545	970,055
	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan	382,807	332,226	255,022
Lebih daripada 12 bulan	570,699	655,319	715,033
	953,506	987,545	970,055

15. PINJAMAN SEWA BELI

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	
Analisa sewa beli			
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	1,153,120	1,562,268	1,562,259
Bayaran balik di antara 1 hingga 5 tahun	473,042	1,344,446	2,843,605
	1,626,162	2,906,714	4,405,864
Tolak:			
Faedah tertunda	(79,017)	(142,457)	(289,186)
	1,547,145	2,764,257	4,116,678

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2015 RM
Mewakili liabiliti sewa beli			
Matang dalam tempoh 12 bulan	1,098,461	1,439,079	1,353,378
Matang selepas tempoh 12 bulan	448,684	1,325,178	2,763,300
	<u>1,547,145</u>	<u>2,764,257</u>	<u>4,116,678</u>
Pinjaman sewa beli adalah terdiri daripada:			
(i) Pinjaman AmIslamic Malaysia Bhd. Tujuan: Pembelian Kenderaan Jumlah: RM3,404,983.23 Kadar Faedah: 2.45% - 6.60% Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank.	325,844	1,073,169	1,774,723
(ii) Pinjaman RHB Islamic Berhad Tujuan: Pembelian Kenderaan Jumlah: RM3,327,500.00 Kadar Faedah: 3.0% - 3.15% Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank.	999,355	1,691,088	2,341,955
(iii) Pinjaman Maybank Islamic Sdn. Bhd. Tujuan: Pembelian Kenderaan Jumlah: RM254,374.72 Kadar Faedah: 2.48% - 3.25% Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank.	221,946	—	—
	<u>1,547,145</u>	<u>2,764,257</u>	<u>4,116,678</u>
<b>16. PINJAMAN</b>			
Analisa pinjaman			
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	344,746	200,000	200,000
Bayaran balik di antara 1 hingga 60 tahun	13,199,570	3,543,341	3,591,675
	<u>13,544,316</u>	<u>3,743,341</u>	<u>3,791,675</u>
Tolak:			
Faedah tertunda	(6,254,446)	—	—
	<u>7,289,870</u>	<u>3,743,341</u>	<u>3,791,675</u>

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula	1-1-2015 RM
Mewakili pinjaman			
Matang dalam tempoh 12 bulan	344,746	200,000	200,000
Matang selepas tempoh 12 bulan	6,945,124	3,543,341	3,591,675
	<u>7,289,870</u>	<u>3,743,341</u>	<u>3,791,675</u>
Pinjaman-pinjaman adalah terdiri daripada:			
Pinjaman Kerajaan Negeri			
(i) Tujuan: Membiayai Pembinaan Pasar Besar Seremban (1974) Jumlah: RM2,713,400.88 Faedah: Tiada Tempoh Bayaran Balik: 28 tahun (1-1-2011–31-1-2039) Cagaran: Tiada	1,408,570	1,450,549	1,490,913
(ii) Tujuan: Membiayai Pembinaan Rumah Pangsa Lobak Jumlah: RM6,750,000 Faedah: Tiada Tempoh Bayaran Balik: 68 tahun (1-1-2012–31-1-2079) Cagaran: Tiada	2,284,504	2,292,792	2,300,762
Pinjaman Bank Berlesen			
(i) Tujuan: Membiayai Premis Perniagaan Pusat Perdagangan Paroi Jumlah: RM4,400,000.00 Faedah: 6.85% Tempoh Bayaran Balik: 20 tahun (1-10-2016–30-9-2035) Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank	3,596,796	—	—
	<u>7,289,870</u>	<u>3,743,341</u>	<u>3,791,675</u>

17. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2016 RM	2015 RM Seperti yang dinyatakan semula
Cukai taksiran	59,418,102	57,880,156
Sumbangan Kerajaan dan Awam	32,216,239	47,596,134
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit	6,004,350	6,066,884

	2016	2015
	RM	RM
		Seperti yang dinyatakan semula
Sumbangan membantu kadar	3,163,037	3,159,215
Notis dan denda	3,059,972	3,106,439
Lain-lain terimaan	145,854	269,505
Hutang ragu baik pulih	—	1,668,578
	<u>104,007,554</u>	<u>119,746,911</u>
<b>18. URUSNIAGA PERTUKARAN</b>		
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	5,290,156	6,265,158
Sewaan	3,937,461	4,165,223
Faedah	2,982,302	2,015,184
Perolehan dari jualan barang	584,661	479,282
	<u>12,794,580</u>	<u>12,924,847</u>
<b>19. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP</b>		
	2016	2015
	RM	RM
Makanan dan minuman	12,470	10,300
Penginapan	366,822	274,100
Elaun perjalanan, bayaran tambang bas & teksi	362,745	397,823
Bayaran-bayaran lain	14,006	11,051
	<u>756,043</u>	<u>693,274</u>
<b>20. UTILITI</b>		
Elektrik	8,476,740	8,166,243
Air	985,371	1,624,902
Telefon	419,506	396,584
Pos	220,518	237,291
Pembentungan	148,290	94,051
	<u>10,250,425</u>	<u>10,519,071</u>
<b>21. SEWAAN</b>		
	2016	2015
	RM	RM
		Seperti yang dinyatakan semula
Sewaan bangunan pejabat	384,732	163,302
Sewaan alat kelengkapan elektronik yang lain	235,020	237,100
Kenderaan penumpang	57,676	87,238
Sewaan pelbagai alat kelengkapan penyiaran	29,840	26,900
Sewaan jentera lain-lain	27,050	9,750
Sewaan jentera pertanian	12,500	5,700
Bayaran sewaan lain-lain	—	16,530
	<u>746,818</u>	<u>546,520</u>



## 22. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH

	2016	2015
	RM	RM
Bitumen termasuk premix	875,746	743,978
Alat-alat ganti	797,445	719,024
Petroleum dan bahan-bahan pembakar	525,443	613,432
Bekalan pertanian	312,047	372,072
Kimia dan bahan-bahan kimia	308,126	330,347
Logam	238,859	242,161
Getah dan barang-barang buatan getah	128,158	138,132
Kayu dan keluaran kayu	45,373	41,044
	<u>3,231,197</u>	<u>3,200,190</u>

## 23. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

Bekalan pejabat	737,136	535,457
Bekalan tunanan dan barang-barang pakaian	534,183	496,058
Bekalan am	441,771	412,018
Bekalan riadah	83,759	94,902
Bekalan dan bahan fotografi	12,740	1,440
	<u>1,809,589</u>	<u>1,539,875</u>

## 24. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

Penyelenggaraan kemudahan	6,028,250	3,918,846
Penyelenggaraan bangunan termasuk lif dan alat keselamatan	2,329,566	1,563,293
Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat, perabot dan kelengkapan	5,954	25,334
Penyelenggaraan kenderaan dan jentera	402,829	203,380
Penyelenggaraan alat kelengkapan elektronik	512,464	494,776
Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik	380,148	706,525
Penyelenggaraan alat-alat lain	137,000	1,908
	<u>9,796,211</u>	<u>6,914,062</u>

## 25. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

	2016	2015
	RM	RM
		Seperti yang dinyatakan semula
Perkhidmatan yang dibeli (Nota (a))	22,609,229	21,136,140
Bayaran kepada pekerja sementara dan sambilan	5,516,288	4,981,730
Kerajaan, hospitaliti dan honorarium	995,457	883,615
Perkhidmatan percetakan dan menjilid	431,922	483,997
	<u>29,552,896</u>	<u>27,485,482</u>

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

Perkhidmatan yang lain	18,841,568	18,314,680
Perkhidmatan perubatan	868,059	794,415

	2016	2015
	RM	RM
		Seperti yang dinyatakan semula
Perkhidmatan latihan kakitangan	653,230	365,096
Perkhidmatan perlindungan dan keselamatan	553,806	450,041
Perkhidmatan arkitek	427,380	146,611
Perkhidmatan persediaan makanan	406,281	293,028
Perkhidmatan jurutera	283,754	154,367
Perkhidmatan pengiklanan	197,599	165,825
Perkhidmatan jurukur	125,320	75,866
Perkhidmatan perundangan	123,608	260,301
Perkhidmatan penghantaran bil	50,079	52,294
Perkhidmatan perakaunan dan auditan	38,879	40,732
Perkhidmatan penilaian dan pengurusan harta	12,900	—
Perkhidmatan penyenggaraan apartment	12,864	13,233
Perkhidmatan fotografi, blue printing dan mikrofilem	8,081	5,050
Perkhidmatan pengangkutan sampah	4,521	4,601
Perkhidmatan penyelenggaraan	1,300	—
	<u>22,609,229</u>	<u>21,136,140</u>
26. PEMBERIAN DALAM NEGERI		
	2016	2015
	RM	RM
Pemberian kepada Kelab Sukan	234,800	230,500
Pemberian kepada Lain-Lain Persatuan	43,350	7,517
Bantuan kematian	21,000	6,000
Perusahaan bukan kewangan	—	87,285
Pemberian khas kepada Kementerian dan Jabatan Negeri	—	2,000
	<u>299,150</u>	<u>333,302</u>
27. TUNTUTAN INSURANS DAN PAMPASAN		
Individu	<u>1,171</u>	<u>39,137</u>
28. FAEDAH		
Faedah yang dibayar atas pinjaman	262,009	209,839
Pembalikan masa kini	149,734	151,666
	<u>411,743</u>	<u>361,505</u>
29. PELBAGAI PERBELANJAAN		
Pelbagai termasuk premium insurans, komisen bank	516,034	471,080
Cukai, cukai tanah dan duti setem	100,729	139,037
Yuran persatuan	2,000	2,000
	<u>618,763</u>	<u>612,117</u>

## 30. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

	2016	2015
	RM	RM
Menaik taraf jalan dan lorong-lorong	18,042,830	33,664,895
Memasang dan menukar lampu	2,900,770	609,884
Lain-lain infrastruktur	2,289,365	1,715,333
Menaik taraf longkang dan saliran	1,624,597	963,874
Membina/Tampan Permainan kanak-kanak	231,930	53,410
Keselamatan rangkaian	184,270	130,863
Pengindahan di kawasan Majlis/Projek Landskap	178,520	405,217
Pembangunan sistem aplikasi perisian	164,966	233,822
Membina/Membaiki gerai dalam kawasan Majlis	153,368	—
Membina pondok menunggu bas	108,994	119,800
Membina billboard sekitar Seremban	63,600	—
Menaik taraf padang bola sepak, tenis dan futsal	18,827	398,718
Pembinaan tandas awam	—	95,043
Pelaksanaan Bandar Sejahtera	—	16,000
Bantuan bencana alam	293,558	225,265
	<u>26,255,595</u>	<u>38,632,124</u>

## 31. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu (2014)	Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan	Dinyatakan Semula
	RM	RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 31.1)			
(a) Tanah dan bangunan	162,534,144	128,697	162,662,841
(b) Peruntukan susutnilai (tanah dan bangunan)	(29,786,068)	(69,746)	(29,855,814)
(c) Peruntukan susutnilai (jentera berat)	(10,213,984)	17,792	(10,196,192)
(d) Peruntukan susutnilai (jentera ringan)	(1,059,886)	3	(1,059,883)
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 31.2)			
(a) Sewaan	2,253,233	(1,000)	2,252,233
(b) Peruntukan hutang ragu (khas)	(317,424)	317,424	—
(c) Senggaraan	740,639	(500)	740,139
Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 31.3)			
(a) Pelbagai akaun belum terima	6,237,863	379	6,238,242
(b) Peruntukan hutang ragu (umum)	(1,614,003)	54,537	(1,559,466)
(c) Deposit dan wang amanah	525	62,370	62,895

	Dinyatakan Terdahulu (2014) RM	Pelarasan Tahun Lalu/ Perbezaan RM	Dinyatakan Semula RM
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 31.4)			
(a) Wang Amanah (sewaan)	(988,777)	706	(988,071)
(b) Pelbagai akaun belum bayar	(10,300,598)	161,049	(10,139,549)
(c) Agensi kutipan	(4,249)	(3,956)	(8,205)
Pinjaman Sewa Beli (Nota 31.5)			
(a) Kenderaan/Jentera	4,116,678	(9)	4,116,669
Perhubungan dan Utiliti (Nota 31.6)			
(a) Pembedungan	50,784	(23,427)	27,357
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain (Nota 31.7)			
(a) Pelbagai termasuk Premium, Insurans, Komisyen Bank dan Bayaran-bayaran Lain Yang Tidak Dijeniskan	701,671	(8,210)	693,461
Jumlah Pelarasan Tahun Terdahulu		636,109	

## Nota:

## 31.1 Hartanah, loji dan peralatan

## (a) Tanah dan bangunan

Pelarasan tahun lalu adalah bagi kos Tanah dan Bangunan berjumlah RM128,697.00 bagi mengambil kira baki bayaran membina dan menyiapkan Kiosk Penjaja dan juga kerja-kerja berkaitan di Taman Ampangan sebagai aset Majlis.

## (b) Peruntukan susutnilai (tanah dan bangunan)

Pelarasan tahun lalu disebabkan oleh peruntukan terkurang caj bagi 14 buah Kiosk di Taman Telawi Ampangan bagi tempoh 2011 hingga 2014 sebanyak RM19,841.00 dan Dewan Orang Ramai Sikamat dan Taman Tasik Jaya yang telah terkurang caj pada tahun 2014 sebanyak RM49,905.00.

## (c) Peruntukan susutnilai (jentera berat)

Pelarasan tahun lalu bagi Jentera Berat jenis 'Pick Up Single Cap 4 x 2' dan lori terbuka model Nissan Diesel yang telah tersilap caj pada tahun 2014 sebanyak RM17,792.40.

## (d) Peruntukan susutnilai (jentera ringan)

Pelarasan tahun lalu bagi Jentera Ringan iaitu motor Honda yang telah tersilap caj pada tahun 2014 sebanyak RM3.00.

## 31.2 Urusniaga pertukaran belum terima

## (a) Sewaan

Pelarasan bagi tunggakan hasil sewaan PPRT bagi tahun 2013 iaitu sebanyak RM1,000.00.

## (b) Peruntukan hutang ragu (khas)

Pelarasan dibuat bagi mempelaraskan semula peruntukan hutang ragu (khas) bagi Sewaan Letak Kereta sebanyak RM246,001.52 dan bagi Sewaan Gerai di Jalan Dato Muda Linggi sebanyak RM71,422.00 yang tidak dicaj pada tahun 2014.

## (c) Senggaraan

Pelarasan bagi tunggakan hasil senggaraan PPRT bagi tahun 2013 iaitu sebanyak RM500.00

## 31.3 Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan

## (a) Pelbagai akaun belum terima

Pelarasan pada pelbagai akaun belum terima sebanyak RM378.69 bagi mengambil kira pelarasan gaji bulan Jun 2014 Encik Ismail Bin Mohd Aziz yang telah terlebih pengambilan cuti tahunan.

## (b) Peruntukan hutang ragu (umum)

Pelarasan tahun lalu pada peruntukan hutang ragu (umum) bagi pelbagai akaun belum terima sebanyak RM54,537.08 yang tidak diperuntukkan pada tahun 2014.

## (c) Deposit dan wang amanah

Pelarasan pada Wang Amanah - Air kerana deposit air sebanyak RM62,370.00 yang telah dijelaskan kepada SAINS sebelum tahun 2015 telah tersalah rekod sebagai belanja.

## 31.4 Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru

## (a) Wang Amanah (sewaan)

Pelarasan pada Wang Amanah ini bertujuan untuk memperlarkan deposit sewa yang telah dibayar kepada tunggakan sewa bagi transaksi dari tahun 1991 sehingga 1999 berjumlah RM706.00.

## (b) Pelbagai akaun belum bayar

(i) Memperlarkan bil tunggakan SAINS berjumlah (RM3,288.28) dengan SiBerhutang Caruman Bantu Kadar SAINS pada bulan Oktober 2014.

(ii) Pelarasan bagi bil IWK sebanyak (RM3,577.98) untuk tahun 2014. Pelarasan ini dibuat setelah mengambil kira penggunaan sebenar air pada tempoh tersebut.

(iii) Memperlarkan perbezaan jumlah SiPiutang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal kerana terlebih caj sebanyak RM0.10 pada tahun 2013.

(iv) Pelarasan ke atas bayaran bil-bil TNB pada tahun 2013 bagi cek berjumlah RM59,915.00 yang dipulangkan kepada Majlis kerana cek bayaran telah diganti.

(v) Pelarasan pembatalan cek bagi bayaran deposit sebanyak RM108,000.00 ke atas pengambilan tanah PT 142 dan Lot 1082 pada tahun 2013 kerana Majlis telah dimaklumkan supaya tidak membuat bayaran tersebut.

## (c) Agensi kutipan

Pelarasan bagi kutipan Cukai Taksiran oleh Agensi Kutipan iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) bertarikh 29 Ogos 2013, 23 Oktober 2014, 30 Disember 2014 dan 31 Disember 2014 berjumlah RM3,956.40. Bayaran hanya dapat dikenal pasti sebagai kutipan cukai taksiran pada tahun 2015.

## 31.5 Pinjaman Sewa Beli

## (a) Kenderaan/Jentera

Pelarasan bagi Pinjaman Sewa Beli yang terlibat dalam pelarasan tahun terdahulu adalah bagi memperlarkan faedah pinjaman sewabeli dari AmIslamic (M) Bhd. dan RHB Islamic Berhad yang telah terlebih rekod sebanyak RM8.83 pada tahun 2014.

## 31.6 Perhubungan dan Utiliti

## (a) Pembetulan

Pelarasan yang terlibat adalah untuk memperlarkan semula bayaran tunggakan bil Pembetulan sebanyak RM23,426.53 bagi Tandas Awam Pasar Rasah Jaya (no. akaun: 50066984).

## 31.7 Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

## (a) Pelbagai termasuk premium insurans, komisyen bank dan bayaran-bayaran lain yang tidak disenaraikan.

Pelarasan bagi Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain yang terlibat dalam pelarasan tahun terdahulu adalah bagi memperlarkan belanja Pulangan Balik Hasil ke atas pembelian dokumen sebutharga berjumlah RM700.00 dan juga belanja Pulangan Balik Hasil ke atas bayaran Lesen 2015 oleh Syarikat Giant Hypermarket Senawang berjumlah RM7,510.00.

## 32. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2016, hanya terdapat 2 sahaja kes yang dijangka mempunyai keberangkalan melebihi 50% menyebelahi majlis iaitu:

## (i) Per: Mahkamah Tinggi di Seremban, Malaysia

Rayuan Sivil No. N-02(IM)(NCVC)-1169-07/2016  
Era Baru –lwn- MPS

Tuntutan daripada Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. Berkenaan dengan kadar sumbangan kerja pembinaan jalan bagi satu projek yang dikenali sebagai Cadangan Menaiktaraf Jalan Labu Lama, Bandar Seremban, Seremban berjumlah RM2,880,596.80 yang dipersetujui pada peringkat awal perlu ditanggung oleh tiga (3) pihak dengan jumlah seperti berikut iaitu:

- (i) Syarikat Panji Timor Sdn. Bhd. (RM1,137,077.60)
- (ii) Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. ( RM871,759.60); dan
- (iii) Majlis Perbandaran Seremban (RM871,759.60).

Pembinaan jalan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak Syarikat Panji Baru Sdn. Bhd. dan telah siap pembinaannya pada 30-3-2004. Pihak Majlis telah menjelaskan bayaran yang sepatutnya dibayar kepada Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. Berjumlah RM871,759.60. Walaubagaimanapun, pihak Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. telah menuntut jumlah yang telah gagal dijelaskan oleh Syarikat Panji Timor Sdn. Bhd. berjumlah RM1,137,077.60 daripada pihak Majlis.

Memandangkan jumlah tersebut perlu dijelaskan oleh pihak Panji Timor Sdn. Bhd. dan tiada sebarang persetujuan daripada pihak Majlis untuk menjelaskan jumlah yang dituntut oleh pihak Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. tersebut, maka pihak Majlis menjangkakan bahawa tuntutan terhadap Majlis ini berkemungkinan tidak akan berjaya.

- (ii) Per: Mahkamah Tinggi di Seremban, Malaysia  
Rayuan Sivil No. N-02(IM)(NCVC)-1169-07/2016  
Panji Timor Sdn. Bhd.-lwn-MPS

Tuntutan daripada Panji Timor Sdn. Bhd. berkenaan dengan milikan bangunan Kompleks Terminal 1 Seremban yang dikatakan bahawa Majlis Perbandaran Seremban hanya berhak ke atas tingkat bawah dan tingkat 1 Kompleks tersebut sahaja manakala tingkat 2 hingga 12 adalah milik Panji Timor Sdn. Bhd.

Memandangkan hartanah tersebut didaftarkan di atas nama Majlis Perbandaran Seremban dan perjanjian ditandatangani serta dokumen-dokumen yang sedia ada jelas menunjukkan bahawa Kompleks tersebut adalah milik Majlis Perbandaran Seremban dan Panji Timor Sdn. Bhd. tidak mempunyai hak ke atas bangunan tersebut, maka pihak Majlis menjangkakan bahawa tuntutan terhadap Majlis ini berkemungkinan tidak akan berjaya.

### 33. INSTRUMEN KEWANGAN-DASAR PENGURUSAN RISIKO

#### Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajibannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

#### Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2016			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan	30,436,758	—	30,436,758
Pinjaman sewa beli	1,098,461	448,684	1,547,145
Pinjaman	344,746	6,945,124	7,289,870
	<u>31,879,965</u>	<u>7,393,808</u>	<u>39,273,773</u>

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2015			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan	19,122,684	—	19,122,684
Pinjaman sewa beli	1,439,079	1,325,178	2,764,257
Pinjaman	200,000	3,543,341	3,743,341
	<u>20,761,763</u>	<u>4,868,519</u>	<u>25,630,282</u>

#### Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM743,759 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

#### Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

#### 34. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2016	2015
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	<u>21</u>	<u>24</u>
	2016	2015
	RM	RM
Jumlah ganjaran	<u>559,184</u>	<u>347,777</u>

#### 35. KOMITMEN MODAL

Pembelian AEON Big (Nota (a))	20,425,000	—
Pembelian Premis Perniagaan Pusat	3,596,796	—
Perdagangan Paroi		
Kerja dalam kemajuan	738,141	—
Perisian dalam pelaksanaan	167,600	—
	<u>24,927,537</u>	<u>—</u>



Nota (a)

Majlis telah memeterai perjanjian untuk membeli sebuah bangunan Aeon Big yang terletak di Taman Forest Height, Geran 245947, Lot 24392, Mukim Bandar Seremban, Daerah Seremban.

Majlis telah membuat komitmen dana untuk pemerolehan ini dan bayaran deposit 10% telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Majlis sebagai perbelanjaan terdahulu.

36. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MPS pada 26 Oktober 2015. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 26 Oktober 2015. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2016, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM26,936,000.00.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	(7,062,869)	(4,109,146)	(2,048,198)	(13,220,213)
Perbezaan asas (Nota (a))	14,635,178	1,270,707	—	15,905,885
Perbezaan masa	—	—	—	—
Perbezaan entiti (Nota (b))	—	—	1,542	1,542
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	7,572,309	(2,838,439)	(2,046,656)	2,687,214

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:

Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaikan bank.

[SUKNS. 700-10/5/9; PUNS 100/2/8 (PK)]

#### **No. 664.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Nilai pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

##### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

##### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Nilai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions.

##### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Nilai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata Majlis Perbandaran Nilai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Nilai untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut The International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Nilai.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan

keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Nilai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Nilai telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.2 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Nilai telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Lembaran Imbangan Majlis Perbandaran Nilai pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
 YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
 MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Saya, Dato' Hj Abd Halim bin Hj Abd Latif, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Nilai, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
 Penama yang tersebut di atas  
 di Seremban, Negeri Sembilan  
 pada 26 April 2017

}

Di hadapan saya,  
 ODEAN SUNTIRAN A/L RAMAN  
*Pesuruhjaya Sumpah*  
*Malaysia*

PENYATA MAJLIS

MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Kami, Dato' Hj Abd Halim bin Hj Abd Latif, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai dan Nazri bin A. Ghani, Setiausaha Majlis Perbandaran Nilai dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar beserta dengan nota-nota di dalamnya telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' HAJI ABD HALIM BIN HAJI ABD LATIF  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Nilai*

NAZRI BIN A. GHANI  
*Setiausaha,*  
*Majlis Perbandaran Nilai*

Bertarikh 7 April 2017

## KENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

## MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Kami, Dato' Hj Abd Halim bin Hj Abd Latif dan Syahrudin bin Shahwan, daripada Ahli Majlis Perbandaran Nilai menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang di dalamnya telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan, Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

DATO' HAJI ABD HALIM BIN HAJI ABD LATIF  
Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Nilai

SYAHRUNIZAM BIN SHAHWAN  
Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Nilai

Bertarikh 7 April 2017

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
		<i>seperti yang dinyatakan semula</i>	<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 3)	19,126,674	34,448,394	37,829,900
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4)	2,063,151	505,391	243,783
Simpanan Tetap (Nota 5)	56,000,000	44,000,000	33,000,000
Wang di Bank dan di Tangan (Nota 6)	13,423,206	14,398,758	9,507,822
	<u>90,613,031</u>	<u>93,352,543</u>	<u>80,581,505</u>
<b>PROJEK USAHASAMA</b>	<u>—</u>	<u>—</u>	<u>10</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4)	24,121	—	—
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7)	39,365,022	35,800,148	33,884,586
Hartanah Pelaburan (Nota 8)	2,200,923	—	—
Aset Tak Ketara (Nota 9)	622,892	678,432	—
	<u>42,212,958</u>	<u>36,478,580</u>	<u>33,884,586</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>132,825,989</u>	<u>129,831,123</u>	<u>114,466,101</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum	15,472,665	12,623,288	12,089,107

	2016 RM	2015 RM <i>seperti yang dinyatakan semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Bayar (Nota 10)			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 11)	24,871,435	20,516,001	12,818,449
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 12)	26,179	—	—
Geran Tertunda (Nota 13)	4,408,904	3,472,145	2,431,437
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan (Nota 14)	714,603	553,159	415,670
Pinjaman Sewa Beli Bangunan (Nota 15)	75,244	—	—
	<u>45,569,030</u>	<u>37,164,593</u>	<u>27,754,663</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 12)	30,175	—	—
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan (Nota 14)	1,168,949	1,283,074	1,247,706
Pinjaman Sewa Beli Bangunan (Nota 15)	2,142,229	—	—
	<u>3,341,353</u>	<u>1,283,074</u>	<u>1,247,706</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>48,910,383</u>	<u>38,447,667</u>	<u>29,002,369</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>83,915,606</u>	<u>91,383,456</u>	<u>85,463,732</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis (Nota 16)	82,774,167	91,078,456	85,158,732
Rizab Penilaian Semula Aset	836,439	—	—
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (Nota 17)	205,000	205,000	205,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (Nota 18)	100,000	100,000	100,000
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<u>83,915,606</u>	<u>91,383,456</u>	<u>85,463,732</u>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
<b>HASIL</b>		
Urus niaga bukan pertukaran (Nota 19)	94,194,245	90,214,410
Urus niaga pertukaran (Nota 20)	2,745,862	1,994,044
<b>JUMLAH HASIL</b>	<u>96,940,107</u>	<u>92,208,454</u>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 21)	9,913,247	8,600,556
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain-lain (Nota 22)	31,928,735	31,573,550

	2016 RM	2015 RM
\		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 23)	4,197,778	4,140,523
Perhubungan dan utiliti (Nota 24)	5,534,581	5,083,817
Bekalan dan bahan-bahan lain	1,074,536	869,151
Bayaran-bayaran lain (Nota 25)	603,140	852,836
Perbelanjaan pembangunan (Nota 26)	30,091,283	31,819,279
Bekalan dan bahan untuk penyelenggaraan	621,939	753,823
Perkhidmatan perbelanjaan dan sara hidup	207,778	155,874
Pemberian dalam negeri	1,104,222	590,220
Susutnilai (Nota 7-9)	2,198,104	1,909,833
Hutang Ragu (Nota 3)	17,087,966	953,197
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>104,563,309</b>	<b>87,302,659</b>
(KURANGAN)/LEBIHAN SEBELUM CUKAI CUKAI	(7,623,202)	4,905,795
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN</b>	<b>(7,623,202)</b>	<b>4,905,795</b>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan RM	Rizab Penilaian Semula RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki pada 1 Januari 2015	85,158,732	100,000	205,000	—	85,463,732
<i>Seperti yang dinyatakan terdahulu</i>					
Kesan awal pemakaian MPSAS (Nota 32)	1,055,940	—	—	—	1,055,940
Baki pada 1 Januari 2015	86,214,672	100,000	205,000	—	86,519,672
<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>					
Lebih Bersih bagi tahun 2015	4,905,795	—	—	—	4,905,795
Pelarasan Kumpulan Wang Majlis	(42,011)	—	—	—	(42,011)
Baki pada 31 Disember 2015	91,078,456	100,000	205,000	—	91,383,456
Lebih Bersih bagi tahun 2016	(7,623,202)	—	—	—	(7,623,202)
Rizab Penilaian Semula Aset	—	—	—	836,439	836,439
Pelarasan Kumpulan Wang Majlis	(681,087)	—	—	—	(681,087)
Baki pada 31 Disember 2016	82,774,167	100,000	205,000	836,439	83,915,606

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.



PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
(Kurangan)/Lebihan sebelum cukai	(7,623,202)	4,905,795
Pelarasan tunai:		
Faedah simpanan tetap	(1,871,810)	(1,259,651)
Peruntukan manfaat kakitangan	125,067	—
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	—	(251,998)
Faedah pinjaman sewa beli kenderaan	(127,357)	(97,284)
Pelarasan tahun lalu—perbelanjaan terlebih rekod	302,481	9,196
Pelarasan tahun lalu—NOD & kos guaman	—	10,926
Pelarasan tahun lalu—tunggakan hasil dan terimaan terdahulu	—	(62,133)
Belanja susutnilai	2,198,104	1,909,833
Belanja hutang ragu	17,087,966	953,197
Lain-lain pendapatan tertunda	199,243	39,063
Kerugian atas jualan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(7,446)	(26,727)
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	10,283,046	6,130,217
Kenaikan/(pengurangan) dalam aset/liabiliti		
Pergerakan bersih dalam belum terima	1,868,586	374,178
Pergerakan bersih dalam belum bayar	(4,355,435)	8,563,445
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	7,796,197	15,067,840
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Jualan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	—	30,468
Faedah simpanan tetap diterima	1,871,810	1,259,651
Belian hartanah, loji dan peralatan	(3,780,889)	(4,869,078)
Belian Aset tak ketara	(182,000)	—
Kerja dalam kemajuan	1,887,806	1,575,502
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	(203,273)	(2,003,457)
	<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Geran diterima	4,408,904	3,472,145
Pinjaman sewa beli bangunan	(174,603)	—
Pinjaman sewa beli kenderaan	(802,777)	(645,592)
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan	3,431,524	2,826,553
	<hr/>	<hr/>
PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	11,024,448	15,890,936
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	58,398,758	42,507,822
	<hr/>	<hr/>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	69,423,206	58,398,758
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:		
Simpanan Tetap	56,000,000	44,000,000
Wang di Bank dan di Tangan	13,423,206	14,398,758
	<hr/>	<hr/>
	69,423,206	58,398,758
	<hr/>	<hr/>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	Varian Bajet <sup>^</sup>
	Asal RM	Akhir RM		
<b>PENERIMAAN</b>				
Cukai taksiran am	46,660,000	46,660,000	48,191,779	1,531,779
Lesen dan permit	3,530,000	3,530,000	3,959,674	429,674
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	2,725,000	2,725,000	3,205,824	480,824
Perolehan daripada jualan barang	530,000	530,000	555,076	25,076
Sewaan	616,000	616,000	645,961	29,961
Faedah	896,000	896,000	2,017,921	1,121,921
Denda dan Hukuman	3,093,000	3,093,000	2,890,727	(202,273)
Terimaan dari lain-lain agensi	4,650,000	4,650,000	5,206,179	556,179
<b>Jumlah Penerimaan</b>	<b>62,700,000</b>	<b>62,700,000</b>	<b>66,673,141</b>	<b>3,973,141</b>
<b>PEMBAYARAN</b>				
Emolumen	11,133,000	10,601,860	9,924,176	(677,684)
Perkhidmatan perjalanan & sara hidup	202,000	247,000	204,923	(42,077)
Pengangkutan barang-barang	3,000	3,000	2,907	(93)
Perhubungan dan utiliti	4,496,500	5,859,800	5,535,031	(324,769)
Sewaan	277,000	292,000	220,643	(71,357)
Bekalan dan bahan untuk penyelenggaraan	863,000	866,584	621,939	(244,645)
Bekalan dan bahan-bahan lain	673,000	926,252	822,318	(103,934)
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	5,931,000	6,017,546	4,527,930	(1,489,616)
Perkhidmatan iktisas & perkhid. Lain	31,571,500	34,112,532	31,838,069	(2,274,463)
Aset	53,000	114,600	67,206	(47,394)
Perbelanjaan Pembangunan	6,200,000	11,240,000	5,846,885	(5,393,115)
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	1,052,000	1,424,326	1,105,675	(318,651)
Perbelanjaan Lain	235,000	234,500	196,631	(37,869)
<b>Jumlah Pembayaran</b>	<b>62,690,000</b>	<b>71,940,000</b>	<b>60,914,333</b>	<b>(11,025,667)</b>
<b>PENERIMAAN BERSIH</b>	<b>10,000</b>	<b>(9,240,000)</b>	<b>5,758,808</b>	<b>14,998,808</b>

<sup>^</sup>Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Penubuhan

Majlis Perbandaran Nilai pada dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Seremban (ditubuhkan pada 1 Januari 1979) melalui penyusunan semula ke atas Enam (6) Penguasa Tempatan di Negeri Sembilan sek. 3(a) dan 3(b), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Majlis Perbandaran Nilai telah diberi kenaikan taraf daripada Majlis Daerah Seremban dan majlis pengisytiharan kenaikan taraf tersebut telah dilaksanakan secara rasmi pada 2 Februari 2002. Majlis Perbandaran Nilai telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir lapan buah Mukim yang terdapat di dalam Daerah Seremban iaitu Mukim Setul, Mukim Labu, Mukim Rantau, Mukim Lenggeng, Mukim Pantai, Sebahagian Rasah, Sebahagian Ampangan dan Sebahagian Seremban.

## 1.2 Aktiviti Utama

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Nilai.

## 1.3 Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

## 1.4 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diluluskan oleh Ahli Majlis pada 7 April 2017.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (“MPSAS”) dan Satu Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Penyata kewangan Majlis ini adalah merupakan penyata peralihan kewangan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian. Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya tahun 2020.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 4.0 kepada Penyata Kewangan.

### 2.2 Pengiktirafan Hasil

#### 2.1.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

#### (i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis, Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

#### (ii) Caruman Bantu kadar dan lain-lain

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

## (iii) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

## (iv) Lesen dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

## (v) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

## (vi) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

## (vii) Sumbangan Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

## 2.2.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

## (i) Perolehan dari Jualan

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

## (ii) Faedah, dividen dan perolehan dari pelaburan

Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Keuntungan simpanan tetap daripada tabung akan diagihkan sebagai pendapatan tabung-tabung berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat dari peruntukan tabung tersebut. Bagi pelaburan simpanan tetap yang lain, pendapatan diambilkira dalam penyata prestasi kewangan.

(iii) Lain-lain pendapatan

Lain-lain pendapatan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (ii) di atas. Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Pembelian harta modal yang berharga RM2,000.00 dan ke atas bagi setiap unit manakala membaiki bangunan yang kosnya melebihi RM50,000.00 akan dipermodalkan.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Susut Nilai

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing. Tanah hak milik bebas dan pembinaan dalam bangunan tidak disusut nilai.

Kadar susut nilai adalah seperti berikut:

Bangunan	1.0%
Pelaburan Hartanah	1.0%
Bangunan Tidak Kekal	25.0%
Jentera berat	12.5%
Jentera ringan	20.0%
Alat-alat kelengkapan	33.3%
Alat-alat pejabat	10.0%
Aset Tak Ketara	10.0%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Perbelanjaan tertunda

Perbelanjaan tertunda adalah berkaitan kos penilaian semula harta di dalam kawasan Majlis. Pelunasan akan dibuat dalam jangkamasa lima tahun bermula pada tahun perbelanjaan dilakukan.

## 2.6 Hapuskira tunggakan hasil Majlis

Sebarang amaun hutang atau sebarang hasil Majlis yang telah melebihi enam (6) tahun atau tiada kemungkinan boleh didapatkan, boleh dikemukakan untuk pertimbangan hapus kira.

## 2.7 Manfaat Pekerja

### 2.7.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

### 2.7.2 Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

### 2.7.3 Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.7.4 Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

## 2.8 Cukai

Majlis Perbandaran Nilai adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 2.9 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusaniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

### Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

#### Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.0 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang 12 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### 3.1 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

#### 3.1.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

#### 3.1.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

### 3.2 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisut aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

#### Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

#### Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.



Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

#### Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.3 Peruntukan liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3.4 Aset tak ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

### 3.5 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 3.6 Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

### 3.7 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

### 3.8 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

### 3.9 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusan niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusan niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

#### 4.0 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

##### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

##### Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

##### 4.0.1 Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

##### 4.0.2 Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

##### 4.0.3 Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

##### 4.0.4 Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

#### 4.1 Pemakaian Awal MPSAS

Majlis telah mengguna pakai lebih awal MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar.

	Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 1 – Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2 – Cash Flow Statements	1 Januari 2017

	Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 3 – Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9 – Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13 – Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14 – Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 16 – Investment property	1 Januari 2017
MPSAS 17 – Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19 – Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20 – Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21 – Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23 – Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24 – Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25 – Employee Benefits	1 Januari 2017
MPSAS 26 – Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28 – Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29 – Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017
MPSAS 30 – Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31 – Intangible Assets	1 Januari 2017

#### 4.2 Kesan pemakaian Awal MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

##### 4.2.1 Perlakuan perakaunan bagi geran

MPSAS 23 Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers) menetapkan tentang keperluan untuk melaporkan hasil-hasil yang timbul daripada urusan niaga bukan pertukaran. Tiada piawaian yang setara di dalam PERS. Kesan yang ketara adalah berhubung dengan perlakuan perakaunan geran di mana MPSAS menghendaki geran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

##### 4.2.2 Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki pemula Kumpulan Wang Majlis.

#### 4.2.3 Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

#### 4.2.4 Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

#### 4.2.5 Elaun Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 25% daripada jumlah tunggakan. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun hutang ragu ini dibuat secara khas iaitu bukan berdasarkan kepada pertimbangan. Oleh itu semua kesan berhubung elaun hutang ragu ini telah dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan ini.

#### 4.2.6 Pengiktirafan faedah ke atas pinjaman kepada kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf semua faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman kepada kakitangan pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah mengambil kira perubahan dasar perakaunan tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

#### 4.2.7 Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan dimana Majlis telah membuat pelarasan tersebut. Selain daripada itu, Majlis juga mengiktiraf semua hartanah pelaburan yang dimiliki sebelum ini secara percuma pada nilai saksama kerana ia adalah transaksi urusniaga bukan pertukaran.

Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

#### 4.2.8 Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

#### 4.2.9 Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

## 4.2.10 Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

## 4.2.11 Aset infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan. Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya. Oleh itu, Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan di mana Majlis tidak perlu untuk menukar dasar perakaunan berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran aset infrastrukturnya di dalam tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerimainya MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Walau bagaimanapun, ahli Majlis berpendapat dengan menggunakan peruntukan dan pengecualian ini, ia tidak akan menjejaskan persembahan penyata kewangan yang saksama serta pematuhan kepada asas akuan MPSAS.

## 4.3 Tanggungan Luar jangka

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2016, hanya terdapat 1 tanggungan luar jangka iaitu pembayaran baki sebanyak RM 16,061,436.42 dituntut oleh Swcorp (Southern Waste Corporation). Walaubagaimanapun Majlis telah menjelaskan pembayaran sehingga 31 Disember 2016 (termasuk pembayaran Akaun Kena Bayar yang telah dijelaskan pada 19 Januari 2017 sebanyak RM6,453,198.50). Perbezaan sebanyak RM9,598,237.92 adalah berdasarkan kawasan tambahan yang dituntut oleh pihak Swcorp tetapi tidak termaktub dalam perjanjian bagi pembayaran tuntutan tersebut. Tuntutan ini masih dalam semakan dan dikaji semula terlebih dahulu dengan teliti sebelum memutuskan untuk tindakan pembayaran.

## 3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Cukai taksiran am	29,274,486	27,463,684	29,633,822
Notis E	4,980,644	4,729,201	4,611,368
Waran F	1,557,412	1,919,015	2,365,672
Sewaan	759,014	1,021,451	970,772
Caj Selenggaraan	213,565	268,240	248,266
	<u>36,785,121</u>	<u>35,401,591</u>	<u>37,829,900</u>
Tolak: Elaun Hutang Ragu			
Baki pada awal	953,197	—	—
Tambahan	17,087,966	953,197	—
(-) Hapuskira	(382,716)	—	—
	<u>17,658,447</u>	<u>953,197</u>	<u>—</u>
Baki pada akhir	17,658,447	953,197	—
Baki bersih	<u>19,126,674</u>	<u>34,448,394</u>	<u>37,829,900</u>

Analisa pengumuman urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Tidak rosot melepasi tempoh kena bayar	32,530	3,007,337
Melepasi tempoh dibayar 1 hingga 12 bulan tetapi tidak dirosot	2,461,467	3,273,678
Melepasi tempoh dibayar 13 hingga 24 bulan tetapi tidak dirosot	4,548,313	3,161,871
Melepasi tempoh dibayar 25 hingga 36 bulan tetapi tidak dirosot	3,171,788	2,551,182
Melepasi tempoh dibayar 37 hingga 48 bulan tetapi tidak dirosot	2,533,699	2,037,928
Melepasi tempoh dibayar 49 hingga 60 bulan tetapi tidak dirosot	2,137,197	1,401,890
Melepasi tempoh dibayar 61 hingga 72 bulan tetapi tidak dirosot	1,639,798	1,681,899
Melepasi tempoh dibayar 72 bulan tetapi tidak dirosot	2,601,882	17,332,609
	<u>19,126,674</u>	<u>34,448,394</u>

#### 4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Termasuk di dalam urusniaga pertukaran belum diterima adalah pelbagai penghutang seperti berikut:

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Pelbagai penghutang	4,723	4,224	4,079
Pemiutang GST	1,942,883	230,468	—
Pendahuluan gaji kakitangan Kesihatan Awam	14,597	—	—
Pendahuluan gaji kakitangan Unit Setempat	—	27,865	4,677
Pendahuluan gaji kakitangan Pesuruhjaya Bangunan	—	130,859	125,692
Penghutang GST	17,136	15,530	—
Penghutang pinjaman kenderaan	11,574	33,480	54,433
Penghutang pinjaman komputer	12,666	28,060	37,796
Pendahuluan MPN untuk akaun Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	3,000	3,000	3,000
Bayaran Terdahulu dan Deposit	56,572	31,905	14,106
	<u>2,063,151</u>	<u>505,391</u>	<u>243,783</u>

Kadar faedah bagi pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer bagi tahun 2016 dan 2015 adalah pada kadar 4% setahun.

RM

Dianalisa seperti berikut:

Pinjaman Kenderaan

Matang dalam tempoh 12 bulan	11,574
Matang selepas tempoh 12 bulan	9,323
	<u>20,897</u>

	RM		
Pinjaman Komputer			
Matang dalam tempoh 12 bulan		12,666	
Matang selepas tempoh 12 bulan		14,798	
		<u>27,464</u>	
5. SIMPANAN TETAP			
	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Simpanan tetap di bank berlesen/ syarikat kewangan	56,000,000	44,000,000	33,000,000
	<u>56,000,000</u>	<u>44,000,000</u>	<u>33,000,000</u>
6. WANG DI BANK DAN DI TANGAN			
	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
RHB Bank Berhad	10,135,565	10,334,731	8,026,805
Bank Islam Malaysia Berhad	111,026	17,775	797
Malayan Banking-Akaun pinjaman kenderaan	186,451	171,498	150,544
Akaun PPKB	302,507	303,285	339,117
Malayan Banking-M2U	1,043,537	263,418	61,958
Ambank	106,997	30,482	92,184
CIMB-Akaun Pinjaman Komputer	73,424	70,336	61,411
Malayan Banking-Akaun Gaji	48,580	342,406	40,924
Bank Rakyat	1,413,519	2,863,227	732,482
Wang Runcit	1,000	1,000	1,000
Wang Di Tangan	600	600	600
	<u>13,423,206</u>	<u>14,398,758</u>	<u>9,507,822</u>

## Nota:

Bayaran 50% kepada Majlis Perbandaran Seremban atas pembelian bangunan Aeon Big (M) Sdn. Bhd. bagi Pejabat Majlis Bandaraya Seremban dibayar pada tahun 2017 sebanyak RM2,156,492.



7. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

	Tamah dan bangunan RM	Bangunan tidak kekal RM	Jentera berat RM	Jentera ringan RM	Alat-alat kelengkapan RM	Alatan pejabat RM	Kerja dalam kemajuan RM	Jumlah
<b>KOS</b>								
Baki pada 1 Januari 20	31,933,035	1,352,595	7,260,131	202,209	418,881	7,580,890	158,042	48,905,783
Tambahan	2,102,168	148,536	601,650	100,650	18,000	809,885	1,887,806	5,668,695
Kurangan/Pelarasan	—	—	—	—	—	(13,753)	(158,042)	(171,795)
Baki pada 31 Disember	34,035,203	1,501,131	7,861,781	302,859	436,881	8,317,022	1,887,806	54,402,683
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>								
Baki pada 1 Januari 20	2,753,186	1,087,307	4,279,029	135,820	407,961	4,442,332	—	13,105,635
Tambahan	276,197	154,513	817,605	48,593	14,269	627,156	—	1,938,333
Kurangan/Pelarasan	—	—	—	—	—	(6,307)	—	(6,307)
Baki pada 31 Disember	3,029,383	1,241,820	5,096,634	184,413	422,230	5,063,181	—	15,037,661
<b>NILAI BAWAAN BERSIH</b>								
Pada 1 Januari 2015	25,289,369	243,740	3,148,082	69,722	22,737	3,535,434	1,575,502	33,884,586
Pada 31 Disember 2015	29,179,850	265,288	2,981,102	66,389	10,920	3,138,557	158,042	35,800,148
Pada 31 Disember 2016	31,005,820	259,311	2,765,147	118,446	14,651	3,313,841	1,887,806	39,365,022

Nilaian hartanah ini telah dinilai berdasarkan pasaran pada 31 Mac 2017 oleh Jabatan Penilaian Harta Majlis Perbandaran Nilai adalah seperti berikut:

Penilaian semula hartanah	2016	2015	Lebih/ (Kurangan)
LOT	RM	RM	RM
PT 4950	115,000	200,000	(85,000)
PT 4951	115,100	200,000	(85,000)
PT 4952	115,000	200,000	(85,000)
PT 4953	115,000	200,000	(85,000)
PT 4954	212,000	400,000	(188,000)
PT 5900	4,500,000	4,300,000	200,000
PT 6296	965,000	1	964,999
PT 11	200,000	560	199,440
<b>JUMLAH</b>	<b>6,337,000</b>	<b>5,500,561</b>	<b>836,439</b>

8. HARTANAH PELABURAN

	2016	2015
	RM	RM
Hartanah pelaburan		
Kos	2,223,154	—
Baki Pada Awal Tahun	2,223,154	—
Tambahan		
Baki Pada Akhir Tahun		
Pelunasan Terkumpul	22,231	—
Baki Pada Awal Tahun	22,231	—
Tambahan		
Baki Pada Akhir Tahun	2,200,923	—
Nilai Bawaan		

9. ASET TAK KETARA

Perisian Komputer	2,295,269	761,279
Kos	182,000	1,533,990
Baki Pada Awal Tahun	2,477,269	2,295,269
Tambahan		
Baki Pada Akhir Tahun	1,616,837	302,358
Pelunasan Terkumpul	237,540	1,314,479
Baki Pada Awal Tahun	1,854,377	1,616,837
Tambahan	622,892	678,432
Baki Pada Akhir Tahun		
Nilai Bawaan		

10. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2016	2015	2014
	RM	RM	RM
Cagaran Sijil Layak Menduduki	1,000	1,000	1,000
Cagaran Projek	9,947,179	7,104,332	6,164,087
Cagaran Lesen/Iklan	282,970	256,350	202,845
Cagaran Sewa	1,262,875	1,261,718	1,249,985
Cagaran	2,500	2,500	2,500
Cagaran Pelbagai	3,976,141	3,997,388	4,468,690
	<u>15,472,665</u>	<u>12,623,288</u>	<u>12,089,107</u>

11. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2016	2015	2014
	RM	RM	RM
Pelbagai sipiutang	14,325,109	9,878,456	4,100,573
Pendahuluan gaji kakitangan PKA	—	18,880	15,899
Akaun amanah	10,223,934	10,352,130	8,008,866
Akaun amanah PPKB	191,585	191,585	218,369
Cek tak laku/tamat tempoh	47,930	48,550	51,526
Belanja terakru	82,877	26,400	423,216
	<u>24,871,435</u>	<u>20,516,001</u>	<u>12,818,449</u>

(a) Akaun Amanah

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	10,352,130	8,008,866
Tambah:		
Terimaan tahun semasa	4,285,823	3,415,184
	<u>14,637,953</u>	<u>11,424,050</u>
Tolak:		
Perbelanjaan tahun semasa	(4,414,019)	(1,071,920)
	<u>10,223,934</u>	<u>10,352,130</u>

12. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Baki Pada Awal Tahun	—	—
Tambahan	113,241	—
Penggunaan	(56,887)	—
Terlebih/Terkurang	—	—
	<u>56,354</u>	<u>—</u>
Baki Pada Akhir Tahun	56,354	—

Peruntukan manfaat kakitangan ini dibuat pada kiraan tiga tahun gantian cuti rehat berasaskan gaji akhir semasa.

## 13. GERAN TERTUNDA

Geran Tertunda adalah geran untuk jumlah yang direalisasikan dalam tahun adalah susutnilai semasa yang dicajkan dalam tahun.

	2016	2015
	RM	RM
Baki awal pada 1 Januari	3,472,145	2,431,437
Terimaan geran tahun semasa	1,136,002	1,079,772
Dilunaskan	(199,243)	(39,064)
	<u>4,408,904</u>	<u>3,472,145</u>

## 14. PINJAMAN SEWA BELI KENDERAAN

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Analisa Sewabeli:			
Bayaran dalam 1 tahun	802,777	645,592	507,456
Bayaran diantara 1 hingga 5 tahun	1,251,906	1,378,357	1,356,368
	<u>2,054,683</u>	<u>2,023,949</u>	<u>1,863,824</u>
Jumlah hutang	2,054,683	2,023,949	1,863,824
Tolak:			
Faedah tertunda	(171,131)	(187,716)	(200,448)
	<u>1,883,552</u>	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>
Jumlah pokok	1,883,552	1,836,233	1,663,376
Matang dalam tempoh 12 bulan	714,603	553,159	415,670
Matang dalam tempoh 1 hingga 5 tahun	1,168,949	1,283,074	1,247,706
	<u>1,883,552</u>	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>
Pinjaman Bank			
Tujuan pembelian aset kenderaan, jentera berat & motorsikal			
Jumlah:	1,883,552	1,836,233	1,663,376
Kadar Faedah 2.79% - 6.60%			
Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan			
	<u>1,883,552</u>	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>

## 15. PINJAMAN SEWA BELI BANGUNAN

Analisa Sewabeli:			
Bayaran dalam 1 tahun	174,603	—	—
Bayaran diantara 1 hingga 5 tahun	3,142,852	—	—
	<u>3,317,455</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
Jumlah hutang	3,317,455	—	—
Tolak:			
Faedah tertunda	(1,099,982)	—	—
	<u>2,217,473</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
Jumlah pokok	2,217,473	—	—

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Matang dalam tempoh 12 bulan	75,244	—	—
Matang dalam tempoh 1 hingga 5 tahun	2,142,229	—	—
	<u>2,217,473</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
 Pinjaman Bank			
Tujuan pembelian aset bangunan			
Jumlah:	2,217,473	—	—
Kadar Faedah 4.55% - 6.75%			
Tempoh Bayaran Balik: 240 bulan			
	<u>2,217,473</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
 16. KUMPULAN WANG MAJLIS			
Baki pada 1 Januari	91,078,456	85,158,732	85,864,415
Lebih pendapatan dari perbelanjaan selepas cukai	(7,623,202)	4,905,795	8,327,475
	<u>(983,568)</u>	<u>1,055,940</u>	
Kesan Awal Pemakaian MPSAS			
Pelarasan tahun lalu - Perbelanjaan	302,481	9,196	(41,132)
Terkurang Rekod	<u>(681,087)</u>		
Pelarasan tahun lalu -Tuntutan Notis & Kos Guaman		10,926	20,739
Pelarasan tahun lalu - Tunggakan Hasil Dan Terimaan Terdahulu		(62,133)	(9,020,264)
		<u>(42,011)</u>	
Pelarasan tahun lalu - Faedah Pinjaman Sewa Beli	—	—	(25,710)
Pelarasan tahun lalu - Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	—	—	33,209
	<u>82,774,167</u>	<u>91,078,456</u>	<u>85,158,732</u>
 17. KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN			
	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	<u>205,000</u>	<u>205,000</u>	<u>205,000</u>
 18. KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER			
	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>

## 19. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Termasuk di dalam urus niaga bukan pertukaran adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Cukai taksiran am	49,017,826	44,795,291
Caruman bantu kadar dan lain-lain (Nota a)	1,010,712	967,987
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan (Nota b)	3,209,786	3,103,229
Lesen dan permit (Nota c)	3,959,604	3,681,010
Denda dan hukuman (Nota d)	2,825,100	2,493,471
Sewaan (Nota e)	684,762	735,491
Sumbangan kerajaan (Nota f)	33,486,455	34,437,931
	<u>94,194,245</u>	<u>90,214,410</u>
 (a) Caruman bantu kadar dan lain-lain		
Kerajaan Persekutuan	1,001,871	957,663
Kerajaan Negeri	8,841	10,324
	<u>1,010,712</u>	<u>967,987</u>
 (b) Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan		
Bayaran pelan	2,264,114	2,062,293
Terimaan prosesan	99,882	66,089
Terimaan komisen	2,226	2,724
Penyelenggaraan bangunan (caj selenggara)	53,135	55,444
Pelan Layout	777,143	896,333
Bayaran Tempat Letak Kereta	13,207	20,101
Terima Khidmat Yang Lain	79	245
	<u>3,209,786</u>	<u>3,103,229</u>
 (c) Lesen dan permit		
Penjaja	65,950	63,495
Tred/perniagaan/kawalan/tempat makanan/ hiburan awam	1,682,494	1,626,776
Pasar	23,025	23,359
Bangunan	869,209	789,584
Iklan/kenyataan	783,192	703,437
Permit sementara, pasar malam dan pelbagai	130,894	103,689
Permit perniagaan sementara	149,719	118,098
Permit kain rentang	255,121	252,572
	<u>3,959,604</u>	<u>3,681,010</u>
 (d) Denda dan hukuman		
Notis E cukai taksiran	1,953,460	1,854,300
Kompaun	500	4,650
Surcaj letak kereta	61,948	64,420
Waran F	41,150	39,392
Pelan bangunan	405,563	130,388
Pelbagai denda	362,479	400,321
	<u>2,825,100</u>	<u>2,493,471</u>

(e) Sewaan

	2016	2015
	RM	RM
Sewaan dewan	134,981	156,327
Pasar dan gerai	178,365	172,128
Sewaan Dataran Nilai	23,000	37,250
Pelbagai sewaan	348,416	369,786
	<u>684,762</u>	<u>735,491</u>

(f) Sumbangan kerajaan

Geran tahunan dan Bantuan kewangan	2,641,046	2,641,046
Sumbangan Pembangunan Kerajaan Persekutuan	27,604,617	26,155,929
Sumbangan Kerajaan Negeri	719,724	3,322,565
Beri utk Bil Elektrik	2,232,503	2,068,803
Beri utk Bil Lampu Jalan - Pihak Swasta	55,901	42,813
Saguhati/Hadiah/Pampasan/Sumbangan orang awam & swasta	232,664	206,775
	<u>33,486,455</u>	<u>34,437,931</u>

20. URUS NIAGA PERTUKARAN

Termasuk di dalam urus niaga pertukaran adalah seperti berikut:

Perolehan jualan barang (Nota a)	522,405	552,225
Faedah, dividen dan perolehan dari pelaburan (Nota b)	2,024,214	1,402,756
Pelbagai Pendapatan (Nota c)	199,243	39,063
	<u>2,745,862</u>	<u>1,994,044</u>

(a) Perolehan jualan barang

Patil Lesen	31,385	30,830
Jualan pelan/pelbagai	491,020	521,395
	<u>522,405</u>	<u>552,225</u>

(b) Faedah, dividen dan perolehan dari pelaburan

Simpanan tetap	1,871,810	1,259,651
Faedah lain	152,404	143,105
	<u>2,024,214</u>	<u>1,402,756</u>

(c) Pelbagai Pendapatan

Lain-lain Pendapatan	199,243	39,063
	<u>199,243</u>	<u>39,063</u>

21. EMOLUMEN

Gaji	5,534,946	4,996,061
Imbuan Tetap Khidmat Awam	266,681	255,620

	2016	2015
	RM	RM
Imbuan Tetap Perumahan	703,454	473,333
Elaun Sara Hidup	575,875	560,375
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	963,552	869,595
Elaun lebih masa	792,297	594,039
Faedah kewangan lain	554,274	510,133
Elaun Tetap Ahli Majlis	522,168	341,400
	<u>9,913,247</u>	<u>8,600,556</u>

Jumlah kakitangan MPN bagi tahun 2015 adalah sebanyak 354 orang dan bagi tahun 2016 adalah seramai 400 orang.

## 22. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN PERKHIDMATAN LAIN-LAIN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI

Termasuk di dalam perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain-lain yang dibeli dan Hospitaliti adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Perkhidmatan Perubatan	71,654	85,685
Perkhidmatan Auditan	16,447	16,439
Perkhidmatan Perundangan	363,507	126,499
Perkhidmatan Penilaian & U/Harta	172,263	267,869
Perkhidmatan Perundingan	92,712	95,523
Rancangan Tempatan	150	11,160
Latihan Kakitangan	722,022	383,328
Komputer & Prosesas Data	57,832	18,669
Perkhidmatan Juruukur	101,990	35,408
Pengiklanan	21,886	37,810
Perkhidmatan Keselamatan	1,467,424	1,270,587
Penswastaaan Landskap	5,434,906	5,403,307
Penterjemahan & Penaksiran	1,658	—
Sambutan Perayaan	256,390	223,405
Perkhidmatan Pemungut Hutang	484,460	394,812
Pembersihan & Kutipan Sampah	15,666,965	18,100,000
Perkhidmatan Ternakan Liar/Terbiar	256,119	106,816
Perkhidmatan Percetakan	411,650	304,916
Gaji/Upah Kontrak/Sambilan	3,141,291	2,413,843
ITKA Kontrak/Sambilan	235,656	187,797
ITP Kontrak/Sambilan	605,324	329,422
Elaun Sara Hidup Kontrak/Sambilan	508,601	405,999
Elaun Lebih Masa Kontrak/Sambilan	738,856	427,574
Sumbangan Berkanun Kontrak/Sambilan	680,436	506,962
Faedah Kewangan Yang Lain Kontrak/Sambilan	35,346	24,886
Makanan & Minuman	64,480	69,989
Keraian Pejabat	113,472	228,173
Penggabungan MPN & MPS	151,688	44,322
Saguhati/Hadiah Kakitangan	17,450	15,450
Sukan Kerajaan Tempatan	36,100	36,900
	<u>31,928,735</u>	<u>31,573,550</u>



## 23. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

Termasuk di dalam penyelenggaraan dan pembaikan kecil adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Penyelenggaraan & Ubahsuai Bangunan Pejabat	320,745	208,384
Penyelenggaraan Terminal Lori/Bas	28,340	—
Penyelenggaraan Dewan	187,164	51,748
Penyelenggaraan Gerai & Pasar	63,185	251,107
Penyelenggaraan Tandas Awam	40,420	5,947
Penyelenggaraan Jalanraya	370,473	362,628
Penyelenggaraan Taman & Padang	496,123	355,616
Penyelenggaraan Alat Taman Permainan	86,460	275,160
Penyelenggaraan Lorong Belakang	21,331	78,672
Penyelenggaraan Kemudahan Lampu Isyarat	406,963	448,777
Penyelenggaraan Papan Tanda	118,950	95,111
Penyelenggaraan Perhentian Bas	78,130	76,300
Penyelenggaraan Parit/Longkang	496,394	745,876
Penyelenggaraan Pengindahan Bandar/Landskap/Nursery	736,168	464,696
Penyelenggaraan Longkang Cerun	19,500	—
Penyelenggaraan Longkang Moonsoon	143,055	189,105
Penyelenggaraan CCTV	220,007	141,493
Penyelenggaraan Lori/Kenderaan Pengangkutan/ Jentera/Lain	249,451	237,203
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat/ Komputer/Sistem	77,793	78,542
Penyelenggaraan Alat Elektronik/Elektrik Lain	17,526	14,158
Penyelenggaraan Kelengkapan Penghawa Dingin	19,600	60,000
	<u>4,197,778</u>	<u>4,140,523</u>

## 24. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

Termasuk di dalam perhubungan dan utiliti adalah seperti berikut:

Bayaran Pos	116,625	96,285
Telefon	248,733	197,598
Perkhidmatan Perhubungan Yang Lain	1,524	1,334
Elektrik	4,855,642	4,589,356
Air & IWK	312,057	199,244
	<u>5,534,581</u>	<u>5,083,817</u>

## 25. BAYARAN-BAYARAN LAIN

Ganjaran pegawai kontrak	141,313	106,298
Tuntutan insurans & pampasan	109,794	165,927
Pelarasan, hapuskira & lain-lain	352,033	580,611
	<u>603,140</u>	<u>852,836</u>

## 26. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Membina dan membaiki jalan dalam kawasan Majlis	111,842	165,190
Membina dan membaiki longkang	—	454,099
Membina/ubahsuai bangunan pejabat/rumah kakitangan	81,290	309,215
Membina Pasar & Gerai	20,605	—
Membina perhentian bas	—	2,635

	2016	2015
	RM	RM
Membina lampu jalan/tiang lampu	434,583	441,416
Membina papan tanda/pintu gerbang	177,755	1,830
Membina pusat komuniti & CCTV Mobiliti	166,000	3,000
Projek pengindahan, rekreasi dan taman permainan kanak-kanak	572,597	664,023
Projek menaiktaraf padang & taman rekreasi	299,199	186,496
Membaik pulih tanah runtuh/cerun	154,890	275,745
Membina Laluan Pejalan Kaki	153,225	—
Perbelanjaan Pembangunan Peruntukan Kerajaan	27,919,297	29,315,630
	<u>30,091,283</u>	<u>31,819,279</u>

27. KOMITMEN MODAL

Diluluskan oleh ahli majlis dan mengikat perjanjian bagi pembayaran 50% kepada Majlis Perbandaran Seremban atas pembelian bangunan Aeon Big (M) Sdn Bhd bagi Pejabat Majlis Bandaraya Seremban.	2,156,492	—
	<u>2,156,492</u>	<u>—</u>

28. CUKAI

Majlis Perbandaran Nilai adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

29. INSTRUMEN KEWANGAN - PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajibannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti, mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2016			
Pelbagai Pemiutang dan akruan Urus Niaga	24,894,014	—	24,894,014

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pinjaman Sewa Beli Bangunan	75,244	2,142,229	2 217,473
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	714,603	1,168,949	1,883,552
	<u>25,683,861</u>	<u>3,311,178</u>	<u>28,995,039</u>

Pada 31 Disember 2015

Pelbagai Pemiutang dan akruan Urus Niaga	20,516,001	—	20,516,001
Pinjaman Sewa Beli Bangunan	—	—	—
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	553,159	1,283,074	1,836,233
	<u>21,069,160</u>	<u>1,283,074</u>	<u>22,352,234</u>

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Aset kewangan Majlis kebanyakannya instrumen pada kadar tetap yang diukur pada kos terlunas, perubahan dalam kadar faedah tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas keuntungan atau kerugian Majlis.

Pengurusan Modal

Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan, tennasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Majlis kekal kukuh dari segi kewangan.

Majlis memantau modal dengan menggunakan nisbah keberhutangan, iaitu hutang bersih dibahagikan dengan jumlah aset bersih dan hutang bersih.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

### 30. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk

	2016	2015
	RM	RM
Elaun tetap	267,600	153,000
Pelbagai pemberian (Elaun telefon dan Elaun perjalanan)	108,000	96,000
Bantuan Khas Kewangan	13,500	8,000
	<u>389,100</u>	<u>257,000</u>

## 31. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Bajet asal telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh MPN pada 3 November 2015. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2016, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM9,250,000 termasuk lebihan bajet asal RM10,000.00.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrual kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	5,554,473	(3,896,170)	4,100,505	5,758,808
Perbezaan asas (Nota (a))	2,241,724	3,692,897	(668,981)	5,265,640
Perbezaan masa	—	—	—	—
Perbezaan entiti	—	—	—	—
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	7,796,197	(203,273)	3,431,524	11,024,448

Nota a: Perbezaan merujuk kepada pembayaran dan penerimaan yang dibuat dalam tahun kewangan.

Nota b: Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud apabila bajet tidak mengambilkira geran tertunda.

## 32. KESAN PEMAKAIAN AWAL MPSAS

Sepanjang tahun kewangan, Majlis telah mengubab pengkelasan beberapa item dalam penyata kewangannya akibat daripada penerimaan pakai MPSAS, dengan itu, Majlis telah mengkelaskan semula angka perbandingan berikut untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa:

	RM	31-12-2015 RM	RM
	<i>Seperti Dinyatakan Terdahulu PERS</i>	<i>Kesan Pemakaian MPSAS</i>	<i>Seperti Dinyatakan Semula</i>
Aset Tak Ketara	—	678,432	678,432

	RM	31-12-2015 RM	RM
	<i>Seperti Dinyatakan Terdahulu PERS</i>	<i>Kesan Pemakaian MPSAS</i>	<i>Seperti Dinyatakan Semula</i>
Projek Usahasama	10	(10)	—
Hartanah, Loji dan Peralatan	35,422,630	377,518	35,800,148
JUMLAH	35,422,640	1,055,940	36,478,580

[SUKN. 700-10/5/9; PUNS 100/2/8 (PK)]

### No. 665.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang (Ekuiti) serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

##### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

##### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Port Dickson dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Port Dickson bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Port Dickson untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Port Dickson.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Port Dickson sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Port Dickson telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* diluluskan oleh Ahli Majlis mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang (Ekuiti) serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 21 Julai 2017

ALLIAS BIN ALWI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

SIJIL JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENGAUDITAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

#### Pendapat Juruaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai, untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

#### Asas Kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan di bawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Syarikat selaras dengan Undang-undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan), Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk kod Akauntan Profesional (“Kod IESBA”) dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-undang kecil dan Kod IESBA.

#### Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab ke atas laporan lain Laporan-laporan lain termasuk Laporan Majlis tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit mengenainya.



Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Majlis dan ini tidak termasuk Laporan Majlis dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Majlis, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Majlis dan mempertimbangkannya tidak konsisten dengan penyata kewangan Majlis yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Majlis, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

#### Tanggungjawab Majlis ke atas Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan Majlis supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan menyediakan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

#### Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan Majlis tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material, sama ada amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara keraguan secara profesional. Kami juga:

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding kesalahan disebabkan kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, memberi salah gambaran atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Majlis.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Majlis.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh Majlis untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Majlis meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenal pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Majlis menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan Majlis ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Majlis mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang kenalpasti semasa audit dilakukan.

#### Laporan Ke atas Undang-undang dan Peraturan Lain

Selaras dengan kehendak Seksyen 60, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain termasuk daftar yang diperiksa oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan di dalam Akta.

#### Perkara-perkara Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan didalam Nota 2 kepada penyata kewangan, Majlis telah mengadaptasi Piawaian Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) pada 1 Januari, 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini telah diaplikasi secara retrospektif oleh Majlis ke atas angka perbandingan di dalam penyata kewangan

termasuk penyata kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2016 dan juga pendedahan berkaitan.

Kami tidak terlibat di dalam melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan ia tidak diaudit. Sebahagian daripada tanggungjawab kami ke atas audit penyata kewangan Majlis pada tahun berakhir 31 Disember 2016 di dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang bersesuaian dan mencukupi bahawa baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salahnyata yang secara material boleh mempengaruhi kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 serta prestasi kewangan dan penyata aliran tunai bagi tahun berkenaan.

- (b) Laporan ini hanya disediakan untuk Majlis, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 60, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 12 Jun 2017

MOHD NOH & CO.  
(No. AF 0462)  
Akauntan Bertauliah

MOHD NOH BIN JIDIN  
794/04/18(J/PH)  
Akauntan Bertauliah

PENYATA OLEH MAJLIS

Kami, Haji Zamri bin Mat Kasim, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson dan Anizah binti Salehuddin, Akauntan Majlis Perbandaran Port Dickson dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Majlis,

HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Port Dickson  
Tarikh: 26 April 2017

ANIZAH BINTI SALEHUDDIN  
Akauntan,  
Majlis Perbandaran Port Dickson  
Tarikh: 26 April 2017

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Abu Bakar bin Md Deli dan Cheok Leong Huat, dua orang daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Port Dickson menyatakan bahawa pada pendapat kami Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

ABU BAKAR BIN MD DELI  
*Ahli Majlis,*  
*Majlis Perbandaran Port Dickson*  
*Tarikh: 27 April 2017*

CHEOK LEONG HUAT  
*Ahli Majlis,*  
*Majlis Perbandaran Port Dickson*  
*Tarikh: 27 April 2017*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN

Kami, Haji Zamri bin Mat Kasim dan Anizah binti Salehhuddin pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah benar dan kami membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

HAJI ZAMRI BIN MAT KASIM  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

ANIZAH BINTI SALEHBUDDIN  
*Akauntan,*  
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Sebenarnya dan sesungguhnya  
 Diakui oleh,  
 Haji Zamri bin Mat Kasim dan  
 Anizah binti Salehhuddin  
 Di Port Dickson,  
 Negeri Sembilan.  
 Bertarikh 27 April 2017

}

Di hadapan saya,

KHAIRY BIN MAAMOR  
*Majistret*  
*Negeri Sembilan*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Dinyatakan semula</i>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 5)	35,614,869	36,555,613
Hartanah Pelaburan (Nota 8)	23,498,370	23,394,821
Kerja Dalam Pembinaan (Nota 7)	—	405,479
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>	<u>59,113,239</u>	<u>60,355,913</u>
<b>ASET SEMASA</b>		
Tunggakan Hasil (Nota 8)	8,832,468	10,686,340
Siberhutang Lain (Nota 9)	994,231	1,233,410
Wang Pertaruhan (Aset)	39,239	34,390
Faedah Simpanan Tetap Terakru	241,387	—
Simpanan Tetap, tunai di tangan dan di bank (Nota 10)	15,480,493	17,786,733
<b>Jumlah Aset Semasa</b>	<u>25,587,818</u>	<u>29,740,873</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>84,701,057</u>	<u>90,096,788</u>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>		
<b>MODAL REZAB</b>		
Kumpulan Wang Majlis (Nota 11)	39,353,930	43,619,195
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<u>39,353,930</u>	<u>43,619,195</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		
Geran Tertunda (Nota 12)	32,597,441	32,749,948
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>	<u>32,597,441</u>	<u>32,749,948</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Wang Pertaruhan (Nota 13)	6,577,739	5,610,240
Sumbangan Amanah (Nota 14)	2,126,484	4,167,139
Perbelanjaan Terakru	3,201,568	3,302,074
Terimaan terdahulu (Nota 15)	762,229	473,283
Sipiutang (Nota 16)	81,666	174,907
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>	<u>12,749,686</u>	<u>13,727,64</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>45,347,127</u>	<u>46,477,591</u>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<u>84,701,067</u>	<u>90,096,786</u>

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

## PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2017 RM <i>Dinyatakan semula</i>
<b>PENDAPATAN</b>		
Cukai Taksiran Am	28,699,929	26,920,158
Caruman Bantu Kadar (Nota 17)	1,262,076	1,678,017
Lesen-Lesen	2,143,776	1,964,375
Perkhidmatan Dan Bayaran	1,407,181	1,147,634
Perolehan Dari Jualan Barang	410,684	565,493
Sewaan (Nota 18)	1,057,742	1,053,444
Faedah Diterima (Nota 19)	986,523	695,044
Notis Dan Denda	1,418,255	1,262,563
Geran Tahunan	1,617,245	1,617,245
Pengiktirafan Daripada Geran Tertunda	377,840	358,078
- Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	660	—
Pelbagai Pendapatan	125,615	42,132
Pembalikan Atas Hutang Ragu	—	374,483
Sumbangan Pembangunan (Nota 20)	10,851,208	11,647,078
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>50,358,734</b>	<b>49,325,744</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 21)	11,063,658	10,548,063
Perkhidmatan Pekerja Kontrak (Nota 22)	5,621,574	5,042,384
- Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	—	80
Perjalanan Dan Sara Hidup	69,270	76,895
Perhubungan	522,313	536,754
Utiliti	4,019,544	3,825,854
- Terlebihi Catat Pada Tahun Sebelum	8,144	(700)
Bekalan Dan Bahan-Bahan	1,525,928	1,685,501
- Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	—	43,800
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	2,726,920	2,746,773
Perkhidmatan Iktisas Dan Lain-Lain	12,007,744	10,241,408
- Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	—	6,577
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	298,360	553,376
Perbelanjaan Pembangunan (Nota 23)	12,180,326	15,818,654
Pelupusan/Hapuskira	1,253,940	1,128,619
- Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	208,120	—
Hutang Ragu	1,372,906	—
Susutnilai	1,415,983	1,457,356
Pelunasan pelaburan hartanah	329,036	324,710
Perubahan nilai saksama-pinjaman komputer	233	—
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>54,623,999</b>	<b>54,036,004</b>

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Kurangan Pendapatan Dari Perbelanjaan	(4,265,265)	(4,710,260)
Kurangan Selepas Perkara-Perkara Terkecuali Tetapi Sebelum Percukaian	(4,265,265)	(4,710,260)
Percukaian (Nota 24)	—	—
	<hr/>	<hr/>
(Kurangan)/Lebih Selepas Perkara-Perkara Terkecuali Dan Percukaian	(4,265,265)	(4,710,260)
Perkara-Perkara Luar Biasa	—	—
	<hr/>	<hr/>
Kurangan Pendapatan Semasa	(4,265,265)	(4,710,260)

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG (EKUITI) BAGI TAHUN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN WANG MAJLIS	
	2016 RM	2015 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Pada 1 Januari		
Seperti dinyatakan sebelumnya	43,619,195	48,329,065
Pelarasan Tahun Lalu (Nota 25)	—	—
Kesan adaptasi MPERS (Nota 3.1)	—	390
	<hr/>	<hr/>
(Kurangan)/Lebih pendapatan daripada perbelanjaan tahun semasa selepas cukai	(4,265,265)	(4,710,260)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	39,353,930	43,619,195

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah di baca bersama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2016 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Kurangan Pendapatan	(4,265,265)	(4,710,260)
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai:		
Susutnilai	1,415,983	1,457,356

	2016 RM	2016 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Pelunasan Hartanah Pelaburan	329,036	324,710
Geran Tertunda	(152,505)	1,798,195
Hapuskira Hartanah, Loji Dan Peralatan	12,652	10,952
<b>Kurangan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>(2,660,099)</b>	<b>(1,119,047)</b>
<b>Tambahan/(Kurangan) Modal Kerja</b>		
Tunggakan Hasil	1,853,872	1,482,789
Siberhutang Lain	239,179	(127,079)
Wang Pertaruhan (Aset)	(4,849)	—
Faedah Simpanan Tetap Terakru	(241,387)	1,103
Wang Pertaruhan	967,499	1,195,698
Sumbangan Amanah Pembangunan	(2,040,655)	943,289
Perbelanjaan Terakru	(100,506)	(687,632)
Terimaan Terdahulu	288,946	33,365
Sipiutang	(93,241)	4,258
<b>Tunai Bersih (digunakan)/dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>(1,791,241)</b>	<b>1,726,744</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan</b>		
Hartanah, Loji Dan Peralatan/Kerja Dalam Pembinaan (Nota 5 & 7)	(82,414)	(3,355,780)
Hartanah Pelaburan (Nota 6)	(432,585)	(284,699)
<b>Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(514,999)</b>	<b>(3,640,479)</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>—</b>	<b>—</b>
<b>Kurangan Bersih Dalam Aliran Tunai Tunai Dan Setara Tunai Pada 1 Januari</b>	<b>(2,306,240)</b>	<b>(1,913,735)</b>
	17,786,733	19,700,468
<b>Tunai Dan Setara Tunai Pada 31 Disember (Nota 10)</b>	<b>15,480,493</b>	<b>17,786,733</b>

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
PADA 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

1.1 KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama yang dijalankan oleh Majlis ialah:

- 1.1.1 Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik premis yang menerima perkhidmatan dari Majlis lampu jalan, perkhidmatan pembersihan longkang dan mengutip sampah.
- 1.1.2 Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang berniaga dalam kawasan operasi Majlis.
- 1.1.3 Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.
- 1.1.4 Memproses pelan dan mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CFO) keatas premis-premis didalam kawasan operasi Majlis.



Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penyata Kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis sama seperti tarikh pada penyata oleh Majlis dan penyata oleh ahli-ahli Majlis.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Entiti Persendirian (“MPERS”) diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”).

Bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, Majlis telah mengadaptasi piawaian kewangan baharu, MPERS. Tarikh peralihan kepada piawaian baharu ini adalah 1 Januari 2015.

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. ASAS-ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Entiti Persendirian Malaysia (“MPERS”) diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”). Pada tahun sebelumnya, penyata kewangan Majlis telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS).

Bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, Majlis telah mengadaptasi piawaian kewangan baharu, MPERS. Tarikh peralihan kepada piawaian baharu ini adalah 1 Januari 2015.

3. PENGGUNAAN ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Klasifikasi hartanah pelaburan

Harta tertentu terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewaan atau bagi tujuan tambah nilai modal atau kedua-duanya, manakala yang selebihnya dipegang untuk kegunaan pentadbiran. Sekiranya bahagian yang dipegang adalah untuk menjana sewa dan atau menambah nilai modal, Majlis akan mengklasifikasi sebagai hartanah pelaburan. Majlis telah menggunakan pertimbangan untuk menetapkan sama ada sebahagian servis yang signifikan bahawa harta tersebut tidak layak sebagai hartanah pelaburan.

Peruntukan pelan manfaat

Andaian-andaian asas digunakan untuk menganggarkan obligasi di masa hadapan bagi Majlis dari skim manfaat persaraan.

3.1 Perubahan polisi perakaunan

Adaptasi MPERS ini juga memerlukan Majlis untuk mengubah polisi perakaunan bagi pengiktirafan dan pengukuran sesetengah perkara. Kesan adaptasi kepada Piawaian baru; MPERS adalah seperti berikut:

	Di bawah PERS RM	Kesan adaptasi MPERS RM	MPERS RM
Penyata kedudukan kewangan			
Pada 1 Januari 2015:			
Hartanah, Loji dan Peralatan	57,901,445	(23,434,832)	34,466,613
Hartanah Pelaburan	—	23,434,832	23,434,832

	Di bawah PERS RM	Kesan adaptasi MPERS RM	MPERS RM
Kumpulan Wang Pinjaman	196,139	(390)	195,749
Kumpulan wang majlis	48,329,065	390	48,329,455
Pada 1 Januari 2016:			
Hartanah, Loji dan Peralatan	59,950,434	(23,394,821)	36,555,613
Hartanah Pelaburan	—	23,394,821	23,394,821
Kumpulan Wang Pinjaman	198,472	(157)	198,315
Penyata pendapatan			
Pada 1 Januari 2016:			
Susutnilai hartanah loji dan peralatan	1,782,066	(324,710)	1,457,356
Pelunasan hartanah pelaburan	—	324,710	324,710

### 3.2 Pengecualian Mandatori

Pada tarikh peralihan, Pihak Majlis tidak membuat sebarang perubahan retrospektif terhadap perakaunan yang diikuti di bawah rangka kerja lama; PERS bagi perkara berikut:

#### Anggaran perakaunan

Sebelum 1 Januari 2015, Pihak Majlis telah menganggarkan peruntukan hutang ragu bagi penghutang perdagangan. Peruntukan terperinci disemak dan dilabel sebagai hutang ragu. Manakala peruntukan am sebanyak 20% ke atas cukai taksiran dan sewaan pada tiap akhir tahun. Setelah mengadaptasi MPERS, penilaian rosot nilai pihak Majlis adalah tertumpu kepada penilaian individu berdasarkan peristiwa dan keadaan. Bagaimanapun, amaun-amaun peruntukan ini tidak diubah secara retrospektif pada tarikh peralihan.

## 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN KETARA

### 4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai, jika ada. Susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus pada kadar tahunan yang berikut berdasarkan jangka hayat kegunaan harta berkenaan.

Harta Tak Alih	Kadar
(i) Tanah Hakmilik Kekal	—
Tanah Pajak	Mengikut Tempoh Pajak
(ii) Bangunan Batu	1%
(iii) Bangunan Kayu	5%
Harta Alih	
(iv) Kenderaan	12.5%
(v) Jentera Berat	12.5%
(vi) Jentera Ringan	20%
(vii) Alat-Alat Pejabat	10%
(viii) Alat Pembersihan	33.33%

### 4.2 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta bank overdraf (jika ada) dan simpanan tetap. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak disignifikan. Pihak Majlis telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

#### 4.3 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan diiktiraf pada nilai kos. Nilai kos terdiri daripada harta belian dan termasuk segala perbelanjaan langsung. Bagi tujuan pengukuran, pihak Majlis menetapkan kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai. Majlis tidak mengikut kaedah nilai saksama kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar dihadapi oleh Majlis.

#### 4.4 Kerja dalam Pembinaan

Kerja Dalam Pembinaan adalah bagi kerja-kerja yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Jumlah ini ditunjukkan pada kos berdasarkan bayaran kemajuan pada akhir tahun. Jumlah kos ini akan dipindahkan ke Hartanah, Loji Dan Peralatan apabila kerja telah disempurnakan dan peruntukkan susutnilai dan pelunasan Hartanah Pelaburan akan dikenakan pada akhir tahun.

#### 4.5 Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan Cukai Taksiran & Sewaan, Gerai & Pasar dan Bangunan diambil kira menurut dasar perakaunan akruan. Lain-lain hasil dikira sebagai pendapatan apabila diterima.

Geran dari kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan apabila bayaran diterima atau sesuatu perbelanjaan dilakukan daripada waran yang diterima.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap sama ada Skim Konvensional dan Skim Perbankan Islam diiktiraf pada atas asas akruan.

#### 4.6 Geran Tertunda

Geran tertunda adalah geran kerajaan untuk maksud pembelian/pembinaan aset tetap serta kerja dalam pembinaan. Geran kerajaan tersebut diakaunkan sebagai geran tertunda dan pengiktirafan pendapatan dari geran tersebut adalah berpadanan dengan perbelanjaan yang diiktiraf berkaitan dengan aset tersebut.

#### 4.7 Sumbangan Pembangunan

Sumbangan Pembangunan yang diterima dari pihak kerajaan atau swasta bagi tujuan yang dinyatakan diambilkira dalam akaun ini. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat akan dikenakan terus dari akaun ini.

#### 4.8 Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan meliputi kos pembangunan di dalam kawasan Majlis yang diperuntukkan dalam anggaran termasuk peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi perbelanjaan pembangunan yang boleh dipermodalkan ia ditunjukkan sebagai aset tetap dan peruntukan susutnilai akan dikenakan apabila projek siap.

#### 4.9 Instrumen Kewangan

##### (a) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Majlis mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya harga urus niaga, dicampur kos urus niaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan adalah tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen diukur pada pameran itu penting melalui untung atau rugi apabila ditanggung. Aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran didiskaun pada kadar pasaran faedah bagi instrumen hutang yang sama pada masa hadapan.

(b) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Untuk tujuan penyahiktirafan, Majlis menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan perlu ditarik balik sepenuh pengiktirafannya sebagai satu item atau sebahagian daripada satu item atau sekumpulan barangan sama.

Aset kewangan, sama ada sebagai satu item atau sebagai sebahagian, tidak dimasukkan apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila Majlis memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai aset kewangan, termasuk keadaan apabila Majlis bertindak hanya sebagai ejen mengumpul penerima pindahan, dan mengekalkan tiada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan tidak dimasukkan apabila, dan hanya apabila, ia dipadamkan secara sah, yang sama ada apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Pengubahsuaian besar daripada segi liabiliti kewangan sedia ada kira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Untuk tujuan ini, Majlis mempertimbangkan pengubahsuaian sebagai besar jika nilai semasa aliran tunai disemak semula istilah yang diubah suai didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal berbeza sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti asal.

(c) Pengukuran berikutnya Aset Kewangan

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, Majlis mengklasifikasikan aset kewangannya kepada kategori aset kewangan pada kos perlunasan.

(d) Pengukuran berikutnya Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan, Majlis mengukur semua liabiliti kewangan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos terlunas, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

(e) Penjejasan aset kewangan

(i) Aset direkodkan pada kos pelunasan

Majlis menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan Majlis untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;

Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;

Kumpulan, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;

Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturan semula kewangan;

Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau

Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenal pasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk;

- (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
- (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio

Majlis terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan di antara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata pendapatan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak. Secara praktikalnya, Majlis dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati.

Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam untung rugi.

#### 4.10 Manfaat Pekerja

- (i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah bukan wang diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan itu diberikan oleh pekerja.

- (ii) Pelan caruman wajib

Majlis membuat caruman ke pelan caruman yang ditetapkan di caj pada penyata laporan untung rugi pada tempoh yang berkaitan. Majlis tidak mempunyai kewajipan pembayaran lebih lanjut apabila caruman telah dibayar.

- (iii) Pelan manfaat persaraan dan manfaat ganti cuti rehat

Pelan manfaat persaraan ialah satu pelan persaraan yang menentukan jumlah manfaat persaraan akan dibayar, apabila salah satu atau lebih faktor wujud seperti faktor usia, tahun berkhidmat atau gaji.

Majlis mengamalkan pelan persaraan yang tidak dibiayai. Di bawah pelan ini, manfaat persaraan akan ditentukan berdasarkan pendapatan pekerja-pekerja, jawatan dan tahun perkhidmatan, jumlah baki cuti rehat dan akan dibayar apabila mencapai umur persaraan biasa. Liabiliti yang berkaitan dengan pelan manfaat persaraan dikira pada nilai semasa obligasi manfaat persaraan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Majlis menentukan nilai semasa obligasi manfaat persaraan mengikut peraturan supaya amaun yang diiktiraf dalam untung rugi tidak berbeza secara ketara daripada amaun yang patut direkod pada tarikh akhir tempoh laporan.

Disebabkan kos-kos dan usaha wang tidak wajar, pelan ini tidak dapat dinilai mengikut nilai aktuari.

(iv) Manfaat pemberhentian

Majlis membayar manfaat pemberhentian sekiranya pemberhentian kerja bagi kes-kes pemberhentian yang berlaku dalam kerangka pengstruktur semula. Manfaat pemberhentian tersebut diambil kira sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila Majlis mempunyai pelan pemberhentian rasmi tanpa adanya kemungkinan menarik semula rancangan tersebut.

4.11 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

## 5. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1-1-2016	Kesan adaptasi MPERS	Pada 1-1-2016	Tambahan	Pelupusan/ Pelarasan	Susutnilai	Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	<i>Seperti dinyatakan sebelumnya</i>		<i>Dinyatakan semula</i>				
Nilai buku bersih							
Tanah	523,011	—	523,011	—	—	(692)	522,319
Bangunan	55,361,788	(23,394,821)	31,966,967	104,860	—	(387,788)	31,684,039
Jentera berat	690,488	—	690,488	117,000	—	(242,485)	565,003
Kenderaan rasmi	1,328,667	—	1,328,667	—	(1)	(331,131)	997,535
Jentera ringan	11,359	—	11,359	47,796	(11)	(15,414)	43,730
Alat pejabat	2,033,382	—	2,033,382	191,635	(12,640)	(429,607)	1,782,770
Alat pembersihan	1,739	—	1,739	26,600	—	(8,866)	19,473
	59,950,434	(23,394,821)	36,555,613	487,891	(12,652)	(1,415,983)	35,614,869

	Kos	Susutnilai terkumpul	Nilai buku bersih
	RM	RM	RM
2016			
Tanah	537,815	(15,496)	522,319
Bangunan	35,893,279	(4,209,240)	31,684,039
Jentera berat	2,690,825	(2,125,822)	565,003
Kenderaan rasmi	3,187,831	(2,190,296)	997,535
Jentera ringan	305,826	(262,096)	43,730
Alat pejabat	7,045,252	(5,262,482)	1,782,770
Alat pembersihan	1,016,274	(996,801)	19,473
	<u>50,677,102</u>	<u>(15,062,233)</u>	<u>35,614,869</u>
2015			
Tanah	537,815	(14,804)	523,011
Bangunan	35,788,421	(3,821,454)	31,966,967
Jentera berat	2,573,825	(1,883,337)	690,488
Kenderaan rasmi	3,294,648	(1,965,981)	1,328,667
Jentera ringan	292,860	(281,501)	11,359
Alat pejabat	6,866,919	(4,833,537)	2,033,382
Alat pembersihan	989,674	(987,935)	1,739
	<u>50,344,162</u>	<u>(13,788,549)</u>	<u>36,555,613</u>

Nota: Sejumlah RM23,394,821 dari Hartanah, Loji dan Peralatan telah dipindahkan dan dilaraskan ke Hartanah Pelaburan kesan dari adaptasi MPERS pada tahun 2015.

#### 6. HARTANAH PELABURAN

	2016 RM	2015 RM
		<i>Dinyatakan semula</i>
Pada Kos:		
Baki pada 1 Januari	28,438,960	—
Seperti dinyatakan sebelumnya	—	28,154,261
Kesan adaptasi MPERS	28,438,960	28,154,261
Seperti dinyatakan semula	28,438,960	28,154,261
Tambahan tahun semasa	432,585	284,699
Baki pada 31 Disember	<u>28,871,545</u>	<u>28,438,960</u>
Pelunasan Terkumpul:		
Baki pada 1 Januari		
Seperti dinyatakan sebelumnya	5,044,139	—
Kesan adaptasi MPERS	—	4,719,429
Seperti dinyatakan semula	5,044,139	4,719,429
Tambahan tahun semasa	329,036	324,710
Baki pada 31 Disember	<u>5,373,175</u>	<u>5,044,139</u>
Nilai Bawaan	<u>23,498,370</u>	<u>23,394,821</u>



## 7. KERJA DALAM PEMBINAAN

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	405,479	607,007
Tambahan	—	387,036
	<u>405,479</u>	<u>994,043</u>
Pindahan ke Hartanah, Loji Dan Peralatan	—	(588,564)
Pindahan ke Hartanah Pelaburan	(405,479)	—
	<u>—</u>	<u>405,479</u>

## 8. TUNGGAKAN HASIL

Cukai Taksiran Am	16,770,439	17,284,242
Sewaan	286,659	253,822
	<u>17,057,098</u>	<u>17,538,064</u>
Tolak:		
Elaun Hutang Ragu	(8,224,630)	(6,851,724)
	<u>8,832,468</u>	<u>10,686,340</u>

## 9. SIBERHUTANG LAIN

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Dinyatakan semula</i>
Terdiri daripada Siberhutang:		
1. Projek Rumah Kedai Pekan Linggi	—	7,900
2. Pendahuluan Pelbagai	35,411	45,674
3. Kutipan Agensi	2,815	—
4. Pendahuluan Kaunter	1,000	1,000
5. Pendahuluan Kos Tindakan Guaman	715,328	734,469
6. Penghutang Pelbagai	17,892	155,667
7. Syarikat Seri Kota Sdn. Bhd.	—	19,355
8. Penghutang-GST Telah Dituntut	188,283	188,283
9. Penghutang-GST Belum Dituntut	33,502	81,062
	<u>994,231</u>	<u>1,233,410</u>

## 10. SIMPANAN TETAP, TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2016	2015
	RM	RM
Simpanan-simpanan tetap	13,750,000	13,600,000
Tunai di Bank	1,728,493	4,184,733
Tunai di tangan	2,000	2,000
	<u>15,480,493</u>	<u>17,786,733</u>

## 11. KUMPULAN WANG MAJLIS

	2016 RM	2015 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Baki Pada 1 Januari Seperti dinyatakan sebelumnya	43,619,195	48,329,065
Pelarasan Tahun Lalu (Nota 25)	—	—
Kesan adaptasi MPERS (Nota 3.1)	—	390
	<hr/>	<hr/>
Seperti dinyatakan semula	43,619,195	48,329,455
Kurangan Semasa	(4,265,265)	(4,710,260)
	<hr/>	<hr/>
	39,353,930	43,619,195

## 12. GERAN TERTUNDA

Pada 1 Januari	32,749,948	30,951,752
Pelarasan Tahun Lalu	—	(3,879)
	<hr/>	<hr/>
	32,749,948	30,947,873
Tambahan Dalam Tahun Semasa	225,993	2,156,274
Pengiktirafan Dalam Tahun Semasa	(378,500)	(354,199)
	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember	32,597,441	32,749,948

## 13. WANG PERTARUHAN

Wang Pertaruhan ini merupakan deposit yang disimpan oleh Majlis untuk maksud deposit tambahan ubah suai bangunan, sewa gerai, sewa dewan, peralatan, iklan dan wang tahanan projek/kerja.

	2016 RM	2015 RM
Wang Pertaruhan	2,776,307	2,576,512
Wang Tahanan Projek	3,801,432	3,033,728
	<hr/>	<hr/>
	6,577,739	5,610,240

## 14. SUMBANGAN AMANAH

Sumbangan ini terdiri daripada baki peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan lain-lain sumbangan yang masih belum dibelanjakan pada akhir tahun.

	2016 RM	2015 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Sumbangan Amanah Pembangunan		
1. Infra/Taman Permainan Kanak-Kanak	140,344	254,035
2. Projek-Projek BP 1	608,174	320,600
3. Prasarana Kebenaran Merancang	322,190	455,700
4. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Cahaya Negeri	—	(69,731)
5. Program Karnival Horey-Horey Permata	513	513

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Dinyatakan semula</i>
Lain-Lain		
1. Pengisytiharan MPPD	5,146	5,146
2. Kumpulan Wang Pinjaman	198,315	195,749
3. Emolumen	85,874	85,874
4. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar/TP1M/ Hal-hal COB	60,863	88,283
5. Pejabat Unit Kesejahteraan Bandar (UKB) di PBT	—	6,600
6. Peruntukan LA21 Pihak Berkuasa Tempatan	97,100	97,100
7. Program NBOS-Pembangunan Landskap & Infra Hijau	1,800	10,900
8. Peruntukan Bagi Kelulusan dan Penyerahan Lampu Jalan	11,065	5,450
9. Projek Naiktaraf Taman Awam	—	2,510,920
10. Peruntukan Naik taraf Kediaman Rasmi Pegawai Daerah PD	200,000	200,000
11. Menaik taraf/Pembersihan Longkang	5,000	—
12. Infrastruktur Jeti Ditapak Perkhemahan Pantai Batu 4	380,100	—
13. Peruntukan Keperluan Asas Pusat Komuniti Bandar	10,000	—
	<u>2,126,484</u>	<u>4,167,139</u>
15. TERIMAAN TERDAHULU		
	2016	2015
	RM	RM
1. Cukai Taksiran Am	723,142	434,426
2. Sewaan	39,087	38,857
	<u>762,229</u>	<u>473,283</u>
16. SIPIUTANG		
1. Penyelesaian Cek Terbatal	38,666	147,195
2. Terimaan Bayaran Kutipan Agensi	43,000	27,712
	<u>81,666</u>	<u>174,907</u>
17. CARUMAN BANTU KADAR		
Caruman ini terdiri daripada:		
1. Kerajaan Negeri	121,154	101,908
2. Kerajaan Persekutuan	930,018	919,264
3. Agensi Lain-Syarikat Air N. Sembilan Sdn. Bhd. (Sains)	210,904	656,845
	<u>1,262,076</u>	<u>1,678,017</u>

## 18. SEWAAN

Pendapatan dari hasil sewaan harta Majlis seperti Gerai, Pasar, Dewan, Peralatan, Kondominium dan lain-lain.

	2016	2015
	RM	RM
Butiran Harta		
1. Dewan Bandaran	34,955	38,520
2. Peralatan	441	1,267
3. Gerai Dan Pasar	874,718	848,913
4. Kereta Jenazah	1,571	2,664
5. Bayaran Quarters Majlis	35,000	39,790
6. Sewa Dataran Sri Kemang	12,500	1,300
7. Sewa 6 Unit Kondominium MPPD	—	570
8. Sewa Tapak Pantai	7,495	8,495
9. Sewa Pasu Hiasan	6,631	6,640
10. Sewa Padang	19,185	4,163
11. Sewa Bas MPPD	3,300	5,625
12. Sewa Iklan Billboard	—	36,500
13. Sewa Petak Psr. Mlm./Lot Tapak	61,946	58,997
	<u>1,057,742</u>	<u>1,053,444</u>

## 19. FAEDAH DITERIMA

Faedah yang diterima dari pelaburan simpanan tetap, akaun semasa, pinjaman kenderaan dan komputer untuk kakitangan serta keuntungan skim Al-Mudharabah Insurans.

	2016	2015
	RM	RM
Faedah		
1. Simpanan Tetap	914,192	626,687
2. Akaun Semasa	48,501	58,632
3. Pinjaman Peribadi BAE	1,417	3,179
4. Pinjaman Komputer	147	178
5. Keuntungan Al-Mudharabah Insurans	597	4,708
6. Faedah Di atas Perjanjian Belian Balik (Repo)	21,669	1,660
	<u>986,523</u>	<u>695,044</u>

## 20. SUMBANGAN PEMBANGUNAN

Sumbangan ini adalah Peruntukan Pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Lain-Lain Agensi dalam tahun 2016. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibayar ditunjukkan sebagai pendapatan. Peruntukan adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
1. Projek Menaik taraf Jalan di Kawasan Port Dickson	—	311,482
2. Menaik taraf Sistem Pencahayaan	375,023	487,197
3. Projek Sumbangan Amanah di bawah Jabatan Kerja Raya	2,984,963	4,163,177
4. Menaik taraf Bangunan/Padang/Landskap Dlm. Kaw. MPPD	531,859	2,333,392
5. Lain-lain Sumbangan	6,959,363	4,351,830
	<u>10,851,208</u>	<u>11,647,078</u>

21. EMOLUMEN

	2016	2015
	RM	RM
Gaji dan upahan kakitangan	7,006,260	6,684,436
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	57,982	55,236
Elaun:		
Lebih masa	502,931	681,289
Ahli Majlis	191,058	106,354
Mesyuarat Ahli Majlis	36,060	40,000
Tetap Kakitangan	2,077,205	1,817,890
Lain-lain	2,331	896
Ganjaran cuti rehat	84,611	113,941
Sumbangan berkanun kakitangan (Pencen)	1,105,220	1,048,021
	<u>11,063,658</u>	<u>10,548,063</u>

22. PERKHIDMATAN PEKERJA KONTRAK

Gaji dan upahan kakitangan	3,189,442	2,872,071
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	566,717	487,024
Caruman Perkeso	80,411	71,348
Elaun:		
Lebih masa	358,466	399,436
Tetap Kakitangan	1,379,691	1,164,698
Ganjaran cuti ganti	46,847	47,887
	<u>5,621,574</u>	<u>5,042,464</u>

23. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan ini adalah daripada peruntukan pembangunan Majlis dan Perbelanjaan dari Peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi.

	2016	2015
	RM	RM
1. Membina & Menaiktaraf Jalan Dalam Kawasan MPPD	3,456,011	4,993,043
2. Membina & Menaiktaraf Sistem Perparitan	741,217	1,011,843
3. Membekal & Memasang Lampu Jalan	1,248,435	1,768,202
4. Menambah Kemudahan Baru Di Pasar Dalam Kawasan Majlis	187,820	39,182
5. Menambah Kemudahan Pasar Lukut	18,850	—
6. Membina & Menaiktaraf Gerai Dalam Kawasan Majlis	503,885	281,112
7. Membina & Menaiktaraf Perhentian Bas dan Teksi	—	287,955
8. Membina & Menaiktaraf Dewan & Kompleks Sukan	381,063	200,000
9. Membina & Menaiktaraf Tempat Letak Kereta	—	22,700
10. Ubahsuai Pejabat MPPD	260,758	352,224
11. Membina & Mengubahsuai Setor	149,570	106,199
12. Pembangunan Tanah Dan Harta	—	60
13. Membekal & Membina Taman Permainan Kanak-Kanak	545,256	476,716
14. Membina & Menaikkan Taraf Pondok Perhentian Bas	132,000	153,245
15. Membina & Menyelenggara Tandas Awam	129,239	1,536,698
16. Penyediaan Papan Petunjuk Arah Dalam Kawasan MPPD	128,413	211,728
17. Rancangan Pengindahan Dalam Kawasan MPPD	4,091,072	3,590,323
18. Membina & Menaiktaraf Tapak Semaian	—	50,000
19. Membina & Menaiktaraf Jalan Masuk Di Pantai Peranginan	39,911	96,300
21. Penyediaan Pelan Tempatan	9,996	19,900
22. Luar Jangka/Kecemasan	35,307	214,925

	2016	2015
	RM	RM
23. Rancangan Pembangunan Landskap Bandar Port Dickson	44,273	341,399
24. Penyediaan Inventori Pokok Ameniti Dalam Kawasan MPPD	77,250	64,800
	<u>12,180,326</u>	<u>15,818,554</u>

## 24. PERCUKAIAN

Majlis Perbandaran Port Dickson adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan.

## 25. PELARASAN TAHUN LALU

Pelaras Tahun Lalu adalah bagi pengiktirafan daripada geran tertunda sebagai hasil dan pengiktirafan susutnilai sebagai perbelanjaan yang diterima untuk maksud pembinaan Dewan Serbaguna Flat Sri Bandar Port Dickson dan penghawa dingin berjumlah RM361,340 dan RM2,660 masing-masing. Perakuan Siap Kerja dewan tersebut telah dikeluarkan pada 23 Disember 2014 dan bayaran RM364,000 telah dibuat pada 17 Mac 2015. Pengiktirafan geran tertunda dan perbelanjaan susutnilai sebanyak RM3,879 daripada pembinaan dewan dan penghawa dingin telah dilaraskan pada tahun 2015. Pelarasan ini dibuat secara retrospektif dan angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula.

	2016	2015
	RM	RM
Pengiktirafan Daripada Geran Tertunda	—	3,879
Susutnilai	—	(3,879)
	<u>—</u>	<u>—</u>

## 26. PERISTIWA PENTING

Pada tahun kewangan semasa, pihak Majlis telah menjalankan kerja-kerja penilaian semula ke atas semua pegangan-pegangan kawasan pentadbiran. Bagaimanapun, sehingga tarikh kewangan berakhir, kerja-kerja tersebut masih di dalam proses.

## 27. ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah diselaraskan semula supaya menepati persembahan penyata kewangan tahun semasa.

[SUKNS. 700-10/5/9; PUNS. 100/2/8 (PK)]

**No. 666.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH JEMPOL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

## Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jempol telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Jempol pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

#### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Jempol dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

#### Maklumat Lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Jempol bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Jempol tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Jempol yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Jempol yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Jempol, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Jempol untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

#### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Jempol secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi

bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Jempol, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Jempol.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Jempol sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Jempol atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Jempol memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.



---

---

### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Jempol telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.2 kepada penyata kewangan, Majlis Daerah Jempol telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Lembaran Imbangan Majlis Daerah Jempol pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Daerah Jempol bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 2 Ogos 2017

MARIATY BINTI MOHD ALI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

### LAPORAN JURUAUDIT SWASTA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA MAJLIS DAERAH JEMPOL

### Laporan ke atas Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Daerah Jempol, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut disusun mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (“MPSAS”) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (“Akta 171”).

### Asas kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan di bawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami merupakan juruaudit bebas Majlis ini selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), *Institute Akauntan Malaysia (MIA)* dan *International Ethics Standards Boards for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("IESBA Code") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan kod IESBA.

### Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli-ahli Majlis bertanggungjawab ke atas laporan lain. Laporan-laporan lain termasuk laporan Ahli-ahli Majlis tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit mengenainya. Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Majlis dan ini tidak termasuk Laporan Ahli-ahli Majlis dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya. Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Majlis, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Ahli-ahli Majlis dan mempertimbangkannya sama ada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan Majlis yang boleh membawa kepada salah nyata yang ketara. Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata ketara dinyatakan di dalam laporan Ahli-ahli Majlis, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli-ahli Majlis ke atas Audit Penyata Kewangan

Ahli-ahli Majlis bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan Majlis supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ("Akta 171"). Ahli-ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, Ahli-ahli Majlis bertanggungjawab menilai kemampuan Majlis untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan Ahli-ahli Majlis bercadang untuk membubarkan atau memberhentikan operasi Majlis, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi berbuat demikian.

### Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan

mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan menjadi jaminan bahawa juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang ketara walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Salah nyata boleh berlaku daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini. Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit kami juga:

- Mengenai pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko juruaudit tidak dapat mengesan salah nyata ketara yang berpunca daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding salah nyata yang disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalam Majlis.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli-ahli Majlis.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para Ahli-ahli Majlis untuk beroperasi sebagai asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan di dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi.
- Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang boleh mengakibatkan Majlis menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan ke atasnya sama ada penyata kewangan Majlis ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli-ahli Majlis mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dijalankan.

#### Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kami juga melaporkan dalam pendapat kami rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan dengan baik oleh Majlis telah disimpan dengan baik menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

#### Perkara lain

Laporan ini dibuat terhad kepada ahli-ahli Majlis, sebagai satu badan, berpandukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di Malaysia dan tiada tujuan selain daripadanya. Pihak kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain untuk laporan terkandung di dalamnya.

SEREMBAN  
Bertarikh 6 Jun 2017

ALI YUSOF & CO.  
*AF 2099*  
*Akauntan-Akauntan Bertauliah*

MOHD ALI BIN YUSOF @ ISMAIL  
*No. Kelulusan 2836/04/18(J)*  
*Akauntan Bertauliah*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH JEMPOL

Saya, Haji Zazali bin Salehudin, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Jempol, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 yang berikutan ini berserta Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
penama yang tersebut di atas  
di Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan  
pada 8 Mei 2017

}

Di hadapan saya,

MUZALIFAH BINTI MOHAMAD NOOR  
*Majistret*  
*Negeri Sembilan*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Supt. Noorzainy bin Haji Mohd Nor dan Nor Mazlan bin Mohd Yunus, yang merupakan dua daripada Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Jempol dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Jempol pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-ahli Majlis,

SUPT. NOORZAINY BIN HAJI MOHD NOR <i>Ahli Majlis, Majlis Daerah Jempol Negeri Sembilan</i>	NOR MAZLAN BIN MOHD YUNUS <i>Ahli Majlis, Majlis Daerah Jempol Negeri Sembilan</i>
---	---

Bertarikh 8 Mei 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 3)	10,110,035	7,237,732	11,776,745
Hartanah Pelaburan (Nota 4)	5,315,018	4,951,227	—
Kerja Dalam Pelaksanaan (Nota 5)	3,270,532	1,819,679	—
Aset Tak Ketara (Nota 6)	12,160	13,680	—
	18,707,745	14,022,318	11,776,745
<b>ASET SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 7)	1,888,200	1,647,090	2,707,279
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 8)	696,071	594,806	415,895
Simpanan Tetap (Nota 9)	9,351,697	9,008,050	10,869,780
Wang Di Bank (Nota 10)	2,326,121	1,403,091	499,355
Wang Dalam Tangan	500	500	500
	14,262,589	12,653,537	14,492,809
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>14,262,589</b>	<b>12,653,537</b>	<b>14,492,809</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>32,970,334</b>	<b>26,675,854</b>	<b>26,269,554</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Geran Tertunda (Nota 11)	1,361,559	918,844	772,597
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 12)	11,831,689	5,777,632	4,737,146

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13)	54,400	—	—
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>	<b>13,247,648</b>	<b>6,696,476</b>	<b>5,509,743</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 12)	90,325	51,269	28,570
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 14)	849,224	806,564	1,119,044
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13)	75,500	—	—
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>	<b>1,015,049</b>	<b>857,833</b>	<b>1,147,614</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>14,262,697</b>	<b>7,554,309</b>	<b>6,657,357</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>18,707,637</b>	<b>19,121,545</b>	<b>19,612,197</b>
<b>ASET BERSIH</b>			
KUMPULAN WANG MAJLIS (Nota 15)	18,707,637	19,121,544	19,612,197
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>18,707,637</b>	<b>19,121,544</b>	<b>19,612,197</b>

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
PADA 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
<b>HASIL</b>		
Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 16)	13,522,950	14,616,278
Urus Niaga Pertukaran (Nota 17)	2,408,512	2,531,255
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>15,931,462</b>	<b>17,147,533</b>
<b>TOLAK:</b>		
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 18)	6,655,706	5,578,357
Perjalanan dan Pengangkutan (Nota 19)	105,166	128,463
Perhubungan (Nota 20)	219,852	191,179
Utiliti (Nota 21)	1,077,518	849,457
Perkhidmatan Percetakan	119,028	88,350
Bekalan Bahan (Nota 22)	756,995	580,322
Penyenggaraan dan Pembaikan (Nota 23)	5,947,774	7,219,067
Perkhidmatan Ikhtisas (Nota 24)	697,324	2,041,392
Pengiklanan	3,240	540
Susutnilai	588,236	590,502

	2016 RM	2015 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Rosotnilai	1,520	—
Hutang Ragu (Nota 25)	23,316	13,401
Lain-lain Perbelanjaan (Nota 26)	548,058	307,800
JUMLAH PERBELANJAAN	16,743,733	17,588,830
(KURANGAN)/LEBIHAN SEBELUM CUKAI	(812,271)	(441,297)
CUKAI	—	—
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN	(812,271)	(441,297)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan Wang Majlis RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki Pada 1 Januari 2015 (Kekurangan)/Lebihan Bersih Bagi Tahun Pelarasan 2015 (Nota 28)	19,612,197 (441,297) (49,356)	19,612,197 (441,297) (49,356)
Baki Pada 31 Disember 2015 Kekurangan pendapatan dari perbelanjaan Pelarasan 2016 (Nota 28)	19,121,544 (812,271) 398,364	19,121,544 (812,271) 398,364
Baki pada 31 Disember 2016	18,707,637	18,707,637

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI:		
(Kurangan)/Lebihan sebelum cukai	(812,271)	(441,297)
Pergerakan bukan tunai:		
Susutnilai dan pelunasan	580,906	590,502
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	17,700	—
(Kekurangan)/Tambah dalam bukan pertukaran belum terima	(241,110)	1,060,189
(kurangan) dalam pertukaran belum terima	(101,265)	(178,911)
Tambahan dalam geran tertunda	442,715	146,247
Tambahan dalam bukan pertukaran belum bayar	6,093,111	1,063,185
Tambahan/(Kurangan) dalam pertukaran belum bayar	42,660	(312,480)
Tambahan dalam manfaat kakitangan	129,900	—
Pelarasan	398,364	(49,356)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	6,550,711	1,878,079

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(3,315,507)	(2,836,073)
Pembelian hartanah pelaburan	(517,674)	—
Tambahan Kerja Dalam Pelaksanaan	(1,450,853)	—
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(5,284,034)	(2,836,073)
Pergerakan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai Tunai Dan Kesetaraan Tunai Awal Tahun	1,266,677 10,411,641	(957,994) 11,369,635
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Akhir Tahun	11,678,318	10,411,641
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH</b>		
Simpanan Tetap	9,351,697	9,008,050
Wang di bank	2,326,121	1,403,091
Wang dalam tangan	500	500
	11,678,318	10,411,641

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016**

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet <sup>^</sup> RM
	Asal RM	Akhir RM		
<b>PENERIMAAN</b>				
Perolehan barang urus niaga pertukaran	3,423,600	3,423,600	1,103,585	2,320,015
Perolehan barang urus niaga bukan pertukaran	11,802,000	11,802,000	10,670,815	1,131,185
Jumlah Penerimaan	15,225,600	15,225,600	11,774,400	3,451,200
Emolumen	5,652,260	5,652,260	6,398,698	(746,438)
Perjalanan dan sarahidup	81,000	81,000	104,004	(23,004)
Perhubungan dan utiliti	1,540,100	1,540,100	1,386,588	153,512
Bekalan bahan-bahan mentah	446,900	446,900	291,065	155,835
Bekalan bahan-bahan lain	463,100	463,100	352,305	110,795
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli	482,100	482,100	360,057	122,044
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	3,413,140	3,413,140	662,764	2,750,376
Lain-lain perbelanjaan	122,000	122,000	259,581	(137,581)
Aset	258,400	258,400	405,839	(147,439)
Pemberian dan kenaaan bayaran	188,000	188,000	136,288	51,712
Perbelanjaan pembangunan	2,578,600	2,578,600	814,843	1,763,757
Jumlah Pembayaran	15,225,600	15,225,600	11,172,031	4,053,569
<b>PENERIMAAN BERSIH</b>	—	—	602,369	(602,369)

<sup>^</sup> Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenarnya.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Jempol.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

- (i) Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.
- (ii) Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS"). Penyata kewangan Majlis ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian. Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 2.21 kepada Penyata Kewangan.
- (iii) Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.
- (iv) Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.
- (v) Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 SUSUTNILAI

- (i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.
- (ii) Tanah milikan bebas tidak disusutnilai. Tanah pajakan disusutnilai menurut tempoh pajakan. Susutnilai diperuntukkan ke atas kos hartanah, loji dan peralatan menurut Kaedah Garis Lurus secara tahunan seperti berikut:

Bangunan	1%
Bangunan kayu	5%
Jentera berat	12 ½%
Jentera ringan	20%
Alat pejabat	10%
Alat pembersihan	33 1/3%

- (iii) Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

### 2.3 PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

- (i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan.

- (ii) Caruman Bantu Kadar

- (iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

- (iv) Denda dan hukuman

Hasil bagi Caruman Bantu Kadar, Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit serta Denda dan Hukuman diiktiraf apabila pembayaran diterima.

- (v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Tahunan Berasas Kaedah Keseimbangan (GTBKK) diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- (i) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.
- (ii) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

### 2.4 PROJEK USAHASAMA

Projek usahasama merupakan projek yang dijalankan oleh Majlis bersama pihak ketiga. Bagi projek yang mana kos tanah ditanggung oleh pemaju, nilai nominal diambilkira untuk menunjukkan kewujudan tanah berkenaan.

### 2.5 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tidak lebih 12 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## 2.6 ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

### (i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

### (ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Pembelian harta modal yang berharga RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit akan dipermodalkan.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.8 MANFAAT PEKERJA

### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

### (ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

Majlis Daerah Jempol juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### (iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

## 2.9 PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan dalam kemajuan yang dilakukan oleh Majlis Daerah Jempol akan dimodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan setelah pendapat sijil perakuan layak menduduki (Certificate of Fitness (CF)). Susutnilai tidak dikenakan ke atas bangunan yang masih dalam pembinaan.

## 2.10 CUKAI

Majlis Daerah Jempol adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 2.11 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barangan dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

### (i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran am dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%)

### (ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output)

## 2.12 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrument.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

### (i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

### (ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

## 2.13 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

(iii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

(iv) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.14 PERUNTUKAN LIABILITI

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### 2.15 ASET TAK KETARA

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian Komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 10 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.16 MENGOFSET INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### 2.17 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

## 2.18 PIHAK BERKAITAN

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

## 2.19 MAKLUMAN BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 8 Disember 2015.

## 2.20 PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

### Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

#### (i) Kerugian Rosot nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

#### (ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

#### (iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.



(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21 PERMAKAIAN AWAL MPSAS

Majlis Daerah Jempol telah mengguna pakai lebih awal MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar.

	Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 1 – Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2 – Cash Flow Statements	1 Januari 2017
MPSAS 3 – Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9 – Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13 – Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14 – Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 16 – Investment Property	1 Januari 2017
MPSAS 17 – Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19 – Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20 – Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21 – Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23 – Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24 – Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25 – Employee Benefits	1 Januari 2017
MPSAS 26 – Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28 – Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29 – Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017
MPSAS 30 – Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31 – Intangible Assets	1 Januari 2017
MPSAS 33 – First -Time Adoption of Accrual Basis MPSASs	1 Januari 2017

2.21 KESAN PERMAKAIAN AWAL MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan

PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Perlakuan perakaunan bagi geran

MPSAS 23 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) menetapkan tentang keperluan untuk melaporkan hasil-hasil yang timbul daripada urus niaga bukan pertukaran. Tiada piawaian yang setara di dalam PERS. Kesan yang ketara adalah berhubung dengan perlakuan perakaunan geran di mana MPSAS menghendaki geran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki permulaan Kumpulan Wang Majlis.

(iii) Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Tamat Kontrak kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan peralihan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

(i) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (*deemed cost*)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

(ii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(iii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

Kesan Pemakaian MPSAS ke atas penyata Kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan Terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASSET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	11,776,745	7,237,732	10,103,105
Hartanah Pelaburan	—	1,819,679	5,315,018
Kerja Dalam Pelaksanaan	—	4,951,227	3,270,532
Aset Tak Ketara	—	13,680	12,160
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>	<b>11,776,745</b>	<b>14,022,318</b>	<b>18,700,815</b>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	2,707,279	1,647,090	1,888,200
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	415,895	594,806	696,071
Simpanan Tetap	10,869,780	9,008,050	9,351,697
Wang di Bank	499,355	1,403,091	2,326,121
Wang Dalam Tangan	500	500	500
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>14,492,809</b>	<b>12,675,855</b>	<b>14,262,589</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>26,269,554</b>	<b>26,675,855</b>	<b>32,963,404</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Geran Tertunda	772,597	918,844	1,361,559
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	4,737,146	5,777,632	11,791,939
Peruntukan Manfaat Kakitangan	—	—	54,400
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>	<b>5,509,743</b>	<b>6,696,476</b>	<b>13,207,898</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	28,570	51,269	90,325
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	1,119,044	806,564	849,224
Peruntukan Manfaat Kakitangan	—	—	75,500
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>	<b>1,147,614</b>	<b>857,833</b>	<b>1,015,049</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>6,657,357</b>	<b>7,554,309</b>	<b>14,222,947</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>19,612,197</b>	<b>19,121,546</b>	<b>18,740,457</b>
<b>ASET BERSIH</b>			
<b>KUMPULAN WANG MAJLIS</b>	<b>19,612,197</b>	<b>19,121,544</b>	<b>18,740,457</b>
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>19,612,197</b>	<b>19,121,544</b>	<b>18,740,457</b>

## 2.22 HARTANAH PELABURAN

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada.

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	TANAH RM	BANGUNAN RM	JENTERA BERAT RM	JENTERA RINGAN RM	ALAT-ALAT PEJABAT RM	ALAT- ALAT PEMBERSIHAN RM	JUMLAH RM
<b>KOS</b>							
Baki pada 1-1-2016	15,110	14,765,945	2,898,210	214,202	2,107,207	2,700	20,003,374
Diklasifikasikan ke Hartanah Pelaburan	—	(7,179,188)	—	—	—	—	(7,179,188)
Diklasifikasikan ke Aset Tak Ketara	—	—	—	—	(15,200)	—	(15,200)
Tambahan dalam tahun	15,110	7,586,757	2,898,210	214,202	2,092,007	2,700	12,808,986
Diklasifikasi dari Kerja Dalam	—	1,283,850	—	17,500	91,337	—	1,392,687
Pelaksanaan	—	1,922,820	—	—	—	—	1,922,820
Pelupusan	—	—	—	—	(17,700)	—	(17,700)
Baki pada 31-12-2016	15,110	10,793,427	2,898,210	231,702	2,165,644	2,700	16,106,793
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>							
Baki pada 1-1-2016	3,184	3,819,636	2,374,140	196,333	1,404,744	2,699	7,800,736
Diklasifikasikan ke Hartanah Pelaburan	—	(2,227,961)	—	—	—	—	(2,227,961)
Diklasifikasikan ke Aset Tak Ketara	—	—	—	—	(1,520)	—	(1,520)
Caj tahun kewangan	3,184	1,591,676	2,374,140	196,333	1,403,224	2,699	5,571,255
Pelupusan	152	162,496	137,544	10,276	123,885	—	434,353
Baki pada 31-12-2016	3,336	1,754,172	2,511,684	206,609	1,518,259	2,699	5,996,758
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>							
Pada 31-12-2016	11,774	9,039,255	386,526	25,093	647,385	1	10,110,035
Pada 31-12-2015	11,926	10,946,308	524,070	17,869	702,463	1	12,202,637
Pada 1-1-2015	12,078	10,399,184	679,670	19,305	666,507	1	11,776,745

## 4. HARTANAH PELABURAN

	2016 RM	2015 RM
Kos		
Baki pada awal tahun	7,179,188	7,179,188
Tambahan	517,674	—
Baki pada akhir tahun	<u>7,696,862</u>	<u>7,179,188</u>
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada awal tahun	2,227,961	2,074,078
Tambahan	153,883	153,883
Baki pada akhir tahun	<u>2,381,844</u>	<u>2,227,961</u>
Nilai Bawaan	<u>5,315,018</u>	<u>4,951,227</u>

## 5. KERJA DALAM PELAKSANAAN

Baki pada awal tahun	1,819,679	1,819,679
Tambahan	3,270,532	—
Diklasifikasi ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,819,679)	—
Baki pada akhir tahun	<u>3,270,532</u>	<u>1,819,679</u>

## 6. ASET TAK KETARA

Perisian Komputer		
Kos		
Baki pada awal tahun	15,200	15,200
Tambahan	—	—
Baki pada akhir tahun	<u>15,200</u>	<u>15,200</u>
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada awal tahun	1,520	1,520
Tambahan	1,520	—
Baki pada akhir tahun	<u>3,040</u>	<u>1,520</u>
Nilai Bawaan	<u>12,160</u>	<u>13,680</u>

## 7. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada tunggakan hasil seperti berikut:

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Tunggakan Hasil			
Cukai Taksiran Am	2,256,004	1,994,730	3,042,992
Elaun hutang ragu	(367,804)	(347,640)	(335,713)
	<u>1,888,200</u>	<u>1,647,090</u>	<u>2,707,279</u>

## 8. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada:

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
(a) Tunggakan Hasil			
Sewaan Tempat Letak Kereta	262,686	262,686	262,686
Sewaan	203,646	207,251	181,466
	<u>466,332</u>	<u>469,937</u>	<u>444,152</u>
Elaun hutang ragu	(32,903)	(29,751)	(28,277)
	<u>433,429</u>	<u>440,186</u>	<u>415,875</u>
(b) Penghutang GST	261,984	154,620	—
(c) Penghutang lain-lain	658	—	20
	<u>696,071</u>	<u>594,806</u>	<u>415,895</u>

## 9. SIMPANAN TETAP

Baki pada 1 Januari	9,008,050	10,869,780	10,685,526
Tambahan	1,083,965	232,354	184,254
Tolak:			
Pengeluaran	(740,318)	(2,094,084)	—
Baki pada 31 Disember	<u>9,351,697</u>	<u>9,008,050</u>	<u>10,869,780</u>

Terdiri dari:

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	3,506,544	3,494,450	3,482,449
CIMB Bank Berhad	3,334,424	3,773,970	3,773,970
Bank Simpanan Nasional	1,327,128	317,774	159,425
Ambank Berhad	1,183,600	1,145,880	1,110,367
Bank Islam Malaysia Berhad	—	275,976	1,525,401
RHB Bank Berhad	—	—	818,168
	<u>9,351,696</u>	<u>9,008,050</u>	<u>10,869,780</u>

## 10. WANG DI BANK

Malayan Banking Berhad	1,885,507	681,727	(306,783)
Bank Rakyat (Semasa)	152,924	150,648	—
Bank Simpanan Nasional Berhad	117,781	260,507	94,122
Bank Rakyat (Simpanan)	74,866	16,935	121,658
CIMB Bank Berhad (PPKB)	59,076	58,489	57,905
CIMB Bank Berhad	35,967	234,785	532,453
	<u>2,326,121</u>	<u>1,403,091</u>	<u>499,355</u>

## 11. GERAN TERTUNDA

Pengurusan Sisa Pepejal	627,728	627,728	627,728
Projek Pembangunan BP 1	527,860	118,310	2,978
Projek Pelancungan (P62)	71,114	40,214	9,314

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	51,839	51,839	51,839
Program NKRA	40,539	40,539	40,539
Program Local Agenda 21	21,692	21,692	21,692
Projek UKB	17,280	15,015	15,000
Projek Taman Rekreasi Bandar Seri Jempol	3,507	3,507	3,507
	<u>1,361,559</u>	<u>918,844</u>	<u>772,597</u>

## 12. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urus niaga bukan pertukaran belum bayar terdiri daripada:

Wang Pertaruhan (Nota a)	3,496,844	3,387,800	3,167,048
Terimaan Terdahulu (Nota b)	73,093	42,860	12,341
Akaun Cek Dikembalikan	17,232	8,409	16,229
Pendapatan Tertunda (Nota c)	8,334,845	2,389,832	1,570,098
	<u>11,922,014</u>	<u>5,828,901</u>	<u>4,765,716</u>

## (a) Wang Pertaruhan

Baki pada 1 Januari	3,387,800	3,167,048	3,121,725
Terimaan cagaran/deposit	383,628	1,170,795	400,929
Pemulangan cagaran/deposit	(274,584)	(950,043)	(355,606)
	<u>3,496,844</u>	<u>3,387,800</u>	<u>3,167,048</u>

## (b) Terimaan Terdahulu

Cukai Taksiran Am	45,228	25,790	7,846
Sewaan	27,865	17,070	4,495
	<u>73,093</u>	<u>42,860</u>	<u>12,341</u>

## (c) Pendapatan Tertunda

Dewan Taman Sri Rompin	484,586	489,530	—
Dewan Serba Guna Taman Bahau	467,023	471,888	476,753
Dewan Orang Ramai Kg. Rata	414,740	419,152	423,564
Dewan Serbaguna RAHR, Ayer Hitam	342,804	346,302	—
Dewan Serbaguna (Budaya) Kg. Serampang Indah	181,220	183,107	184,995
Bangunan Serbaguna Serting Ilir	172,900	174,720	176,540
Terminal Bas Bahau	156,616	158,231	159,845
Dewan Terbuka di Rumah Rakyat Jambu Lapan	145,403	146,902	148,401
Pusat Penjaja Baru Bahau	3,975,000	—	—
Gerai Anjung Selera Batu Kikir	488,244	—	—
Gerai Simpang Palong 14, 15 dan 16	245,198	—	—
Gerai MDJL Jalan Pasar Batu Kikir	177,210	—	—
Gerai Lui Barat	90,090	—	—
Tandas Awam Medan Selera Kiara	71,528	—	—
Surau Taman Intan, Batu Kikir	296,802	—	—
Dewan Terbuka Taman Mawar, Batu Kikir	187,402	—	—
Dewan Terbuka Taman Kasih Putera	160,503	—	—
Tandas Taman ACBE	77,220	—	—



	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Menaiktaraf Dewan Orang Ramai Jambu Lapan	73,458	—	—
Menaiktaraf Balairaya Taman Serting Indah	65,518	—	—
Menaiktaraf Dewan Kg. Baru Batu Bakar	61,380	—	—
	<u>8,334,845</u>	<u>2,389,832</u>	<u>1,570,098</u>
Urus niaga bukan pertukaran belum bayar dianalisis seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan	90,325	51,269	28,570
Lebih daripada 12 bulan	11,831,689	5,777,632	4,737,146
	<u>11,922,014</u>	<u>5,828,901</u>	<u>4,765,716</u>
<b>13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN</b>			
Baki Pada Awal Tahun	—	—	—
Tambahan	169,163	—	—
Penggunaan	(39,263)	—	—
Terlebih/Terkurang	—	—	—
	<u>129,900</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
Baki Pada Akhir Tahun	129,900	—	—
Peruntukan Manfaat Kakitangan dianalisis seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan	75,500	—	—
Lebih daripada 12 bulan	54,400	—	—
	<u>129,900</u>	<u>—</u>	<u>—</u>
<b>14. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR</b>			
	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Urus niaga pertukaran belum bayar terdiri daripada:			
Perbelanjaan Terakru (Nota a)	716,946	759,175	1,097,495
Pemiutang Lain	130,771	46,271	—
Akaun Penyelesaian	1,507	1,118	21,549
	<u>849,224</u>	<u>806,564</u>	<u>1,119,044</u>
(a) Perbelanjaan Terakru			
Kemudahan riadah dan taman	286,069	—	—
Bangunan MDJL	280,001	—	—
Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal	46,714	681,149	909,589
Elaun Lebih masa	40,769	20,050	17,470
Menaiktaraf longkang	20,000	—	40,000
Keraian/saguhati/hadiah	14,574	4,470	1,800
Perkhidmatan yang lain	10,370	12,100	—

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Minyak petrol/disel	9,398	9,484	9,694
Telefon	3,342	12,162	3,372
Perkhidmatan perubatan	2,778	1,283	—
Elaun perjalanan	1,992	2,451	623
Elaun memandu	580	—	—
Pos	254	62	—
Alat tulis pejabat	105	—	62
Perkhidmatan keselamatan	—	11,724	11,864
Sewa alat kelengkapan pejabat	—	2,682	—
Perkhidmatan perundingan	—	639	—
Imbuan tahunan	—	622	622
Bayaran air	—	297	24
Elaun Ahli Majlis	—	—	3,060
Bekalan pejabat yang lain	—	—	80
Penyenggaraan pasar dan bangunan	—	—	40,200
Program pencahayaan	—	—	3,589
Kelab Sukan	—	—	24,940
Gantian Cuti Rehat	—	—	30,490
Pelbagai	—	—	16
	<u>716,946</u>	<u>759,175</u>	<u>1,042,049</u>

## 15. KUMPULAN WANG MAJLIS

Baki pada 1 Januari	19,121,544	19,612,197	20,922,608
Pelarasan	398,364	(49,356)	(16,205)
	<u>19,519,908</u>	<u>19,562,841</u>	<u>20,906,403</u>
(Kurangan)/Lebih pendapatan dari perbelanjaan	(812,271)	(441,297)	(1,294,206)
	<u>18,707,637</u>	<u>19,121,544</u>	<u>19,612,197</u>

## 16. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2016	2015
	RM	RM
Hasil urus niaga bukan pertukaran terdiri daripada:		
Cukai Taksiran Am	5,151,658	4,822,656
Caruman Bantu Kadar (Nota a)	357,394	338,548
Lesen-lesen (Nota b)	779,268	796,249
Notis dan denda (Nota c)	408,487	469,573
Sumbangan dari Kerajaan (Nota d)	6,826,143	8,189,252
	<u>13,522,950</u>	<u>14,616,278</u>

## (a) Caruman Bantu Kadar:

Kerajaan Persekutuan	329,872	311,152
Kerajaan Negeri	27,522	27,396
	<u>357,394</u>	<u>338,548</u>

	2016	2015
	RM	RM
(b) Lesen-lesen:		
Tred, perniagaan dan perindustrian	280,805	288,937
Permit	206,384	199,528
Iklan dan kenyataan	132,174	135,843
Kedai makanan, minuman dan roti	50,699	54,220
Pasar	43,323	44,713
Gerai tepi jalan	32,640	36,960
Hiburan	27,712	28,644
Penjaja	5,531	7,404
	<u>779,268</u>	<u>307,784</u>
(c) Notis dan denda:		
Notis dan kompaun	290,457	270,098
Denda	90,544	129,076
Waran tahanan	27,486	70,399
	<u>408,487</u>	<u>469,573</u>
(d) Sumbangan daripada Kerajaan:		
Peruntukan Kerajaan Negeri	2,803,789	3,615,045
Kerajaan Persekutuan-Projek-projek	1,837,877	2,504,683
Geran Tahunan	1,629,037	1,629,037
Bantuan Kerajaan Persekutuan	555,440	440,487
	<u>6,826,143</u>	<u>8,189,252</u>
<b>17. URUS NIAGA PERTUKARAN</b>		
Hasil urus niaga pertukaran terdiri daripada:		
Sewaan (Nota e)	1,241,042	1,293,820
Perkhidmatan dan bayaran (Nota b)	702,530	770,389
Perolehan dari jualan barang-barang (Nota c)	100,102	115,030
Faedah (Nota d)	350,573	319,630
Lain-lain hasil (Nota e)	14,265	32,386
	<u>2,408,512</u>	<u>2,531,255</u>
(a) Sewaan:		
Gerai tepi jalan, pasar, bengkel dan kedai	1,141,163	1,185,369
Padang/dewan	52,260	59,594
Perhentian bas dan teksi	38,150	38,532
Pelbagai sewaan	9,469	10,325
	<u>1,241,042</u>	<u>1,293,820</u>
(b) Perkhidmatan dan Bayaran:		
Tempat letak kereta	330,621	305,374
Fi Kebenaran Merancang	151,291	189,243
Pelan	147,385	191,223
Kain rentang	34,316	42,861
Sampah	19,711	21,341
Bayaran lain/carian rasmi	18,598	19,709
Pindah Milik	608	638
	<u>702,530</u>	<u>770,389</u>

	2016	2015
	RM	RM
(c) Perolehan dari jualan barang		
Pelan, sebutharga dan pelbagai	81,325	94,021
Papan lesen	18,777	21,009
	<u>100,102</u>	<u>115,030</u>
(d) Faedah:		
Simpanan tetap	333,022	299,870
Bank	17,551	19,760
	<u>350,573</u>	<u>319,630</u>
(e) Lain-lain hasil:		
Pelbagai terimaan/komisyen	14,265	26,386
Sumbangan dari pihak swasta	—	6,000
	<u>14,265</u>	<u>32,386</u>
18. EMOLUMEN		
Gaji, elaun dan bonus	4,360,601	3,960,023
Pekerja Sambilan/Kontrak	944,209	654,401
KWAP	545,359	501,791
Elaun lebih masa	400,842	290,833
Elaun Ahli Majlis	156,467	98,049
Ganjaran Tamat Kontrak	100,450	14,590
Gantian Cuti Rehat	68,713	—
Pendaftaran kursus/latihan	47,109	28,127
KWSP	31,956	30,543
	<u>6,655,706</u>	<u>5,578,357</u>
19. PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN		
Elaun perjalanan	49,182	40,856
Penginapan	46,548	77,555
Lain-lain	5,990	2,525
Pemberian perpindahan	1,845	2,165
Makan minum dalam negeri	1,601	5,362
	<u>105,166</u>	<u>128,463</u>
20. PERHUBUNGAN		
Telefon	169,667	167,776
Pos	50,185	23,403
	<u>219,852</u>	<u>191,179</u>
21. UTILITI		
Elektrik	998,438	822,350
Air	79,080	27,107
	<u>1,077,518</u>	<u>849,457</u>

## 22. BEKALAN BAHAN

	2016	2015
	RM	RM
Bekalan pejabat	180,709	92,132
Bekalan am	177,971	132,055
Pakaian seragam	97,627	77,662
Petrol/minyak pelincir	95,247	120,605
Alat ganti dan pelbagai	73,133	49,114
Besi	44,995	22,540
Baja dan racun	27,663	24,544
Tayar dan tiub	22,996	22,556
Bekalan kimia	16,038	9,237
Kerikil dan pasir	9,215	—
Alat pertanian	5,294	6,442
Bekalan tanah	3,640	3,130
Bekalan kayu	1,344	4,044
Batu batan dan simen	1,123	16,261
	<u>756,995</u>	<u>580,322</u>

## 23. PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Penyenggaraan jalan raya dan lorong belakang	3,255,525	3,431,860
Penyenggaraan parit dan longkang	1,270,317	2,053,381
Penyenggaraan kemudahan riadah/taman	467,919	99,180
Penyenggaraan alat elektrik dan pencahayaan	410,004	749,217
Penyenggaraan kemudahan awam/lain	237,100	590,872
Penyenggaraan dewan dan bangunan	156,568	83,734
Penyenggaraan kenderaan	138,823	105,792
Penyenggaraan alat kelengkapan elektronik	5,969	8,631
Penyenggaraan jentera	4,304	—
Penyenggaraan alat perhubungan	1,195	3,190
Penyenggaraan alat kelengkapan pejabat	50	—
Penyenggaraan landskap dan lampu hiasan	—	93,210
	<u>5,947,774</u>	<u>7,219,067</u>

## 24. PERKHIDMATAN IKHTISAS

Perkhidmatan yang lain	188,497	74,997
Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal/pembersihan	148,213	1,566,861
Perkhidmatan kawalan keselamatan	140,824	139,988
Saguhati, keraian dan hospitaliti	112,209	120,314
Perkhidmatan perubatan	59,484	82,741
Program LA 21	29,163	13,282
Perakaunan dan perundangan	14,863	11,712
Perkhidmatan dobi	3,567	6,813
Perkhidmatan fotografi	504	2,670
Perkhidmatan perundangan	—	21,604
Perkhidmatan proses data	—	410
	<u>697,324</u>	<u>2,041,392</u>

## 25. ELAUN HUTANG RAGU

Cukai Taksiran Am	20,164	11,927
Sewaan	3,152	1,474
	<u>23,316</u>	<u>13,401</u>

## 26. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

	2016	2015
	RM	RM
Komisyen bank, insuran dan lain-lain	242,904	86,818
Sumbangan ke Kelab Sukan	97,025	57,354
Sewaan alat pejabat/mesin/jentera	92,579	90,604
Pokok dan benih	89,085	46,972
Cukai Tanah dan denda	18,739	18,739
Kerugian atas pelupusan aset	7,350	—
Pulang balik hasil dan hapuskira	376	907
Proses Permohonan Tanah	—	404
Gantian Cuti Rehat	—	3,002
Pemberian Pengurusan Jenazah	—	3,000
	<u>548,058</u>	<u>307,800</u>

## 27. CUKAI

Majlis Daerah Jempol adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Pendapatan 1967.

## 28. PELARASAN

	2016	2015
	RM	RM
Penilaian semula kenderaan yang diambilalih oleh SWM tidak diambilkira	309,300	—
Pelarasan kod objek bayaran	100,000	—
Pelarasan ke atas bayaran bangunan pejabat di IOI	7,000	—
Pelarasan buku tunai yang tidak diambilkira dalam akaun tahun sebelum	—	36,339
Perbelanjaan terlebih caj ke Perbelanjaan Terakru tahun 2015	1,562	—
Pelarasan ke atas cek-cek tak laku yang dibatalkan	990	(1,260)
Imbuan tahunan yang telah dibayar pada tahun 2015	622	—
Projek UKB tahun 2015 diakaunkan dalam tahun 2014	—	(45,000)
Perbelanjaan terlebih bayar (SH63/2014)	—	13,791
Pembatalan perbelanjaan tahun 2014	—	600
Pelarasan ke atas denda lewat, notis E dan waran	—	(53,051)
Perbelanjaan terkurang caj dalam tahun 2015	(200.00)	—
Pelarasan tunggakan sewa dan bayaran sampah	(1,303)	(775)
Hapuskira cukai taksiran, denda lewat, Notis E dan Waran	(19,607)	—
	<u>398,364</u>	<u>(49,356)</u>

## 29. LIABILITI LUAR JANGKA

Projek usahasama yang diusahakan oleh defenden pertama (Monocrest Sdn. Bhd.) dan defenden kedua (Majlis Daerah Jempol), pihak ketiga telah menyatakan tuntutan penggunaan tanah tanpa kebenaran oleh defenden pertama untuk projek tersebut.

## 30. KEBENARAN UNTUK TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Terbitan Penyata Kewangan telah dibenarkan oleh Ahli-Ahli Majlis Daerah Jempol pada 8 Mei 2017.

31. PROJEK USAHA SAMA

Pihak Majlis telah menandatangani perjanjian projek usaha sama dengan syarikat swasta bagi tujuan pembangunan yang masih dalam pelaksanaan seperti berikut:

(2) Projek:	Pembangunan Usahasama Hadapan St Aiden dan Pekan Bahau	
Pemaju:	Monocrest Sdn. Bhd.	
Tarikh Perjanjian Ditandatangani:	7 Januari 1995	
Komponen:	Kedai 2 tkt, Pusat Penjaja, Bangunan Kelab dan Kolam Renang, Pondok Polis, Surau, Tapak Stesen minyak, Tangki “ inhoff ” Pam Simpanan Tapak Sub Station TNB, Rumah Pangsa Kos sederhana dan kompleks Membeli-belah	
Pulangan:	22 unit Pusat penjaja	RM658,000
	Pintu gerbang/lanskap	RM56,000
	Jejantas	RM94,200
	(diganti dengan bayaran tunai)	
	Kolam Renang dan Rumah Kelab	RM698,200
	10 unit Rumah Pangsa	RM450,000
	2 unit Rumah Kedai	RM304,000
	Surau	RM25,000

32. INSTRUMEN KEWANGAN–PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
31 Disember 2016			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	857,833	5,777,632	6,635,465
	_____	_____	_____

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

## 33. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

## Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan mengikut kategori adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
(i) Elaun tetap Ahli Majlis	148,080	78,180
(ii) Bantuan Khas Kewangan	7,500	12,000
(iii) Elaun Telefon	12,739	14,528
(iv) Elaun Perjalanan	—	1,329
	<u>168,319</u>	<u>106,037</u>
Jumlah kakitangan	<u>22</u>	<u>18</u>

## 34. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui surat Bil SUKNS.700-10/4/5 (10) bertarikh 17 Disember 2015.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrual kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, palarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah:

	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	(3,747,216)	(326,265)	—	(4,073,481)



	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Perbezaan asas (Nota (a))	759,175	—	—	759,175
Perbezaan masa	—	—	—	—
Perbezaan entiti	—	—	—	—
Jumlah sebenar dalam				
Penyata Aliran Tunai	(2,988,041)	(326,265)	—	(3,314,306)

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

## No. 667.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAMPIN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

#### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

#### Asas kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Tampin dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

i. Pihak Audit mendapati perbezaan amaun yang dinyatakan dalam borang GST-03 dengan amaun yang dinyatakan dalam lejar iaitu sejumlah RM75,806 bagi GST Input dan RM40,393 bagi GST Output.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Tampin bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Tampin tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tampin yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tampin yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tampin, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Tampin untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Tampin secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Tampin sama ada disebabkan fraud atau

kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Tampin.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Tampin sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Tampin atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Tampin memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenal Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Tampin telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Majlis Daerah Tampin telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka

perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Daerah Tampin bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 24 Ogos 2017

MARIATY BINTI MOHD ALI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT SWASTA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA  
MAJLIS DAERAH TAMPIN

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Daerah Tampin, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016, serta penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dikemukakan di muka surat 9 hingga 43.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah dibuat berdasarkan Piawalan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan 1976 (Akta 171) dan disusun dengan wajar untuk memberikan gambaran yang saksama dan munasabah berhubung kedudukan kewangan Majlis pada tarikh 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami bebas daripada Majlis berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) dalam Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”) dan Lembaga Piawai Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Profesional Akauntan (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Perkara yang diberi penekanan

Terdapat perbezaan amaun yang dinyatakan dalam borang GST-03 dengan amaun yang dinyatakan dalam lejar laitu sebanyak RM75,806 bagi GST Input dan RM40,393 bagi GST Output.

---

---

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang berkaitan

Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Anggota Majlis tetapi tidak termasuk penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Majlis ini tidak meliputi Laporan Anggota Majlis dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Majlis, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Anggota Majlis dan, dengan berbuat demikian, pertimbangan sama ada Laporan Anggota Majlis adalah tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Majlis atau pengetahuan kami diperolehi dalam audit atau sebaliknya didapati telah tersalah nyata secara material.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara pada laporan Anggota Majlis, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Ahli Anggota Majlis bagi Penyata Kewangan

Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti Anggota Majlis menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, seperti yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan melainkan jika Anggota Majlis berhasrat sama ada untuk membubarkan Majlis atau memberhentikan operasi, atau tiada alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Majlis ini secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada

penipuan atau ralat dan bahan dipertimbangkan sekiranya, secara individu atau dalam agregat, mereka dengan munasabah boleh dijangka akan mempengaruhi keputusan ekonomi dari pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, Kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan “profesional skeptisisme” sepanjang audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi kepada sesuatu hasil daripada kesilapan, begitu juga dengan penipuan yang mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau melangkaui kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan untuk merangka prosedur yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan juga berkaitan dengan pendedahan yang dibuat oleh Ahli Anggota Majlis.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan daripada perakaunan oleh Anggota Majlis dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material yang wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, Kami dikehendaki untuk memberi perhatian di dalam laporan juruaudit yang berkaitan dengan pendedahan dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa akan datang atau keadaan boleh menyebabkan Majlis berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dengan cara untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli Anggota Majlis mengenai, antara perkara-perkara lainnya, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting audit, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

#### Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kami turut melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

#### Hal-hal lain

1. Seperti yang dinyatakan di dalam Nota kepada penyata kewangan, Majlis Daerah Tampin telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia pada 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan daripada 1 Januari 2015. Piawaian ini telah digunakan secara retrospektif oleh Anggota Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk penyata kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2015, dan Penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih/ekuiti dan penyata aliran tunai Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 serta pendedahan berkaitan. Kami tidak terlibat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan ia adalah tidak diaudit. Sebahagian daripada tanggungjawab Kami terhadap penyata kewangan Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, di dalam keadaan ini, adalah termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian bahawa baki pembukaan pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi kesan salah nyata yang signifikan terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi dan wang tunai aliran kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
2. Laporan ini disediakan semata-mata untuk ahli-ahli Majlis, sebagai satu badan, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Bandar Baru Bangi,  
Tarikh 24 Ogos 2017

ADAM & CO.  
AF 1250  
*Akauntan Bertauliah*

ADAM SELAMAT BIN MUSA  
2019/03/18 (J)  
*Akauntan Bertauliah*

#### PENYATA MAJLIS

Kami, Dato' Mohd Kamil bin Haji Abd Aziz dan Tuan Haji Razali bin Abd Jalil, yang masing-masing merupakan dua daripada Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Tampin dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aset Bersih,

Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Majlis Daerah Tampin berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-ahli Majlis,

DATO' MOHD KAMIL BIN  
HAJI ABD AZIZ  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Tampin*

Bertarikh 16 Mei 2017

TUAN HAJI RAZALI BIN  
ABD JALIL  
*Ahli Majlis*  
*Majlis Daerah Tampin*

Bertarikh 16 Mei 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
MAJLIS DAERAH TAMPIN

Saya, Haji Mohamed Roduan bin Ujang, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tampin, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2016 Majlis Daerah Tampin berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
Penama yang tersebut di atas  
di Tampin, Negeri Sembilan  
pada 16 Mei 2017

}

Di hadapan saya,

AINU NIZLA BINTI KASMAN  
*Timbalan Pentadbir Tanah*  
*Pejabat Tanah Tampin*

PENYATA MAJLIS

Kami, Haji Mohamed Roduan bin Ujang, Yang DiPertua Majlis Daerah Tampin dan Zuhlilmi bin Marzuki, Akauntan Majlis Daerah Tampin dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih



dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

HAJI MOHAMED RODUAN BIN UJANG  
*Yang DiPertua*  
*Majlis Daerah Tampin*

ZULHILMI BIN MARZUKI  
*Akauntan*  
*Majlis Daerah Tampin*

Bertarikh 16 Mei 2017

[SUKNS.200(05)416/1/4Klt.5; PUNS. 100/2/14]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara (Nota 3)	—	19,150	37,460
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 4)	10,129,512	7,500,744	7,322,698
Hartanah pelaburan (Nota 5)	14,115,394	9,606,293	7,636,360
	<u>24,244,906</u>	<u>17,126,187</u>	<u>14,996,518</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 6)	2,316,117	2,565,530	3,097,386
Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 7)	458,575	530,102	457,445
Pelbagai akaun belum terima (Nota 8)	394,565	514,681	112,363
Simpanan tetap (Nota 9)	7,949,383	8,362,554	6,565,054
Wang di tangan dan di bank (Nota 10)	5,631,757	4,321,114	4,526,684
	<u>16,750,397</u>	<u>16,293,981</u>	<u>14,758,932</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>40,995,303</u>	<u>33,420,168</u>	<u>29,755,450</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 11)	72,139	68,742	74,360
	<u>72,139</u>	<u>68,742</u>	<u>74,360</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 12)	7,900,853	6,030,366	4,374,022

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 11)	52,490	71,624	98,550
	<u>7,953,343</u>	<u>6,101,990</u>	<u>4,472,572</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>8,025,482</b>	<b>6,170,732</b>	<b>4,546,932</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>32,969,821</b>	<b>27,249,436</b>	<b>25,208,518</b>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	32,769,821	27,049,436	25,008,518
Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan	200,000	200,000	200,000
	<u>32,969,821</u>	<u>27,249,436</u>	<u>25,208,518</u>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
<b>HASIL</b>		
Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 13)	26,604,798	17,322,739
Urus Niaga Pertukaran (Nota 14)	1,821,119	1,879,350
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>28,425,917</b>	<b>19,202,089</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
<b>Emolumen</b>		
Gaji dan upahan	3,496,565	3,287,285
Elaun tetap	872,357	740,301
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	638,266	636,315
Elaun lebih masa	75,072	364,208
Faedah kewangan yang lain	185,500	151,750
Elaun Ahli Majlis	167,485	87,450
	<u>5,435,245</u>	<u>5,267,309</u>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>		
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 15)	51,401	70,125
Pengangkutan barang-barang	503	3,023
Utiliti (Nota 16)	1,699,551	1,543,844
Sewaan (Nota 17)	28,927	28,576

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Bekalan bahan-bahan mentah (Nota 18)	255	806
Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 19)	429,257	557,151
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 20)	152,269	266,982
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti (Nota 21)	3,362,774	3,803,963
	<u>5,724,937</u>	<u>6,274,470</u>
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		
Tuntutan, insurans dan pampasan (Nota 22)	39,530	6,000
Ganjaran	31,700	17,950
Gantian cuti rehat	15,864	50,624
	<u>87,094</u>	<u>74,574</u>
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain		
Pelbagai perbelanjaan yang tidak dijeniskan (Nota 23)	25,884	25,818
Perbelanjaan pembangunan (Nota 24)	8,792,930	3,298,476
Pulangbalik dan hapuskira	1,620	60
Hutang ragu (Nota 25)	579,143	549,684
	<u>9,399,577</u>	<u>3,874,038</u>
Susutnilai	2,058,679	1,670,780
	<u>22,705,532</u>	<u>17,161,171</u>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		
	<u>22,705,532</u>	<u>17,161,171</u>
<b>LEBIHAN BAGI TAHUN</b>	<u>5,720,385</u>	<u>2,040,918</u>

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki pada 1 Januari 2015	25,166,928	200,000	25,366,928
- Seperti yang dinyatakan terdahulu			
Kesan pemakaian awal MPSAS (Nota 2.21)	(158,410)	—	(158,410)
Baki pada 1 Januari 2015	25,008,518	200,000	25,208,518
- Seperti yang dinyatakan semula			
Lebih bersih bagi tahun	2,040,918	—	2,040,918
	<u>27,049,436</u>	<u>200,000</u>	<u>27,249,436</u>
Baki pada 31 Disember 2015	27,049,436	200,000	27,249,436
Lebih bersih bagi tahun	5,720,385	—	5,720,385
	<u>32,769,821</u>	<u>200,000</u>	<u>32,969,821</u>
Baki pada 31 Disember 2016	32,769,821	200,000	32,969,821

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi		
(Kurangan)/Lebihan	5,720,385	2,040,918
Pelarasan:		
Susutnilai dan pelunasan	2,058,679	1,670,780
Hasil Faedah	309,713	293,656
	<hr/>	<hr/>
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum pertukaran	8,088,777	4,005,354
(Peningkatan)/Pengurangan:		
Peningkatan dalam peruntukan hutang ragu	474,694	549,684
(Pengurangan)/Peningkatan peruntukan manfaat kakitangan	(15,737)	(32,544)
Pengurangan/(Peningkatan) belum terima (Nota a)	(33,638)	(492,803)
(Pengurangan)/Peningkatan belum bayar (Nota b)	1,870,487	1,656,344
	<hr/>	<hr/>
Tunai dijana dari aktiviti operasi	10,384,583	5,686,035
Faedah diterima	(309,713)	(293,656)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	10,074,870	5,392,379
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Belian hartanah, loji dan peralatan	(3,655,025)	(1,086,609)
Belian hartanah pelaburan	(5,522,373)	(2,713,840)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(9,177,398)	(3,800,449)
	<hr/>	<hr/>
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	897,472	1,591,930
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	12,683,668	11,091,738
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh (Nota 9 dan 10)	13,581,140	12,683,668
	<hr/>	<hr/>
Nota kepada Penyata Aliran Tunai		
(a) Pengurangan/(Peningkatan) belum terima		
(Peningkatan)/Pengurangan Siberhutang Cukai Taksiran	(225,281)	57,162
Pengurangan/(Peningkatan) Siberhutang Sewaan	71,527	(147,647)
Pengurangan/(Peningkatan) Siberhutang Yang Lain	120,116	(402,318)
	<hr/>	<hr/>
	(33,638)	(492,803)
(b) Pengurangan /(Peningkatan) belum bayar		
Peningkatan dalam Terimaan Terdahulu	72,781	24,876
(Pengurangan)/Peningkatan dalam Akaun Deposit	(326,826)	586,414
Peningkatan Dalam Akaun Amanah	819,793	985,836
Peningkatan dalam belum bayar yang lain	1,304,739	59,218
	<hr/>	<hr/>
	1,870,487	1,656,344

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	Varian Bajet <sup>^</sup>
	Asal	Akhir		
	RM	RM	RM	RM
<b>PENERIMAAN</b>				
Hasil Cukai	5,894,100	5,894,100	5,932,460	38,360
Hasil Bukan Cukai	3,803,000	3,803,000	3,236,857	(566,143)
Terimaan Bukan Hasil	2,730,000	2,730,000	1,709,018	(1,020,982)
Jumlah Penerimaan	12,427,100	12,427,100	10,878,335	(1,548,765)
<b>PEMBAYARAN</b>				
Emolumen	5,802,000	5,802,000	5,422,515	(379,485)
Perkhidmatan Dan Bekalan	5,916,500	5,916,500	3,753,133	(2,163,367)
Aset	321,600	321,600	295,687	(25,913)
Pemberian Dan Kenaan	63,000	123,000	102,831	(20,169)
Bayaran Tetap				
Perbelanjaan Lain-lain	24,000	24,000	27,504	3,504
Perbelanjaan Pembangunan	300,000	300,000	59,784	(240,216)
Jumlah Pembayaran	12,427,100	12,487,100	9,661,454	(2,825,646)
<b>PENERIMAAN BERSIH</b>	<b>—</b>	<b>(60,000)</b>	<b>1,216,881</b>	<b>1,276,881</b>

<sup>^</sup> Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Tampin.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh (Khas) pada 16 Mei 2017.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).
- 2.1.2. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset infrastruktur seperti yang dinyatakan pada nota 2.21.2 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian. Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 2.2 kepada Penyata Kewangan.
- 2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

### 2.2. Pemakaian Awal MPSAS

Majlis telah memilih untuk menggunapakai lebih awal standard MPSAS seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar.

		Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 1	Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2	Cash Flow Statements	1 Januari 2017
MPSAS 3	Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9	Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13	Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14	Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 16	Investment Property	1 Januari 2017
MPSAS 17	Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19	Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20	Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21	Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23	Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24	Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25	Employee Benefits	1 Januari 2017

		Tarikh sebenar kuatkuasa
MPSAS 26	Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28	Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29	Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017
MPSAS 30	Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31	Intangible Assets	1 Januari 2017

### 2.3. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

#### 2.3.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

##### (i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

##### (ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

##### (iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

##### (iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

- (v) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

### 2.3.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

#### (i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

#### (ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

#### (iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

#### (iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

- (v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) hingga (iv) di atas. Lanya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

### 2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.4.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai atau rosotnilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.4.3. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.



2.4.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.5.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Rosotnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.5.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar tahunan
Tanah pajakan	tempoh pajakan (60 - 99 tahun)
Bangunan	1%-5%
Lengkapan dan Lekapan	5%
Kenderaan	12.5%
Jentera berat	12.5%
Jentera ringan	20%
Alatan pejabat	10%
Alat pembersihan	20%
Alat perhiasan	10%
Perabut rumah	10%

2.5.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

## 2.6. Hartanah Pelaburan

2.6.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.6.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusan niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusan niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

2.6.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## 2.7. Aset Tak Ketara

- 2.7.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.7.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.7.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.7.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 10 tahun.
- 2.7.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.7.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.8. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan dan disusutnilaikan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan disusutnilaikan.

## 2.9. Aset Kewangan

- 2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisut aset kewangan.
- 2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh.

## 2.10. Peruntukan dan Liabiliti

- 2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

## 2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.

- 2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

- 2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

## 2.12. Liabiliti Kewangan

- 2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.12.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.
- 2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

### (i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

### (ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 2.13. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

### 2.14. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### 2.15. Manfaat Pekerja

#### 2.15.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

#### 2.15.2. Manfaat selepas perkhidmatan

##### Pelan Caruman Wajib

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

##### Pelan Manfaat Persaraan

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan gantian cuti rehat bagi kakitangannya yang akan bersara sekurang-kurangnya 3 tahun daripada tempoh kewangan berakhir dimana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times \text{Gaji akhir yang diterima} \times \text{jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 150 hari)}$

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

$(17.5\% - 12\% \text{ (caruman KWSP majikan)} \times \text{gaji pokok terakhir} \times \text{jumlah bulan perkhidmatan}) - \text{faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.}$

## 2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

### 2.16.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

### 2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.17. Percukaian

- 2.17.1. Majlis Perbandaran Seremban adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 2.18. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- 2.18.1. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

## (i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

## (ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

## 2.19. Maklumat Bajet

- 2.19.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.
- 2.19.2. Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

## 2.20. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

## 2.20.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

## 2.20.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

## (i) Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

## (ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

## (iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk keduanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

## (iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

## 2.21. Kesan Pemakaian MPSAS

2.21.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

## (i) Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Majlis.

## (ii) Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 *Employee Benefits* menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

## (iii) Aset Tak Ketara

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua perbelanjaan berhubung dengan perisian komputer telah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki perbelanjaan berhubung perisian komputer ini dipermodalkan kerana terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Oleh itu, pelarasan berhubung aset tidak ketara ini telah di ambilkira di dalam Penyata Kewangan ini.

## (iv) Hartanah Pelaburan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, hartanah pelaburan yang dimiliki oleh Majlis ditunjukkan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan. Pemakaian MPSAS menghendaki hartanah pelaburan ini diklasifikasikan berasingan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana Majlis telah membuat



pelarasan tersebut. Selain daripada itu, Majlis juga mengiktiraf semua hartanah pelaburan yang dimiliki sebelum ini secara percuma pada nilai saksama kerana ia adalah transaksi urusan niaga bukan pertukaran.

(v) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu diwujudkan bagi memberi satu anggaran akaun hutang atau tunggakan hasil yang berkemungkinan besar tidak dapat dikutip dan akan menjadi lapuk. Peruntukan hutang ragu dibuat ke atas 50% tunggakan yang umurnya melebihi satu tahun.

(vi) Pengiktirafan faedah ke atas pinjaman kepada kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis mengiktiraf semua faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman kepada kakitangan pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah mengambil kira perubahan dasar perakaunan tersebut di dalam tahun kewangan semasa.

2.21.2. Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerimanya MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan

(i) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

(ii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(iii) Elaun Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, salah satu dasar perakaunan Majlis berhubung elaun hutang ragu adalah membuat peruntukan secara umum sebanyak 50% daripada jumlah tunggakan yang umurnya melebihi satu tahun. Pemakaian MPSAS menghendaki elaun hutang ragu ini dibuat

secara khas iaitu bukan berdasarkan kepada pertimbangan. Namun begitu disebabkan ketidakmampuan pada masa kini dalam menentukan elaun secara khas, Majlis masih mengekalkan peruntukan secara umum dan kesan berhubung elaun hutang ragu yang dibuat secara khas akan dibuat secara prospektif di dalam tahun kewangan akan datang.

(iv) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elaun bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

- 2.21.3. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambil kira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara	—	37,460	37,460
Hartanah, loji dan peralatan	14,982,017	(7,345,657)	7,636,360
Hartanah pelaburan	—	7,322,697	7,322,697
	<u>14,982,017</u>	<u>14,500</u>	<u>14,996,517</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	3,097,386	—	3,097,386
Urusniaga pertukaran belum terima	457,445	—	457,445
Pelbagai akaun belum terima	112,363	—	112,363
Simpanan tetap	6,565,054	—	6,565,054
Wang di tangan dan di bank	4,526,684	—	4,526,684
	<u>14,758,932</u>	<u>—</u>	<u>14,758,932</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>29,740,949</u>	<u>14,500</u>	<u>29,755,449</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	74,360	74,360
	<u>—</u>	<u>74,360</u>	<u>74,360</u>

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	4,374,022	—	4,374,022
Peruntukan manfaat kakitangan	—	98,550	98,550
	<u>4,374,022</u>	<u>98,550</u>	<u>4,472,572</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>4,374,022</u>	<u>172,910</u>	<u>4,546,932</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>25,366,927</u>	<u>(158,410)</u>	<u>25,208,517</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	25,166,927	(158,410)	25,008,518
Kumpulan Wang Pinjaman	200,000	—	200,000
	<u>25,366,927</u>	<u>(158,410)</u>	<u>25,208,518</u>

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara	—	19,150	19,150
Hartanah, loji dan peralatan	17,126,187	(9,625,443)	7,500,744
Hartanah pelaburan	—	9,606,293	9,606,293
	<u>17,126,187</u>	<u>—</u>	<u>17,126,187</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	2,565,530	—	2,565,530
Urusniaga pertukaran belum terima	530,102	—	530,102
Pelbagai akaun belum terima	514,681	—	514,681
Simpanan tetap	8,362,554	—	8,362,554
Wang di tangan dan di bank	4,321,114	—	4,321,114
	<u>16,293,981</u>	<u>—</u>	<u>16,293,981</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>33,420,168</u>	<u>—</u>	<u>33,420,168</u>

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	68,742	68,742
	<u>—</u>	<u>68,742</u>	<u>68,742</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	6,030,366	—	6,030,366
Peruntukan manfaat kakitangan	—	71,624	71,624
	<u>6,030,366</u>	<u>71,624</u>	<u>6,101,990</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>6,030,366</u>	<u>140,366</u>	<u>6,170,732</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>27,389,802</u>	<u>(140,366)</u>	<u>27,249,436</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	27,189,802	(140,366)	27,049,436
Kumpulan Wang Pinjaman	200,000	—	200,000
	<u>27,389,802</u>	<u>(140,366)</u>	<u>27,249,436</u>
<b>HASIL</b>			
Cukai taksiran am	5,132,056	(5,132,056)	—
Caruman bantu kadar	782,994	(782,994)	—
Lesen-lesen	1,208,761	(1,208,761)	—
Perkhidmatan dan bayaran	691,760	(691,760)	—
Perolehan jualan barang	94,812	(94,812)	—
Sewaan	785,548	(785,548)	—
Faedah	293,656	(293,656)	—
Denda dan hukuman	312,346	(312,346)	—
Sumbangan kerajaan	9,886,582	(9,886,582)	—
Pelbagai bayaran balik	6,136	(6,136)	—
Lain-lain pendapatan	7,438	(7,438)	—
Urusniaga bukan pertukaran	—	17,322,739	17,322,739
Urusniaga pertukaran	—	1,879,350	1,879,350
<b>JUMLAH HASIL</b>	<u>19,202,089</u>	<u>—</u>	<u>19,202,089</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	5,267,309	(5,267,309)	—
Perjalanan dan sarahidup	73,148	(73,148)	—

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Perhubungan dan utiliti	1,573,226	(1,573,226)	—
Bekalan bahan-bahan lain	374,109	(374,109)	—
Bekalan bahan-bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan	183,042	(183,042)	—
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli	266,982	(266,982)	—
Perkhidmatan iktisas dan lain-lain yang dibeli dan hospitaliti	3,803,963	(3,803,963)	—
Perbelanjaan pembangunan	3,298,476	(3,298,476)	—
Bayaran-bayaran lain	132,935	(132,935)	—
Hapuskira Hasil	60	(60)	—
Hutang ragu	549,684	(549,684)	—
Susutnilai	1,656,281	(1,656,281)	—
Emolumen			
Gaji dan upahan	—	3,287,285	3,287,285
Elaun tetap	—	740,301	740,301
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	—	636,315	636,315
Elaun lebih masa	—	364,208	364,208
Faedah kewangan yang lain	—	151,750	151,750
Elaun Ahli Majlis	—	87,450	87,450
	<u>17,179,215</u>	<u>(11,911,906)</u>	<u>5,267,309</u>
Perkhidmatan dan Bekalan			
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	—	70,125	70,125
Pengangkutan barang-barang	—	3,023	3,023
Utiliti	—	1,543,844	1,543,844
Sewaan	—	28,576	28,576
Bekalan bahan-bahan mentah	—	806	806
Bekalan dan bahan-bahan lain	—	557,151	557,151
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	—	266,982	266,982
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti	—	3,803,963	3,803,963
	<u>—</u>	<u>6,274,470</u>	<u>6,274,470</u>

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap			
Tuntutan, insurans dan pampasan	—	6,000	6,000
Ganjaran	—	17,950	17,950
Gantian cuti rehat	—	50,624	50,624
	—	74,574	74,574
Perbelanjaan- Perbelanjaan Lain			
Pulangbalik dan hapuskira	—	60	60
Pelbagai perbelanjaan yang tidak dijeniskan	—	25,818	25,818
Perbelanjaan pembangunan	—	3,298,476	3,298,476
Hutang ragu	—	549,684	549,684
	—	3,874,038	3,874,038
Susutnilai dan pelunasan	—	1,670,780	1,670,780
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	17,179,215	(18,044)	17,161,171
<b>(KURANGAN)/ LEBIHAN BAGI TAHUN</b>	2,022,874	18,044	2,040,918

#### 2.22. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### 2.23. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

#### 2.24. Pajakan

##### Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.25. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. ASET TAK KETARA

	Perisian komputer	Jumlah
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari 2016	203,139	203,139
Seperti yang dinyatakan semula		
Pelarasan bagi tahun semasa	(203,139)	(203,139)
	<hr/>	<hr/>
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	—	—
	<hr/>	<hr/>
PELUNASAN TERKUMPUL		
Pada 1 Januari 2016	183,989	183,989
Seperti yang dinyatakan semula		
Pelunasan tahun semasa	3,814	3,814
Pelarasan bagi tahun semasa	(187,803)	(187,803)
	<hr/>	<hr/>
PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	—	—
	<hr/>	<hr/>
AMAUN BAWAAN		
Pada 31 Disember 2016	—	—
	<hr/>	<hr/>

---

---

	Perisian komputer	Jumlah
	RM	RM
KOS		
Pada 1 Januari 2015	203,139	203,139
Seperti yang dinyatakan semula		
KOS PADA 31 DISEMBER 2015	<u>203,139</u>	<u>203,139</u>
PELUNASAN TERKUMPUL		
Pada 1 Januari 2015	165,677	165,677
Seperti yang dinyatakan semula		
Pelunasan tahun semasa	<u>18,312</u>	<u>18,312</u>
PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2015	<u>183,989</u>	<u>183,989</u>
AMAUN BAWAAN		
Pada 31 Disember 2015	<u>19,150</u>	<u>19,150</u>



4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah	Bangunan	Lengkapan dan Lekapan	Jentera Berat	Kenderaan	Jentera Ringan	Perabot dan Alat Pejabat	Alat-Alat Pembersihan	Perabot Rumah	Alat Perhiasan	JUMLAH Seperti yang dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS											
Pada 1 Januari 2016	1,081,461	11,196,688	380,238	843,995	2,023,291	346,608	1,875,984	2,480	95,569	396,560	18,242,874
Tambahan dalam tahun	—	1,236,655	1,670,000	—	152,394	—	595,976	—	—	—	3,655,025
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelarasan bagi tahun sebelum	3	—	1	—	—	—	203,139	—	—	—	203,143
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	1,081,464	12,433,343	2,050,239	843,995	2,175,685	346,608	2,675,099	2,480	95,569	396,560	22,101,042
SUSUTNILAI TERKUMPUL											
Pada 1 Januari 2016	310,502	5,909,734	63,850	726,549	1,566,597	339,714	1,349,169	2,478	81,438	392,099	10,742,130
Susutnilai tahun semasa	12,527	583,687	53,808	58,721	181,121	4,928	147,950	—	1,565	1,100	1,045,407
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelarasan	(1)	—	1	—	—	—	183,993	—	—	—	183,993
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	323,028	6,493,421	117,659	785,270	1,747,718	344,642	1,681,112	2,478	83,003	393,199	11,971,530

	Tanah	Bangunan	Lengkapan dan Lekapan	Jentera Berat	Kenderaan	Jentera Ringan	Perabot dan Alat Pejabat	Alat-Alat Pembersihan	Perabot Rumah	Alat Perhiasan	JUMLAH Seperti yang dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
AMAUN BAWAAN											
Pada 31 Disember 2016	770,959	5,286,954	316,388	117,446	456,694	6,894	526,815	2	14,131	4,461	7,500,744
Pada 31 Disember 2016	758,436	5,939,922	1,932,580	58,725	427,967	1,966	993,987	2	12,566	3,361	10,129,512
KOS											
Pada 1 Januari 2015	1,081,465	10,350,683	213,544	843,995	2,023,291	346,608	1,817,721	2,480	79,919	396,560	17,156,266
Seperti yang dinyatakan semula											
Tambahan dalam tahun	—	846,005	166,694	—	—	—	58,263	—	15,650	—	1,086,612
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	(4)	—	—	—	—	—	—	—	—	—	(4)
Pelarasan bagi tahun sebelum	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
KOS PADA 31 DISEMBER 2015	1,081,461	11,196,688	380,238	843,995	2,023,291	346,608	1,875,984	2,480	95,569	396,560	18,242,874

<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>											
Pada 1 Januari 2015	297,975	5,357,566	53,174	667,828	1,390,114	334,778	1,258,783	2,478	79,873	390,999	9,833,568
Seperti yang dinyatakan semula											
Susutnilai tahun semasa Pelupusan	12,527	552,168	10,676	58,721	176,483	4,936	90,386	—	1,565	1,100	908,562
	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>310,502</b>	<b>5,909,734</b>	<b>63,850</b>	<b>726,549</b>	<b>1,566,597</b>	<b>339,714</b>	<b>1,349,169</b>	<b>2,478</b>	<b>81,438</b>	<b>392,099</b>	<b>10,742,130</b>
<b>AMAUN BAWAAN</b>											
Pada 31 Disember 2015	783,490	4,993,117	160,370	176,167	633,177	11,830	558,938	2	46	5,561	17,846,320
Seperti yang dinyatakan semula											
Pada 31 Disember 2015	770,959	5,286,954	316,388	117,446	456,694	6,894	526,815	2	14,131	4,461	7,500,744

## 5. HARTANAH PELABURAN

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Tanah dan Bangunan		
Kos		
Baki Pada Awal Tahun	17,214,565	13,500,726
Tambahan	5,522,373	3,713,839
	<hr/>	<hr/>
Baki Pada Akhir Tahun	22,736,938	17,214,565
	<hr/>	<hr/>
Pelunasan Berkumpulan		
Baki Pada Awal Tahun	7,608,271	6,864,365
Tambahan	1,013,273	743,907
	<hr/>	<hr/>
Baki Pada Akhir Tahun	8,621,544	7,608,272
	<hr/>	<hr/>
Nilai Buku Bersih	14,115,394	9,606,293
	<hr/>	<hr/>

## 6. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urusniaga bukan pertukaran belum terima:

Akaun belum terima cukai taksiran	3,265,505	3,040,224
Tolak:		
Peruntukan hutang ragu	(949,388)	(474,694)
	<hr/>	<hr/>
	2,316,117	2,565,530
	<hr/>	<hr/>

## 7. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urusniaga pertukaran belum terima:

Akaun belum terima sewaan	638,014	605,092
Tolak:		
Peruntukan hutang ragu	(179,439)	(74,990)
	<hr/>	<hr/>
	458,575	530,102
	<hr/>	<hr/>

## 8. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

Perbelanjaan terdahulu - SW Corp.	—	263,513
Siberhutang GST (Sewaan)	46,830	28,826
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST)	208,537	81,439
Faedah atas simpanan tetap terakru	112,688	114,257
Pinjaman komputer	13,341	16,666

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Pendahuluan kakitangan	1,170	—
Pendahuluan Pelbagai	—	9,980
Cek Hasil Terbatal	11,999	—
	<u>394,565</u>	<u>514,681</u>
9. SIMPANAN TETAP		
	2016 RM	2015 RM
AmBank Tampin	2,612,848	2,279,720
Bank Rakyat Tampin	1,900,756	2,332,045
Bank Islam Tampin	1,000,000	507,644
BSN Tampin	887,402	865,472
Public Bank Tampin	870,583	858,548
Affin Bank Gemas	322,642	926,491
Public Bank Gemas	135,131	253,183
Maybank Tampin	120,021	239,451
Maybank Gemenceh	100,000	100,000
	<u>7,949,383</u>	<u>8,362,554</u>
10. WANG DI TANGAN DAN DI BANK		
Tunai di tangan	2,000	2,000
Wang di bank	5,629,757	4,319,114
	<u>5,631,757</u>	<u>4,321,114</u>
11. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN		
	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Baki Pada Awal Tahun	140,366	172,910
Tambahan	188,445	211,676
Penggunaan	(204,182)	(244,220)
Terlebih/Terkurang	—	—
Baki pada Akhir Tahun	<u>124,629</u>	<u>140,366</u>
	2016 RM	2015 RM
Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut:		
Kurang daripada 12 bulan	72,139	68,742
Lebih daripada 12 bulan	52,490	71,624
	<u>124,629</u>	<u>140,366</u>

## 12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2016 RM	2015 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Pelbagai akaun belum bayar (Nota (a))	2,077,145	480,843
Pelbagai terimaan terdahulu	217,733	129,396
Deposit	3,800,346	3,530,123
Wang amanah projek-projek Kerajaan	1,805,629	1,890,004
	<u>7,900,853</u>	<u>6,030,366</u>
(a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada:		
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	5,784	21,339
Akaun Kenabayar	659,531	405,248
Gst Output	103,059	46,456
Lain-Lain Sipiutang	86,229	7,800
Si Piutang Sw Corp	1,222,542	—
	<u>2,077,145</u>	<u>480,843</u>

## 13. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

Cukai taksiran	5,268,722	5,132,056
	<u>5,268,722</u>	<u>5,132,056</u>
Caruman membantu kadar:		
Kerajaan Persekutuan	738,805	650,513
Kerajaan Negeri	115,848	115,853
Swasta	16,628	16,628
	<u>871,281</u>	<u>782,994</u>
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit		
Lesen Penjaja	2,809	2,969
Lesen Kedai Makanan/Restoran	91,227	89,360
Lesen Pasar	15,076	13,353
Lesen Bengkel Kereta/Motor	9,265	—
Lesen Salon Kecantikan/Kedai Gunting	20,487	20,685
Lesen Trade/Industri DII Niaga	561,473	593,309
Lesen Pengiklanan/Kenyataan	156,051	117,803
Lesen Pasar Malam	18,340	24,661
Lesen Sementara	122,427	213,930
Lesen Tempat Hiburan	20,146	25,260
Lesen Pasar/Bazar Ramadhan	31,945	—
Lesen Pelbagai	33,933	31,243
Lesen Gerai Tepi Jalan	75,241	76,188
	<u>1,158,420</u>	<u>1,208,761</u>
Notis dan denda:		
Notis Dan Kompaun	41,200	74,265
Denda Pelan Bangunan	10,603	64,946
Denda Cukai Taksiran	39,629	44,795
Notis Taksiran	82,578	71,808

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Waran Tahanan	345	102
Denda Lewat Pembayaran Lesen	7,080	14,693
Denda Kebenaran Merancang	11,400	—
Surcaj Tempat Letak Kereta	29,850	41,737
	<u>222,685</u>	<u>312,346</u>
Sumbangan Kerajaan dan Awam:		
Geran Tahunan	1,382,672	1,382,672
Pemberian senggaraan jalan (MARIS)	7,890,231	1,986,255
Pemberian Kerajaan Persekutuan	9,488,320	5,997,900
Pemberian Kerajaan Negeri	322,467	519,755
	<u>19,083,690</u>	<u>9,886,582</u>
	<u>26,604,798</u>	<u>17,322,739</u>
14. URUSNIAGA PERTUKARAN		
Sewaan	771,622	785,548
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	623,129	691,760
Faedah	309,713	293,656
Perolehan dari jualan barang	101,708	94,812
Pelbagai bayaran balik	6,917	6,136
Lain-lain pendapatan	8,030	7,438
	<u>1,821,119</u>	<u>1,879,350</u>
15. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP		
	2016	2015
	RM	RM
Penginapan	8,285	14,401
Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas & Teksi	13,079	20,036
Elaun Harian	1,840	5,828
Elaun Perjalanan Ahli Majlis	6,532	7,757
Bayaran-Bayaran Lain	21,665	22,103
	<u>51,401</u>	<u>70,125</u>
16. UTILITI		
Elektrik	1,396,518	1,223,983
Air	183,858	199,084
Telefon	100,172	87,328
Pos	15,009	30,129
Pembetulan	3,994	3,320
	<u>1,699,551</u>	<u>1,543,844</u>

## 17. SEWAAN

	2016 RM	2015 RM
Pelbagai Sewaan	28,927	28,576
	<u>28,927</u>	<u>28,576</u>

## 18. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH

Makanan dan minuman	255	806
	<u>255</u>	<u>806</u>

## 19. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

Bekalan pejabat	210,751	287,156
Bekalan Petrol	91,294	115,308
Bekalan tenunan dan barang-barang pakaian	60,079	64,066
Bekalan am	67,133	90,621
	<u>429,257</u>	<u>557,151</u>

## 20. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

Penyelenggaraan kemudahan	18,557	111,800
Penyelenggaraan bangunan termasuk lif dan alat keselamatan	496	43,518
Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat, perabot dan kelengkapan	5,977	6,630
Penyelenggaraan kenderaan dan jentera	82,396	81,979
Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik	44,843	23,055
	<u>152,269</u>	<u>266,982</u>

## 21. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

Perkhidmatan yang dibeli (Nota (a))	2,045,285	2,696,789
Bayaran kepada pekerja sementara dan sambilan	1,151,379	971,150
Keraian, hospitaliti dan honorarium	166,110	136,024
	<u>3,362,774</u>	<u>3,803,963</u>

## (a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

Perkhidmatan yang lain	1,943,234	2,623,691
Perkhidmatan perubatan	21,494	18,046
Perkhidmatan latihan kakitangan	35,996	12,037
Perkhidmatan pengiklanan	3,080	2,230
Perkhidmatan perundangan	146	1,100
Perkhidmatan perakaunan dan auditan	10,735	10,735
Perkhidmatan penjagaan tandas awam	30,600	28,950
	<u>2,045,285</u>	<u>2,696,789</u>

## 22. TUNTUTAN INSURANS DAN PAMPASAN

Individu	39,530	6,000
	<u>39,530</u>	<u>6,000</u>



## 23. PELBAGAI PERBELANJAAN YANG TIDAK DIJENISKAN

	2016	2015
	RM	RM
Pelupusan Harta Tetap	—	4
Cukai, cukai tanah dan duti setem	21,172	21,664
Caj Bank	4,712	4,150
	<u>25,884</u>	<u>25,818</u>

## 24. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Peruntukan Majlis		
Membina dan membaiki Bangunan - Bangunan Majlis	19,918	32,040
Peruntukan Kerajaan Negeri:		
SUK	198,966	29,850
UPEN	—	191,001
MARIS	7,890,231	1,986,255
Peruntukan Kerajaan Persekutuan:		
Projek Baru (BP.1)	595,790	1,059,330
YB Parlimen	80,000	—
B43	8,025	—
	<u>8,792,930</u>	<u>3,298,476</u>

## 25. HUTANG RAGU

Hutang ragu	579,143	549,684
	<u>579,143</u>	<u>549,684</u>

## 26. INSTRUMEN KEWANGAN - DASAR PENGURUSAN RISIKO

Instrumen kewangan bagi Majlis pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

	Nilai Bawaan	Nilai Saksama
	RM	RM
ASET KEWANGAN		
2016		
Urusiaga pertukaran belum terima	638,014	458,575
Simpanan tetap	7,949,383	7,949,393
Wang di tangan dan di bank	5,631,757	5,631,757
	<u>14,219,154</u>	<u>14,039,725</u>
2015		
Urusiaga pertukaran belum terima	605,092	530,102
Simpanan tetap	8,362,554	8,362,554
Wang di tangan dan di bank	4,321,114	4,321,114
	<u>13,288,760</u>	<u>13,213,770</u>

	Nilai Bawaan RM	Nilai Saksama RM
LIABILITI KEWANGAN		
2016		
Pelbagai akaun belum bayar	7,900,853	7,900,853
2015		
Pelbagai akaun belum bayar	6,030,366	6,030,366

## 27. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2016	2015
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	21	16
	2016 RM	2015 RM
Jumlah ganjaran	174,018	95,207

## 28. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh MDT pada 30 Julai 2015. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 8 Disember 2015. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2016, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM60,000.00.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrual kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam	1,572,278	(355,471)	1,216,806
Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar			
Perbezaan asas	(102,766)	(239,480)	(342,246)
Perbezaan entiti	8,616,607	(8,602,672)	13,935
Jumlah sebenar dalam			
Penyata Aliran Tunai	10,086,119	(9,197,623)	888,495

[SUKNS. 700-10/5/9; PUNS 100/2/8 (PK)]

#### No. 668.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

##### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

##### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Kuala Pilah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Daerah Kuala Pilah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kawangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia/diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Kuala Pilah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Kuala Pilah.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Kuala Pilah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Majlis Daerah Kuala Pilah telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)/diluluskan oleh Ahli Majlis mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada

1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 20 Julai 2017

MARIATY BINTI MOHD ALI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

SIJIL JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENGAUDITAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

### Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

#### Pendapat Juruaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih dan penyata aliran tunai, untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

#### Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan di bawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Syarikat selaras dengan Undang-undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan), Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”) dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### Laporan-laporan Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab ke atas laporan lain. Laporan-laporan lain termasuk Laporan Majlis tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Majlis dan ini tidak termasuk Laporan Majlis dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Majlis, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Majlis dan mempertimbangkannya sama ada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan Majlis yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Majlis, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

### Tanggungjawab Majlis ke atas Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan Majlis supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan menyediakan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

### Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan sama ada atau tidak penyata kewangan Majlis tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material, samada amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara keraguan secara profesional. Kami juga:

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang

responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding kesalahan disebabkan kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, memberi salah gambaran atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Majlis.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Majlis.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh Majlis untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Majlis meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Majlis menghentikan operasi perniagaannya.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan Majlis ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Majlis mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

#### Laporan ke atas Undang-Undang dan Peraturan Lain

Selaras dengan kehendak Seksyen 60, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain termasuk daftar yang diperiksa oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan di dalam Akta.

#### Perkara-perkara Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2 kepada penyata kewangan, Majlis telah mengadaptasi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini telah diaplikasi secara retrospektif oleh Majlis ke atas angka perbandingan di dalam penyata kewangan termasuk penyata



kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih dan penyata aliran tunai Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dan juga pendedahan berkaitan.

Kami tidak terlibat di dalam melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan ia tidak diaudit. Sebahagian daripada tanggungjawab kami ke atas audit penyata kewangan Majlis pada tahun berakhir 31 Disember 2016 di dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang bersesuaian dan mencukupi bahawa baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salahnyata yang material boleh mempengaruhi kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 serta prestasi kewangan dan penyata aliran tunai bagi tahun berkenaan.

- (b) Laporan ini hanya disediakan untuk Majlis, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan seksyen 60, Akta Kerajaan Tempatan 1976 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 23 Jun 2017

MOHD NOH & CO.  
(No. AF 0462)  
*Akauntan Bertauliah*

MOHD NOH BIN JIDIN  
794/04/18(J/PH)  
*Akauntan Bertauliah*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Syahrul Nizam bin Saleh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dengan seikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta nota-nota yang dilampirkan, menurut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
penama yang tersebut di atas  
di Kuala Pilah, Negeri Sembilan  
pada 10 Ogos 2017

SYAHRUL NIZAM BIN SALEH

Di hadapan saya,

NOR ANUAR BIN ABDUL SAMAT  
*Majistret*  
*Negeri Sembilan*

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Rusli bin Shariff dan Chong Joon Ket, yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis Daerah Kuala Pilah, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai serta perubahan kedudukannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

RUSLI BIN SHARIFF  
*Ahli Majlis,*  
*Majlis Daerah Kuala Pilah*

CHONG JOON KET  
*Ahli Majlis,*  
*Majlis Daerah Kuala Pilah*

Bertarikh 10 Ogos 2015

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
		<i>Seperti yang</i>	<i>Seperti yang</i>
		<i>dinyatakan</i>	<i>dinyatakan</i>
		<i>semula</i>	<i>semula</i>
<b>ASET SEMASA</b>			
Wang di Bank dan di Tangan (Nota 3)	975,283	807,243	1,851,418
Simpanan Tetap (Nota 4)	5,301,332	2,376,228	1,840,000
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 5)	1,256,545	1,188,774	1,160,042
Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota 6)	81,235	71,492	19,060
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>7,614,395</b>	<b>4,443,737</b>	<b>4,870,520</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7)	2,452,691	2,820,333	2,929,466
Hartanah Pelaburan (Nota 9)	6,428,347	6,258,915	6,707,461
Pembinaan Dalam Kemajuan (Nota 10)	48,773	—	41,010
Aset Tak Ketara (Nota 8)	5,202	4,802	6,402
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>	<b>8,935,013</b>	<b>9,084,050</b>	<b>9,684,339</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>16,549,408</b>	<b>13,527,787</b>	<b>14,554,859</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 11)	8,553,304	5,497,764	6,574,884
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 12)	42,940	41,394	39,234

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13)	71,848	3,158	16,079
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>	<b>8,668,092</b>	<b>5,542,316</b>	<b>6,630,197</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13)	—	71,848	75,006
Geran Tertunda (Nota 14)	4,985,240	5,452,041	5,786,786
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>	<b>4,985,240</b>	<b>5,523,889</b>	<b>5,861,792</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>13,653,332</b>	<b>11,066,205</b>	<b>12,491,989</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>2,896,076</b>	<b>2,461,582</b>	<b>2,062,870</b>
<b>ASET BERSIH:</b>			
Kumpulan Wang Majlis (Nota 15)	2,896,076	2,461,582	2,062,870
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>2,896,076</b>	<b>2,461,582</b>	<b>2,062,870</b>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
<b>HASIL</b>		
Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 16)	14,845,883	13,805,593
Urusniaga Pertukaran (Nota 17)	1,078,800	929,658
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>15,924,683</b>	<b>14,735,251</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 18)	4,912,726	4,576,224
<b>Perkhidmatan Dan Bekalan</b>		
Perjalanan dan sarahidup	21,219	26,135
Pengangkutan barang-barang	503	1,006
Perhubungan dan utiliti	1,093,724	1,084,202
Sewaan	75,871	44,257
Bekalan bahan-bahan mentah	136,021	158,106
Bekalan bahan-bahan lain	198,604	190,563
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli	190,040	108,108
Perkhidmatan ikhtisas, hospitaliti dan lain-lain yang dibeli	3,083,831	3,165,757
	<b>4,799,813</b>	<b>4,778,134</b>

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		
Pemberian Dalam Negeri	34,000	32,000
Tuntutan insurans dan pampasan	362	—
Ganjaran	4,354	1,423
Ganjaran cuti rehat	—	—
	<u>38,716</u>	<u>33,423</u>
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain		
Pulangbalik dan hapuskira	6,476	536
Bayaran-bayaran lain	51,640	59,811
Perbelanjaan pembangunan (Nota 19)	4,816,864	4,058,404
Hutang ragu/lapuk	—	47,533
Rugi atas pelupusan	85,790	—
	<u>4,960,770</u>	<u>4,166,284</u>
Susutnilai dan Pelunasan	<u>778,164</u>	<u>782,474</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>15,490,189</u>	<u>14,336,539</u>
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN	<u>434,494</u>	<u>398,712</u>

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan Wang Majlis RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki Pada 1 Januari 2015	1,036,332	1,036,332
Seperti yang Dinyatakan Terdahulu		
Kesan Pemakaian Awal MPSAS (Nota 2.18.3)	<u>1,026,538</u>	<u>1,026,538</u>
Baki Pada 1 Januari 2015	2,062,870	2,062,870
Seperti yang Dinyatakan Semula		
Lebih Bersih Bagi Tahun	398,712	398,712
Baki Pada 31 Disember 2015	2,461,582	2,461,582
Lebih Bersih Bagi Tahun	<u>434,494</u>	<u>434,494</u>
Baki Pada 31 Disember 2016 (Nota 15)	<u>2,896,076</u>	<u>2,896,076</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Lebihan Bersih Bagi Tahun	434,494	398,712
Pengerakan bukan tunai:		
Susutnilai dan pelunasan	778,164	782,474
Pelarasan harta tetap	—	(48,010)
Pelarasan kerja dalam pembinaan	—	41,010
Peningkatan/(Pengurangan) dalam peruntukan hutang ragu	(38,561)	7,183
Peruntukan manfaat kakitangan	(3,158)	(16,079)
Pelunasan geran	(466,801)	(334,745)
Pengurangan/(Peningkatan) belum terima	(38,953)	(88,347)
(Pengurangan)/Peningkatan belum bayar	3,117,086	(1,014,960)
(Untung)/Rugi atas Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	85,790	(299)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	3,868,061	(273,061)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
Belian hartanah, loji dan peralatan (Nota 7)	(36,891)	(175,187)
Belian hartanah pelaburan (Nota 9)	(650,503)	—
Belian aset tak ketara (Nota 8)	(2,500)	—
Tambahan pembinaan dalam kemajuan (Nota 10)	(48,773)	—
Terimaan atas jualan harta tetap	23,750	301
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(714,917)	(174,886)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan		
Bayaran balik pinjaman	(60,000)	(60,000)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	(60,000)	(60,000)
Lebihan/(Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	3,093,144	(507,947)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	3,183,471	3,691,418
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	6,276,615	3,183,471
Analisa Tunai Dan Kesetaraan Tunai		
Simpanan Tetap	5,301,332	2,376,228
Tunai ditangan dan dibank	975,283	807,243
	6,276,615	3,183,471

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT UMUM

Majlis Daerah Kuala Pilah adalah sebuah majlis kerajaan tempatan. Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi Daerah Kuala Pilah.

Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Daerah Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 2.1 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta 1 Pekeliling Perbendaharaan (IPP).

Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS"). Penyata kewangan Majlis ini adalah merupakan penyata kewangan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian. Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 2.17 kepada Penyata Kewangan.

### 2.2 PENGIKTIRAFAN HASIL

#### 2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

#### (i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan.

#### (ii) Caruman Membantu Kadar

Caruman Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Caruman Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

#### (iii) Lesen Dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

## (iv) Notis dan Denda

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman–hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang–undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

- (v) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

## 2.2.2 Hasil daripada Urus niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

## (i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

## (ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

- (iii) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperolehi mengikut syarat perjanjian penyewaan.

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

- (iv) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaaan awal aset tersebut.

- (iv) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

## 2.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.4 SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing. Pembinaan dalam bangunan tidak disusut nilai.

Kadar susutnilai adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	tempoh pajakan (60-99 tahun)
Bangunan	1%-5%
Jentera Berat	12.5%
Jentera ringan	20%
Alatan pejabat	10%-33.33%
Alatan komputer dan elektronik	20%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

#### 2.5 MANFAAT PEKERJA

##### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

Majlis juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.



(iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.6 PERCUKAIAN

Majlis Daerah Kuala Pilah adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.7 PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan dalam kemajuan yang dilakukan oleh Majlis akan dimodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan setelah mendapat sijil perakuan layak menduduki (Certificate of Fitness (CF)). Susut nilai tidak dikenakan ke atas bangunan yang masih dalam pembinaan.

2.8 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebih atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebih atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

## 2.10 ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

## (i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebih penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

## (ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.11 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebih atau kurangan.

### Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebih atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebih atau kurangan dengan serta-merta.

### Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.12 PERUNTUKAN LIABILITI

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### 2.13 ASET TAK KETARA

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.14 MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak MDKP sahaja. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh MDKP dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

## 2.15 PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

### Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

### Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

### Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

### Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

### Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

## 2.16 HARTANAH PELABURAN

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusan pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusan bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

## 2.17 PEMAKAIAN AWAL MPSAS

2.17.1 Majlis telah mengguna pakai lebih awal MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar.

	Tarikh Sebenar Kuatkuasa
MPSAS 1 – Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2 – Cash Flow Statements	1 Januari 2017
MPSAS 3 – Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9 – Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13 – Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14 – Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 17 – Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19 – Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20 – Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21 – Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23 – Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24 – Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25 – Employee Benefits	1 Januari 2017
MPSAS 26 – Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28 – Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29 – Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017
MPSAS 30 – Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31 – Intangible Assets	1 Januari 2017
MPSAS 33 – First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs	1 Januari 2017

## 2.18 KESAN PEMAKAIAN AWAL MPSAS

2.18.1 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja

perakaunan PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

Perlakuan perakaunan bagi geran

MPSAS 23 *Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)* menetapkan tentang keperluan untuk melaporkan hasil-hasil yang timbul daripada urus niaga bukan pertukaran. Tiada piawaian yang setara di dalam PERS. Kesan yang ketara adalah berhubung dengan perlakuan perakaunan geran di mana MPSAS menghendaki geran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki pemula Kumpulan Wang Majlis.

Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 *Employee Benefits* menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Anggaran Perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

- 2.18.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (*deemed cost*)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerimanya MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.

- 2.18.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	—	1,160,042	1,160,042
Urusniaga pertukaran belum terima	—	19,060	19,060
Tunggakan hasil	1,160,042	(1,160,042)	—
Lain-lain siberhutang, deposit dan pendahuluan	19,060	(19,060)	—
Simpanan tetap	1,840,000	—	1,840,000
Wang di tangan dan di bank	1,851,418	—	1,851,418
	<u>4,870,520</u>	<u>—</u>	<u>4,870,520</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	8,525,706	(5,596,240)	2,929,466
Hartanah pelaburan	—	6,707,461	6,707,461
Kerja dalam kemajuan	41,010	—	41,010
Aset tak ketara	—	6,402	6,402
	<u>8,566,716</u>	<u>1,117,623</u>	<u>9,684,339</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>13,437,236</u>	<u>1,117,623</u>	<u>14,554,859</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	6,614,118	(6,614,118)	—



	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Urusiaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	—	39,234	39,234
Urusiaga Pertukaran Belum Bayar	—	6,574,884	6,574,884
Peruntukan manfaat kakitangan	—	16,079	16,079
	<u>6,614,118</u>	<u>16,079</u>	<u>6,630,197</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	75,006	75,006
Geran Tertunda	5,786,786	—	5,786,786
	<u>5,786,786</u>	<u>75,006</u>	<u>5,861,792</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>12,400,904</u>	<u>91,085</u>	<u>12,491,989</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>1,036,332</u>	<u>1,026,538</u>	<u>2,062,870</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	1,036,332	1,026,538	2,062,870
	<u>1,036,332</u>	<u>1,026,538</u>	<u>2,062,870</u>

Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Urusiaga bukan pertukaran belum terima	—	1,188,774	1,188,774
Urusiaga pertukaran belum terima	—	71,492	71,492
Tunggakan hasil	1,188,774	(1,188,774)	—
Lain-lain siberhutang, deposit dan pendahuluan	71,492	(71,492)	—
Simpanan tetap	2,376,228	—	2,376,228
Wang di tangan dan di bank	807,243	—	807,243
	<u>4,443,737</u>	<u>—</u>	<u>4,443,737</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Aset tak ketara	—	4,802	4,802
Hartanah, loji dan peralatan	8,005,796	(5,185,463)	2,820,333

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Hartanah pelaburan	—	6,258,915	6,258,915
Kerja dalam kemajuan	—	—	—
	<u>8,005,796</u>	<u>1,078,254</u>	<u>9,084,050</u>
<b>JUMLAH ASET</b>	<u>12,449,533</u>	<u>1,078,254</u>	<u>13,527,787</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	5,539,158	(5,539,158)	—
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	—	41,394	41,394
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	—	5,497,764	5,497,764
Peruntukan manfaat kakitangan	—	3,158	3,158
	<u>5,539,158</u>	<u>3,158</u>	<u>5,542,316</u>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan manfaat kakitangan	—	71,848	71,848
Geran Tertunda	5,452,041	—	5,452,041
	<u>5,452,041</u>	<u>71,848</u>	<u>5,523,889</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<u>10,991,199</u>	<u>75,006</u>	<u>11,066,205</u>
<b>ASET BERSIH</b>	<u>1,458,334</u>	<u>1,003,248</u>	<u>2,461,582</u>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	1,458,334	1,003,248	2,461,582
	<u>1,458,334</u>	<u>1,003,248</u>	<u>2,461,582</u>

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
<b>HASIL</b>			
Cukai Taksiran	4,194,969	(4,194,969)	—
Caruman Membantu Kadar	1,006,207	(1,006,207)	—
Lesen-lesen	508,440	(508,440)	—

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	218,016	(218,016)	—
Perolehan dari Jualan Barang	93,068	(93,068)	—
Sewaan	530,250	(530,250)	—
Faedah	88,025	(88,025)	—
Notis dan Denda	73,318	(73,318)	—
Sumbangan Kerajaan Dan Awam	7,970,645	(7,970,645)	—
Pelbagai Terimaan	52,014	(52,014)	—
Untung Atas Pelupusan	299	(299)	—
Urusniaga Bukan Pertukaran	—	13,805,593	13,805,593
Urusniaga Pertukaran	—	929,658	929,658
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>14,735,251</b>	<b>14,735,251</b>	<b>14,735,251</b>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	4,594,732	(4,594,732)	—
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	26,135	(26,135)	—
Perhubungan dan Utiliti	1,084,202	(1,084,202)	—
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	158,106	(158,106)	—
Bekalan Dan Bahan-bahan Lain	190,563	(190,563)	—
Penyelenggaran Dan Pembaikan Yang Kecil Yang Dibeli	108,108	(108,108)	—
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	3,172,957	(3,172,957)	—
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	32,000	(32,000)	—
Perbelanjaan Pembangunan	4,051,204	(4,051,204)	—
Susutnilai	743,105	(743,105)	—
Pulangbalik dan Hapuskira	536	(536)	—
Hutang Ragu/Lapuk	47,533	(47,533)	—
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	104,068	(104,068)	—
<b>Emolumen</b>	<b>—</b>	<b>4,576,224</b>	<b>4,576,224</b>
Gaji dan upahan	—	2,809,105	2,809,105
Elaun tetap	—	821,047	821,047
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	—	483,207	483,207
Elaun lebih masa	—	279,609	279,609
Faedah kewangan yang lain	—	172,903	172,903
Emolumen kakitangan Terminal Sejahtera	—	10,353	10,353

	PERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	MPSAS
	RM	RM	RM
Perkhidmatan dan Bekalan			
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	—	26,135	26,135
Pengangkutan barang-barang	—	1,006	1,006
Perhubungan Dan Utiliti	—	1,084,202	1,084,202
Sewaan	—	44,257	44,257
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	—	158,106	158,106
Bekalan dan bahan-bahan lain	—	190,563	190,563
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Yang Kecil Yang Dibeli	—	108,108	108,108
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	—	3,165,757	3,165,757
	—	4,778,134	4,778,134
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap			
Pemberian dalam negeri	—	32,000	32,000
Tuntutan, insurans dan pampasan	—	—	—
Ganjaran	—	1,423	1,423
Gantian cuti rehat	—	—	—
	—	33,423	33,423
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain			
Pulangbalik dan hapuskira	—	536	536
Bayaran-Bayaran Lain	—	59,811	59,811
Perbelanjaan pembangunan	—	4,058,404	4,058,404
Hutang ragu/lapuk	—	47,533	47,533
	—	4,166,284	4,166,284
Susutnilai dan pelunasan	—	782,474	782,474
JUMLAH PERBELANJAAN	14,313,249	23,290	14,336,539
(KURANGAN)/LEBIHAN BAGI TAHUN	422,002	14,711,961	398,712

## 2.19 MENGOFSET INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 2.20 INSTRUMEN KEWANGAN-PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

## Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

## Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2016			
Pelbagai Akaun Belum Bayar	210,807	7,275,142	7,485,949
Pada 31 Disember 2015			
Pelbagai Akaun Belum Bayar	647,138	3,778,297	4,425,435

## Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

## Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, lebihan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM434,350 lebih tinggi/lebih rendah. Ini kerana faedah yang lebih rendah/tinggi pada kadar perbelanjaan mengikut kadar pinjaman.

Aset kewangan Majlis kebanyakannya instrumen pada kadar tetap yang diukur pada kos terlunas, perubahan dalam kadar faedah tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas keuntungan atau kerugian Majlis.

## Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

## 2.21 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

## Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM	RM
Jumlah ganjaran	151,493	84,279
Jumlah kakitangan	18	17
3. WANG DI TANGAN DAN DI BANK		
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Tunai di tangan	1,000	1,000
Wang di bank	974,283	806,243
	<u>975,283</u>	<u>807,243</u>
4. SIMPANAN TETAP		
BANK KERJASAMA RAKYAT (M) BERHAD	4,893,518	1,981,304
AMBANK (M) BERHAD	314,265	304,286
CIMB BANK BERHAD	93,549	90,638
	<u>5,301,332</u>	<u>2,376,228</u>
5. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA		
Cukai taksiran am	1,414,412	1,423,462
Sewaan	82,017	40,489
Sampah gerai dan pasar	12,598	16,866
Tandas awam	3,900	2,750
Sewa letak bas/teksi	2,250	2,400
	<u>1,515,177</u>	<u>1,485,967</u>
Tolak:		
Elaun Hutang Ragu	258,632	297,193
	<u>1,256,545</u>	<u>1,188,774</u>
6. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA		
Pendahuluan pos	3,000	3,000
Faedah simpanan tetap terakru	26,194	10,655
Siberhutang pinjaman kenderaan	39,648	44,946
Deposit sewa	2,800	2,800
Deposit Tanah	6,000	6,000
Deposit Air	3,000	3,000
Siberhutang lain	593	1,091
	<u>81,235</u>	<u>71,492</u>

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah Milik Bebas	Tanah Pajakan	Bangunan	Jentera Berat	Jentera Ringan	Alatan Pejabat	Alatan Komputer & Elektronik	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS								
Pada 1 Januari 2016	469,205	933,448	1,638,151	2,267,737	168,383	636,378	487,646	6,600,948
Seperti yang dinyatakan semula								
Tambahan dalam tahun	—	—	—	—	3,604	2,999	30,288	36,891
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	(168,495)	(286,253)	(16,998)	(8,700)	(69,693)	(550,139)
Pelarasan bagi tahun sebelum	—	—	—	—	—	—	—	—
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	469,205	933,448	1,469,656	1,981,484	154,989	630,677	448,241	6,087,700
SUSUTNILAI TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2016	—	55,521	861,001	1,779,703	148,940	548,951	386,499	3,780,615
Seperti yang dinyatakan semula								
Susutnilai tahun semasa	—	9,429	73,483	113,043	7,451	23,741	67,846	294,993
Pelupusan	—	—	(58,973)	(286,249)	(16,996)	(8,697)	(69,684)	(440,599)
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	—	64,950	875,511	1,606,497	139,395	563,995	384,661	3,635,009
AMAUN BAWAAN BERSIH								
Pada 31 Disember 2016	469,205	868,498	594,145	374,987	15,594	66,682	63,580	2,452,691





## 8. ASET TAK KETARA

## Perisian Komputer

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Kos		
Baki pada awal tahun	51,500	51,500
Tambahan	2,500	—
Baki pada akhir tahun	<u>54,000</u>	<u>51,500</u>
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada awal tahun	46,698	45,098
Tambahan	2,100	1,600
Baki pada akhir tahun	<u>48,798</u>	<u>46,698</u>
Nilai Buku Bersih	<u>5,202</u>	<u>4,802</u>

## 9. HARTANAH PELABURAN

## Tanah Dan Bangunan

## Kos

Baki pada awal tahun	10,701,738	10,701,738
Tambahan	650,503	—
Baki pada akhir tahun	<u>11,352,241</u>	<u>10,701,738</u>

## Pelunasan Terkumpul

Baki pada awal tahun	4,442,823	3,994,277
Tambahan	481,071	448,546
Baki pada akhir tahun	<u>4,923,894</u>	<u>4,442,823</u>
Amaun Bawaan	<u>6,428,347</u>	<u>6,258,915</u>

## 10. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	2016 RM	2015 RM
Baki pada awal tahun	—	41,010
Tambahan	48,773	—
Pelarasan	—	(41,010)
Baki pada akhir tahun	<u>48,773</u>	<u>—</u>

## 11. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	31-12-2016	31-12-2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Deposit (Nota a)	1,017,024	1,013,306	961,939
Pelbagai Akaun Belum Bayar (Nota b)	7,485,805	4,425,435	5,559,918
Terimaan Terdahulu (Nota c)	50,475	59,023	53,027
	<u>8,553,304</u>	<u>5,497,764</u>	<u>6,574,884</u>

## 11. (a) Deposit

Pelbagai deposit	339,246	353,334	351,584
Deposit tempat letak kereta	10,080	9,360	8,640
Deposit sewa dewan	17,600	16,200	24,000
Deposit sewa gerai	79,509	68,199	65,070
Deposit sewa bangunan kediaman	1,100	1,479	1,479
Deposit kerja-kerja tanah/ pembangunan	556,199	553,544	500,426
Deposit lain-lain sewaan	13,290	11,190	10,740
	<u>1,017,024</u>	<u>1,013,306</u>	<u>961,939</u>

## 11. (b) PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

Akaun penyelesaian cek terbatal	6,455	3,832	547
Pemiutang lain	—	181	—
Program pembasmian kemiskinan bandar (PPKB)	35,884	35,884	40,444
Perbelanjaan terakru (Nota (a))	7,239,258	3,742,413	4,851,233
Pinjaman daripada Kerajaan Negeri	60,000	120,000	180,000
Sipiutang Wang Jaminan perlaksanaan—tunai	144,148	92,022	42,010
Sipiutang Wang Jaminan perlaksanaan—waran	—	431,043	445,684
Bayaran balik kutipan Agensi	60	60	—
	<u>7,485,805</u>	<u>4,425,435</u>	<u>5,559,918</u>

## (a) Perbelanjaan terakru terdiri daripada:

Lain-lain Pemiutang	2,660,478	329,560	485,968
Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	4,563,780	3,412,853	4,359,392
Perkhidmatan Khidmat Singkat	—	—	5,873
Peruntukan Bayaran Audit	15,000	—	—
	<u>7,239,258</u>	<u>3,742,413</u>	<u>4,851,233</u>

## 11. (c) TERIMAAN TERDAHULU

Tandas awam	—	—	—
Sampah bulanan gerai	—	39	1,133
Sewa letak bas/teksis	600	—	150
Sewaan gerai	49,875	58,984	51,744
	<u>50,475</u>	<u>59,023</u>	<u>53,027</u>

## 12. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

	31-12-2016	31-12-2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
TERIMAAN TERDAHULU			
Cukai taksiran am	42,940	41,394	39,234
	<u>42,940</u>	<u>41,394</u>	<u>39,234</u>

## 13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>	<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Baki pada awal tahun	75,006	91,085	104,342
Tambahan	—	—	—
Penggunaan	(3,158)	(16,079)	(13,257)
Terlebih/Terkurang	—	—	—
Baki pada akhir tahun	<u>71,848</u>	<u>75,006</u>	<u>91,085</u>
Dianalisa seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan	71,848	3,158	16,079
Lebih daripada 12 bulan	—	71,848	75,006
	<u>71,848</u>	<u>75,006</u>	<u>91,085</u>

## 14. GERAN TERTUNDA

	Pembangunan	Belian Harta	Jumlah
	RM	RM	RM
2016			
Baki pada 1 Januari	1,115,162	4,336,879	5,452,041
Diterima dalam tahun	2,562,963	—	2,562,963
Direalisasikan dalam tahun	(2,638,642)	(204,019)	(2,842,661)
Diselaraskan dalam tahun	(6,960)	(180,143)	(187,103)
Baki pada 31 Disember	<u>1,032,523</u>	<u>3,952,717</u>	<u>4,985,240</u>
2015			
Baki pada 1 Januari	1,173,587	4,613,199	5,786,786
Diterima dalam tahun	1,319,691	—	1,319,691
Direalisasikan dalam tahun	(1,377,826)	(288,320)	(1,666,146)
Diselaraskan dalam tahun	(290)	12,000	11,710
Baki pada 31 Disember	<u>1,115,162</u>	<u>4,336,879</u>	<u>5,452,041</u>

## 15. KUMPULAN WANG MAJLIS

	2016	2015
	RM	RM
Pada 1 Januari	2,461,582	1,036,332
Lebih pendapatan daripada perbelanjaan tahun semasa selepas cukai	434,494	398,712
Kesan Pemakaian Awal MPSAS	—	1,026,538
	<u>2,896,076</u>	<u>2,461,582</u>

## 16. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

Cukai taksiran am	5,231,593	4,194,969
Caruman Membantu Kadar (Nota a)	1,006,009	1,006,207
Lesen dan Permit (Nota b)	418,558	508,440
Notis dan denda (Nota c)	155,166	73,318
Sumbangan Kerajaan Dan Awam (Nota d)	7,961,645	7,970,645
Pelbagai Terimaan (Nota e)	34,351	52,014
Hutang Ragu Baikpulih	38,561	—
	<u>14,845,883</u>	<u>13,805,593</u>

## 16. (a) CARUMAN MEMBANTU KADAR

Kerajaan Persekutuan	764,956	764,956
Kerajaan Negeri	241,053	241,251
	<u>1,006,009</u>	<u>1,006,207</u>

## 16. (b) LESEN DAN PERMIT

Penjaja	7,913	8,545
Pelbagai	120	740
Tred/Perniagaan/Kawalan/Tempat makanan/ Hiburan awam	215,036	296,528
Pasar	14,799	15,174
Gerai tepi jalan	34,114	32,125
Iklan/Kenyataan	23,598	24,270
Permit sementara	122,978	131,058
	<u>418,558</u>	<u>508,440</u>

## 16. (c) NOTIS DAN DENDA

Waran Cukai Taksiran	526	672
Pelan dan bangunan	40,251	14,093
Denda Kebenaran Merancang	—	—
Kompaun Lesen/kebersihan	5,900	7,330
Kompaun ternakan	—	—
Notis cukai taksiran	67,434	26,829
Kompaun T.Letak Kereta	14,905	9,350
Surcaj T.Letak Kereta	8,010	3,934
Denda Pelbagai	7,120	—
Denda lesen/lewat bayar	11,020	11,110
Denda & Rampasan	—	—
	<u>155,166</u>	<u>73,318</u>

16. (d) SUMBANGAN KERAJAAN DAN AWAM	2016	2015
	RM	RM
Geran tahunan	1,109,156	1,109,156
Pengiktirafan tahun semasa daripada Geran Tertunda	204,019	288,320
Sumbangan Kerajaan	6,511,970	6,546,919
Sumbangan t.letak kereta	136,500	26,250
	<u>7,961,645</u>	<u>7,970,645</u>
16. (e) PELBAGAI TERIMAAN		
Lain-lain bayaran balik	11,652	22,294
Lain-lain pendapatan	22,699	29,720
	<u>34,351</u>	<u>52,014</u>
17. URUSNIAGA PERTUKARAN		
Perolehan jualan barang (Nota a)	88,082	93,068
Sewaan (Nota b)	545,004	530,250
Faedah (Nota c)	118,067	88,025
Perkhidmatan dan Bayaran (Nota d)	327,647	218,016
Untung atas pelupusan	—	299
	<u>1,078,800</u>	<u>929,658</u>
17. (a) PEROLEHAN JUALAN BARANG		
Jualan patil lesen	7,720	7,720
Jualan Pelekat Banner/Bunting	6,480	14,060
Jualan dokumen & pelan	473	1,164
Pelbagai jualan	2,100	3,490
Jualan pelupusan	—	433
Jualan borang tender	1,500	—
Jualan borang sebutharga	67,373	63,870
Jualan borang cetak	2,436	2,331
	<u>88,082</u>	<u>93,068</u>
17. (b) SEWAAN		
Sewaan dewan	24,085	52,344
Sewa padang/gelanggang	9,154	13,775
Pasar dan gerai	326,148	279,847
Pelbagai sewaan	4,105	950
Sewa Perkakas	200	1,030
Sewa Kenderaan & Jentera	—	—
Tandas awam	8,400	8,400
Petak bas/teksi	8,550	10,350
Tanah/tapak	151,862	152,254
Sewa bangunan kediaman	12,500	11,300
	<u>545,004</u>	<u>530,250</u>

## 17. (c) FAEDAH

	2016	2015
	RM	RM
Akaun semasa	14,971	11,770
Faedah pinjaman kenderaan	2,134	407
Lain-lain faedah	319	379
Faedah Simpanan tetap	100,643	75,469
	<u>118,067</u>	<u>88,025</u>

## 17. (d) PERKHIDMATAN DAN BAYARAN

Terimaan Prosesan	235,725	105,372
Pelbagai bayaran perkhidmatan	4,130	7,515
Tempat letak kereta	69,688	63,745
Perkhidmatan angkat sampah/gerai	714	12,747
Perkhidmatan angkat sampah	550	11,200
Bayaran pendaftaran kontraktor	1,925	2,000
Terimaan Komisyen RR	14,915	15,437
	<u>327,647</u>	<u>218,016</u>

## 18. EMOLUMEN

Gaji	2,989,788	2,809,105
Elaun Tetap	1,013,112	821,047
Sumbangan berkanun untuk kakitangan:	515,755	483,207
Elaun lebih masa	264,026	279,609
Faedah-faedah kewangan yang lain	130,045	172,903
Emolumen kakitangan Terminal Sejahtera	—	10,353
	<u>4,912,726</u>	<u>4,576,224</u>

## 19. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Pengindahan sekitar kawasan MDPK	236,495	37,905
Jalan dan lorong belakang	3,063,493	1,902,203
Membina/Membaiki bangunan, gerai dan lain-lain	109,950	205,101
Longkang dan saliran	410,538	83,261
Elektrik/Pencahayaan	214,184	77,482
Memasang dan membaiki papan tanda	9,998	7,451
Kerja-kerja kecil/luar jangka	—	5,000
Tmn. Permainan kanak-kanak	11,400	25,430
Lain-lain	161,578	96,131
Pbgn/Peny. Bandar DiRaja Seri Menanti	569,728	666,398
Kawalan kebersihan/vektor/mutu makanan	—	—
Kemudahan Awam	29,500	493,860
Padang Bola/Futsal/Mini Stadium	—	—
Projek BP1/Projek pembangunan kecil	—	458,182
	<u>4,816,864</u>	<u>4,058,404</u>

## 20. KOMITMEN MODAL

Pembinaan dalam kemajuan	48,773	—
	<u>48,773</u>	<u>—</u>

**No. 669.**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH REMBAU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

## Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Rembau pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

## Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Rembau dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Rembau bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Rembau tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Rembau untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

#### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Rembau secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Rembau, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Rembau.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Rembau sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Rembau atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau memberi gambaran yang saksama.



Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Rembau telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### Hal-hal Lain

- (a) Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Majlis Daerah Rembau telah menerima pakai piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Daerah Rembau pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- (b) Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SEREMBAN  
Bertarikh 14 Ogos 2017

MARIATY BINTI MOHD ALI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH REMBAU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Penyata kewangan Majlis Daerah Rembau bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit oleh wakil kami yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Rembau pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171.

#### Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Tanggungjawab kami dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam Laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

#### Kebebasan Dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis Daerah Rembau dan telah memenuhi tanggungjawab etika berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

#### Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan Dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat kami terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Rembau tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### Tanggungjawab Ahli Majlis terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

#### Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Rembau secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud, atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut ISSAI akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada, secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut ISSAI, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Rembau, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Rembau.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan oleh Ahli Majlis.
- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Rembau sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami perlu melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Rembau atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit.
- Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Rembau membeli gambaran yang saksama.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan untuk disimpan oleh Majlis Daerah Rembau telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Perintah.

#### Hal-Hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM  
Bertarikh 14 Jun 2017

AZMAN AHMAD & Co.  
AF: 1117  
Akauntan Bertauliah

DATUK DR. HJ. NORAZMAN BIN HJ. AHMAD  
No. 1761/12/17(1)  
Rakankongsi Firma

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Amrin bin Ramli dan Hanif bin Hamzah, dua orang daripada Ahli-ahli Majlis Daerah Rembau menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2016, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

AMRIN BIN RAMLI  
*Ahli Majlis,  
Majlis Daerah Rembau*

HANIF BIN HAMZAH  
*Ahli Majlis,  
Majlis Daerah Rembau*

Bertarikh 9 Mei 2017

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH REMBAU

Saya, Amino Agos bin Suyub, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Majlis Daerah Rembau bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 dengan seikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan, menurut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh  
penama yang tersebut di atas  
di Rembau, Negeri Sembilan pada  
9 Mei 2017

Di hadapan saya,

*Pesuruhjaya Sumpah  
Negeri Sembilan*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>	1-1-2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
<b>ASET SEMASA</b>			
Wang di Tangan dan di Bank (Nota 3)	2,786,459	6,193,259	2,651,625
Simpanan Tetap (Nota 4)	728,959	700,245	1,264,070
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 5)	969,722	1,095,320	1,718,654
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 6)	132,074	60,661	866,112
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>4,617,214</b>	<b>8,049,485</b>	<b>6,500,461</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah Loji dan Peralatan (Nota 7)	13,590,150	13,198,757	10,593,596
Hartanah Pelaburan (Nota 8)	5,979,355	6,136,462	5,820,050
Pembinaan dalam kemajuan	—	—	327,890
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>	<b>19,569,505</b>	<b>19,335,219</b>	<b>16,741,536</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>24,186,719</b>	<b>27,384,704</b>	<b>23,241,997</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 9)	5,285,086	7,403,299	5,780,968
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 10)	18,574	15,318	12,998
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 11)	68,245	68,245	638,245
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>	<b>5,371,905</b>	<b>7,486,862</b>	<b>5,862,211</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 10)	15,018	25,912	33,892
Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 11)	243,861	312,105	380,351
Geran Tertunda (Nota 12)	229,668	415,716	581,212
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>	<b>488,547</b>	<b>753,734</b>	<b>995,455</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>5,860,452</b>	<b>8,240,596</b>	<b>6,857,666</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>18,326,267</b>	<b>19,144,108</b>	<b>16,384,331</b>
<b>ASET BERSIH</b>			
Kumpulan Wang Majlis	18,276,267	19,094,108	16,334,331
Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan	50,000	50,000	50,000
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>18,326,267</b>	<b>19,144,108</b>	<b>16,384,331</b>

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM	RM
		<i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
<b>HASIL</b>		
Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 13)	8,548,380	11,287,878
Urus Niaga Pertukaran (Nota 14)	840,194	893,115
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>9,388,574</b>	<b>12,180,993</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Emolumen (Nota 15)	2,320,865	2,081,182
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>		
Perjalanan dan sarahidup	32,729	29,204
Perhubungan dan utiliti (Nota 16)	1,016,311	1,034,257
Bekalan bahan-bahan mentah	62,257	52,356
Bekalan bahan-bahan lain	133,801	118,052
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli	196,107	152,663
Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti (Nota 17)	2,144,432	2,036,380
	<b>3,585,637</b>	<b>3,422,912</b>
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>		
Manfaat kakitangan (Nota 18)	32,333	34,054
Pelbagai Perbelanjaan	50,953	36,745
Perbelanjaan pembangunan (Nota 19)	4,167,465	3,241,501
Rugi atas pelupusan	6,265	—
Hutang ragu	130,954	—
	<b>4,387,970</b>	<b>3,312,303</b>
Susutnilai	622,497	610,479
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>10,916,969</b>	<b>9,426,876</b>
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA</b>		
Pemilik	(1,528,395)	2,754,117

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan RM	Kumpulan Wang Majlis RM	Jumlah Aset Bersih RM
2015			
Baki pada 1 Januari 2015	50,000	16,381,221	16,431,221
Seperti yang Dinyatakan Terdahulu			
Kesan Pemakaian Awal MPSAS (Nota 20)	—	(46,890)	(46,890)
Baki pada 1 Januari 2015	50,000	16,334,331	16,384,331
Seperti yang Dinyatakan Semula			
Pelarasan (Nota 21)	—	5,660	—
Lebih Bersih Bagi Tahun	—	2,754,117	2,754,117
Baki pada 31 Disember 2015	50,000	19,094,108	19,138,448
Pelarasan (Nota 21)	—	710,554	—
(Kurangan) Bagi Tahun 2016	—	(1,528,395)	(1,528,395)
Baki pada 31 Disember 2016	50,000	18,276,267	17,610,053

\*catat nota bagi kesan pemakaian awal

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
(Kurangan)/Lebih sebelum cukai	(1,528,395)	2,754,117
Pelarasan bukan tunai		
Pelupusan harta tetap	6,265	—
Pelarasan aset bersih	710,554	—
Susutnilai	622,497	610,479
Lebih daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja	(189,079)	3,364,596
Pelunasan geran	(186,048)	(165,496)
Pergerakan bersih dalam bukan pertukaran belum terima	125,598	623,334
Pergerakan bersih dalam pertukaran belum terima	(71,413)	805,451
Pergerakan bersih dalam pertukaran belum bayar	(2,118,213)	1,622,331
Penambahan dalam manfaat kakitangan	(7,638)	—
Aliran Tunai bersih daripada aktiviti operasi	(2,446,793)	6,250,216

	2016 RM	2015 RM <i>Seperti Yang Dinyatakan Semula</i>
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan		
(Kurangan)/Tambahan kerja dalam kemajuan	—	327,890
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(863,050)	(3,058,532)
Pembelian hartanah pelaburan	—	(473,520)
Aliran Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(863,030)	(3,204,162)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan		
Bayaran balik Pinjaman Kerajaan Negeri	(68,245)	(68,245)
Aliran Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	(68,245)	(68,245)
Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(3,378,086)	2,977,809
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada awal tahun	6,893,504	3,915,695
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada akhir tahun	3,515,418	6,893,504
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri daripada:		
Wang di tangan dan di bank	2,786,459	6,193,259
Simpanan Tetap	728,959	700,245
	3,515,418	6,893,504

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Bajet Asal RM	Jumlah Akhir RM	Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet <sup>^</sup> RM
<b>PENERIMAAN</b>				
Cukai taksiran am	2,665,000	2,665,000	1,996,354	668,646
Lesen dan permit	521,500	521,500	449,858	71,642
Sewaan	469,000	469,000	435,938	33,062
Sumbangan kerajaan	1,556,400	1,556,400	1,684,629	(128,229)
Perolehan barang urus niaga bukan pertukaran	349,100	349,100	326,625	22,475
Lain lain pendapatan hasil	—	—	—	—
Jumlah Penerimaan	5,561,000	5,561,000	4,893,404	667,596
<b>PEMBAYARAN</b>				
Emolumen	2,596,000	2,496,000	2,312,879	183,121
Perjalanan dan sarahidup	25,000	33,850	32,290	1,560
Perhubungan dan utiliti	608,500	1,077,650	1,067,021	10,629
Bekalan bahan-bahan mentah	96,500	86,500	60,374	26,126
Bekalan bahan-bahan lain	164,000	146,000	120,376	25,624



	Jumlah Asal RM	Bajet Akhir RM	Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet <sup>^</sup> RM
Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli	182,000	226,200	201,300	24,900
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	1,432,000	1,537,800	1,489,462	48,338
Lain-lain perbelanjaan	257,000	257,000	236,104	20,896
Perbelanjaan pembangunan	200,000	200,000	129,213	70,787
Jumlah Pembayaran	5,561,000	6,061,000	5,649,019	411,981
PENERIMAAN BERSIH	—	(500,000)	(755,615)	255,615

<sup>^</sup>Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

Majlis Daerah Rembau adalah sebuah majlis kerajaan tempatan. Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi Daerah Rembau.

Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Daerah Rembau, D/A Dewan Merdeka, Jalan Dato' Lela Maharaja, 71309 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis sama seperti tarikh pada penyata oleh ahli majlis dan penyata oleh Majlis.

Kesemua angka dinyatakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan (IPP).

Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS"). Penyata kewangan Majlis ini adalah merupakan penyata kewangan tempoh peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian. Majlis telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 2.21 kepada Penyata Kewangan.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

## 2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Perbelanjaan bagi pembelian harta modal (aset alih dipermodalkan) yang harga perolehan asalnya RM2,000 atau lebih setiap satu unit dan aset alih bernilai rendah (aset alih tidak dipermodalkan) yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap unit.

Aset bangunan adalah terdiri daripada bangunan batu dan kayu yang digunakan untuk tujuan pentadbiran, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan sewaan.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezanya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.3 Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Bagi aset yang lain, susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat kegunaan harta. Pada tahun semasa kadar bagi bangunan batu dan alatan komputer telah disemak semula kepada 2% dan 33.33%. Kadar susutnilai yang telah disemak semula adalah seperti yang berikut:

Tanah pajakan	Tempoh pajakan (60-99 tahun)
Bangunan	2%-5%
Jentera berat dan kenderaan	12.50%
Jentera ringan	20%
Alat-alat komputer	33.33%
Alat-alat pejabat	10%
Alat-alat perhiasan	10%
Alat-alat pembersihan	33.33%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

## 2.4 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

### (i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira

dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

## 2.5 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

### (i) Aset Penjanaaan Bukan Tunai

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

## 2.6 Manfaat Pekerja

### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Majlis. Ketidakhadiran terimbuh terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuh masa depan dan ketidakhadiran terimbuh tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

### (ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

Majlis juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### (iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperi diperuntukkan oleh undang-undang, semua berbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

## 2.7 Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

### (i) Cukai taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan.

### (ii) Caruman Bantu Kadar

### (iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

### (iv) Denda dan Hukuman

### (v) Geran kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

#### Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- (i) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.
- (ii) Hasil cukai taksiran dan sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.
- (iii) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

#### 2.8 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Jumlah ini ditunjukkan pada kos berdasarkan bayaran kemajuan pada akhir tahun. Jumlah kos ini akan dipindahkan Harta Tetap apabila kerja telah disempurnakan dan dilunaskan.

Pembinaan dalam kemajuan yang dilakukan oleh Majlis akan dimodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan setelah pendapat sijil perakuan *layak menduduki (Certificate of Fitness (CF))*, Susut nilai tidak dikenakan ke atas bangunan yang masih dalam pembinaan.

#### 2.9 Projek Usahasama

Projek usahasama merupakan projek yang dijalankan oleh Majlis bersama pihak ketiga, Bagi projek yang mana kos tanah ditanggung oleh pemaju, nilai nominal diambil kira untuk menunjukkan kewujudan tanah berkenaan.

#### 2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang kurang dari 12 bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

#### 2.11 Cukai

Majlis Daerah Rembau adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

#### 2.12 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

#### Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

#### Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 2.13 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

#### Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

#### Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara, atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

#### Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### 2.14 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### 2.15 Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sertamerta dalam penyata prestasi kewangan.

#### 2.16 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### 2.17 Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

#### 2.18 Pihak Berkaitan

Pihak Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

#### 2.19 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambil kira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

#### 2.20 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

##### Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

##### Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

##### Kerugian hutang ragu bagi belum terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkar atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.



#### Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

#### Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

#### Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

#### 2.21 Pemakaian Awal MPSAS

MDR telah mengguna pakai lebih awal MPSAS yang berkenaan seperti di bawah daripada tarikh kuatkuasa sebenar.

	Tarikh sebenar
MPSAS 1–Presentation of Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 2–Cash Flow Statements	1 Januari 2017
MPSAS 3–Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors	1 Januari 2017
MPSAS 9–Revenue from Exchange Transactions	1 Januari 2017
MPSAS 13–Leases	1 Januari 2017
MPSAS 14–Events After The Reporting Date	1 Januari 2017
MPSAS 16–Investment Property	1 Januari 2017
MPSAS 17–Property, Plant and Equipment	1 Januari 2017
MPSAS 19–Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets	1 Januari 2017
MPSAS 20–Related Party Disclosures	1 Januari 2017
MPSAS 21–Impairment of Non-Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 23–Revenue from Non-Exchange Transactions (Taxes & Transfers)	1 Januari 2017
MPSAS 24–Presentation of Budget Information in Financial Statements	1 Januari 2017
MPSAS 25–Employee Benefits	1 Januari 2017
MPSAS 26–Impairment of Cash-Generating Assets	1 Januari 2017
MPSAS 28–Financial Instruments: Presentation	1 Januari 2017
MPSAS 29–Financial Instruments: Recognition and Measurement	1 Januari 2017

Tarikh sebenar

MPSAS 30–Financial Instruments: Disclosure	1 Januari 2017
MPSAS 31–Intangible Assets	1 Januari 2017
MPSAS 33–First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs	1 Januari 2017

## 2.22 Kesan Pemakaian Awal MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana penyata kewangan Majlis sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan PERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan tahun kewangan ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

### Perlakuan perakaunan bagi geran

MPSAS 23 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) menetapkan tentang keperluan untuk melaporkan hasil-hasil yang timbul daripada urus niaga bukan pertukaran. Tiada piawaian yang setara di dalam PERS. Kesan yang ketara adalah berhubung dengan perlakuan perakaunan geran di mana MPSAS menghendaki geran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terbadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

### Aset dan liabiliti kewangan

Pada tahun kewangan sebelum ini, beberapa item aset dan liabiliti kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki pemula Kumpulan Wang Majlis.

### Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini.

Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Majlis juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

### Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

### Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan peruntukan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian ke atas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (incurred loss model), di mana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.

Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis pada 1 Januari 2015 selepas mengambil kira pegunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

Kesan ke atas ekuiti pada 1 Januari 2015

Kesan ke atas ekuiti pada 31 Disember 2015

Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

2.23 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:			
Tunai ditangan	1,000	1,000	1,000
Wang dibank	2,785,459	6,192,259	2,650,625
	<u>2,786,459</u>	<u>6,193,259</u>	<u>2,651,625</u>

4. SIMPANAN TETAP

Amanah Raya Berhad	728,959	700,245	1,264,070
	<u>728,959</u>	<u>700,245</u>	<u>1,264,070</u>

## 5. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Akaun belum terima cukai taksiran	1,267,321	1,001,945	1,773,579
Tolak:			
Elaun hutang ragu	(404,783)	(200,389)	(354,716)
	<u>862,538</u>	<u>801,556</u>	<u>1,418,863</u>
Akaun belum terima sumbangan bantu kadar	9,924	250,875	249,021
Tolak:			
Elaun hutang ragu	—	(50,175)	(49,804)
	<u>9,924</u>	<u>200,700</u>	<u>199,217</u>
Akaun belum terima sewaan	97,260	116,330	125,718
Tolak:			
Elaun hutang ragu	—	(23,266)	(25,144)
	<u>97,260</u>	<u>93,064</u>	<u>100,574</u>
	<u>969,722</u>	<u>1,095,320</u>	<u>1,718,654</u>
Jumlah Elaun Hutang Ragu	(404,783)	(273,830)	(429,664)
Jumlah Tunggakan	1,374,505	1,369,150	2,148,318

## 6. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga pertukaran belum terima terdiri daripada:

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Pendahuluan kenderaan/komputer	24,257	15,667	17,344
Lain-lain penghutang	107,817	44,994	848,768
	<u>132,074</u>	<u>60,661</u>	<u>866,112</u>

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah	Bangunan	Jentera Berat dan Kenderaan	Jentera Ringan	Alatan Pembersihan	Alatan Pejabat	Alat Perhiasan	Jumlah Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS								
Pada 1 Januari 2016	1,330,145	15,067,287	1,292,065	191,485	20,449	856,391	16,944	18,774,766
seperti dinyatakan semula								
Tambahan dalam tahun	20	839,690	—	2,000	—	21,340	—	863,050
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan	—	—	—	(10,000)	—	(491,139)	—	(501,139)
Pelarasan bagi tahun sebelum	—	—	—	—	—	—	—	—
KOS PADA 31 DISEMBER 2016	1,330,165	15,906,977	1,292,065	183,485	20,449	386,592	16,944	19,136,677
SUSUTNILAI TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2016	67,402	3,540,074	971,651	179,444	20,425	781,359	15,656	5,576,011
Susutnilai tahun semasa	3,096	354,184	81,921	6,410	—	19,523	256	465,390
Pelupusan	—	—	—	(9,994)	—	(484,880)	—	(494,874)
SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016	70,498	3,894,258	1,053,572	175,860	20,425	316,002	15,912	5,546,527
AMAUN BAWAAN BERSIH								
Pada 31 Disember 2016	1,259,667	12,012,719	238,493	7,625	24	70,590	1,032	13,590,150

	Tanah	Bangunan	Jentera Berat dan Kenderaan	Jentera Ringan	Alatan Pembersihan	Alatan Pejabat	Alat Perhiasan	Jumlah Dinyatakan semula
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>KOS</b>								
Pada 1 Januari 2015	1,330,145	12,028,580	1,285,748	191,485	20,449	842,883	16,944	15,716,234
-seperti dinyatakan semula	—	—	—	—	—	—	—	—
Tambahan dalam tahun	—	198,005	6,317	—	—	13,508	—	217,830
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	—	2,840,702	—	—	—	—	—	2,840,702
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—
Pelarasan begi tahun sebelum	—	—	—	—	—	—	—	—
<b>KOS PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>1,330,145</b>	<b>15,067,287</b>	<b>1,292,065</b>	<b>191,485</b>	<b>20,449</b>	<b>856,391</b>	<b>16,944</b>	<b>18,774,766</b>
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>								
Pada 1 Januari 2015	64,306	3,205,447	888,509	173,434	20,425	755,767	14,752	5,122,640
Susutnilai tahun semasa	3,096	334,627	83,142	6,010	—	25,592	904	453,371
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	—	—
<b>SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2015</b>	<b>67,402</b>	<b>3,540,074</b>	<b>971,651</b>	<b>179,444</b>	<b>20,425</b>	<b>781,359</b>	<b>15,656</b>	<b>5,576,011</b>
<b>AMAUN BAWAAN BERSIH</b>								
Pada 31 Disember 2015	1,262,743	11,527,213	320,414	12,041	24	75,032	1,288	13,198,755
Pada 1 Jan. 2015	1,265,839	8,823,133	397,239	18,051	24	87,116	2,192	10,593,594

## 8. HARTANAH PELABURAN

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Hartanah Pelaburan			
Kos			
Baki Pada Awal Tahun	7,796,044	7,322,524	7,322,524
Tambahan	—	473,520	—
Pelupusan	—	—	—
	<u>7,796,044</u>	<u>7,796,044</u>	<u>7,322,524</u>
Baki Pada Akhir Tahun			
	<u>7,796,044</u>	<u>7,796,044</u>	<u>7,322,524</u>
Pelunasan Terkumpul			
Baki Pada Awal Tahun	1,659,582	1,502,474	1,502,474
Tambahan	157,107	157,108	—
Pelupusan	—	—	—
	<u>1,816,689</u>	<u>1,659,582</u>	<u>1,502,474</u>
Baki Pada Akhir Tahun			
	<u>1,816,689</u>	<u>1,659,582</u>	<u>1,502,474</u>
Amaun Bawaan	5,979,355	6,136,462	5,820,050
	<u>5,979,355</u>	<u>6,136,462</u>	<u>5,820,050</u>

## 9. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urus niaga pertukaran belum bayar terdiri daripada:

	2016 RM	2015 RM	1-1-2015 RM
Pelbagai Pemiutang dan Akruan (Nota a)	3,865,539	6,263,242	4,686,189
Terimaan Terdahulu (Nota b)	199,503	192,243	186,985
Deposit	1,220,044	947,814	907,794
	<u>5,285,086</u>	<u>7,403,299</u>	<u>5,780,968</u>
(a) Pelbagai Pemiutang dan Akruan			
Pelbagai pemiutang	3,624,549	5,455,578	3,582,745
GST output	53,642	19,871	—
Perbelanjaan terakru	179,142	780,148	1,100,897
Cek luput tarikh/terbatal	8,206	7,646	2,547
	<u>3,865,539</u>	<u>6,263,243</u>	<u>4,686,189</u>
(b) Terimaan Terdahulu			
Cukai taksiran am	16,814	20,154	15,180
Lesen	156,557	144,284	143,886
Sampah	22,812	23,880	24,124
Papan lesen	3,320	3,295	3,505
Sewa gerai/pasar/tapak penjaja	—	630	290
	<u>199,503</u>	<u>192,243</u>	<u>186,985</u>
(c) Deposit	1,220,044	947,814	907,794
	<u>1,220,044</u>	<u>947,814</u>	<u>907,794</u>

## 10. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Baki Pada Awal Tahun	41,230	46,890	46,890
Tambahan	7,680	7,338	—
Penggunaan	(15,318)	(12,998)	—
Baki Pada Akhir Tahun	33,592	41,230	46,890
Kurang daripada 12 bulan	18,574	15,318	12,998
Lebih daripada 12 bulan	15,018	25,912	33,892
	33,592	41,230	46,890

## 11. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Majlis Daerah Rembau telah memperolehi pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri Sembilan bertujuan membiayai pengambilan balik tanah bagi pembinaan pasar.

	2016	2015	1-1-2015
	RM	RM	RM
Pembayaran balik dalam masa 12 bulan	68,245	68,245	68,245
Pembayaran balik selepas 12 bulan	243,861	312,106	380,351
	312,106	380,351	448,596

## 12. GERAN TERTUNDA

Geran Tertunda adalah geran untuk jumlah yang direalisasikan dalam tahun adalah susutnilai semasa yang dicajkan dalam tahun.

	Pembangunan	Pembangunan (EFT)	Jumlah
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2016	174,089	241,627	415,716
Seperti yang Dinyatakan Semula			
Kesan Pemakaian Awal MPSAS	—	—	—
Baki pada 1 Januari 2016	174,089	241,627	415,716
Diterima dalam tahun	—	—	—
Dilunaskan	—	(186,048)	(186,048)
Baki pada 31 Disember 2016	174,089	55,579	229,668

## 13. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urus niaga bukan pertukaran terdiri daripada:

	2016	2015
	RM	RM
Cukai Taksiran Am	1,895,667	1,693,364
Caruman Bantu Kadar (Nota a)	153,658	331,478
Lesen-Lesen (Nota b)	437,105	451,504



	2016	2015
	RM	RM
Notis dan Denda	74,655	129,129
Sumbangan Kerajaan (Nota c)	5,987,295	8,682,403
	<u>8,548,380</u>	<u>11,287,878</u>
(a) Caruman Bantu Kadar		
Kerajaan Persekutuan	73,301	194,242
Kerajaan Negeri	8,110	96,544
Lain-lain agensi	72,247	40,692
	<u>153,658</u>	<u>331,478</u>
(b) Lesen-Lesen		
Hotel dan rumah penginapan	1,591	1,413
Penjaja	1,450	3,225
Hiburan awam	2,736	6,272
Tred perniagaan dan lain-lain	110,119	117,181
Pasar	32,829	39,927
Gerai	26,633	24,296
Pengendali makanan	21,788	23,604
Iklan	27,688	90,779
Permit-permit	101,903	84,041
Permit bangunan sementara	110,368	60,766
	<u>437,105</u>	<u>451,504</u>
(c) Sumbangan Kerajaan		
Geran tahunan	806,385	806,385
Sumbangan projek pembangunan dan lain-lain	5,180,910	7,876,018
	<u>5,987,295</u>	<u>8,682,403</u>
<b>14. URUS NIAGA PERTUKARAN</b>		
Urus niaga bukan pertukaran terdiri daripada:		
Perkhidmatan dan Bayaran	181,448	203,524
Sewaan (Nota a)	435,166	440,172
Perolehan Jualan Barang (Nota b)	52,664	56,958
Faedah (Nota b)	71,889	70,199
Pelbagai Pendapatan/Pulangan Balik	99,027	122,262
	<u>840,194</u>	<u>893,115</u>
(a) Sewaan		
Gerai, pasar dan tapak penjaja	339,591	305,359
Dewan dan peralatan	72,994	80,807
Pelbagai sewaan	22,581	54,006
	<u>435,166</u>	<u>440,172</u>

	2016 RM	2015 RM
(b) Perolehan Jualan Barang		
Plet lesen	3,762	5,038
Pelbagai jualan	48,902	51,920
	<u>52,664</u>	<u>56,958</u>
(c) Faedah		
Faedah bank	41,150	21,679
Faedah simpanan tetap	30,191	47,974
Faedah pinjaman komputer	250	204
Faedah pinjaman kenderaan	298	342
	<u>71,889</u>	<u>70,199</u>
15. EMOLUMEN		
Gaji pokok	1,341,565	1,293,437
Elaun tanggung kerja	27,419	29,072
Elaun khidmat awam	74,824	70,822
Elaun tetap perumahan	194,361	124,735
Elaun basikal	1,080	1,080
Elaun mesyuarat Jawatankuasa Kecil MDR	2,940	2,400
Bayaran insentif tugas kewangan (BITK)	1,557	1,382
Elaun tetap Ahli Majlis	130,860	71,360
Elaun kos sarahidup	97,452	93,600
KWSP	29,204	26,252
KWCP	203,641	180,266
Elaun lebih masa	124,616	89,137
Imbuan tahunan	60,250	56,000
Insentif tugas memandu	1,800	2,640
Insentif khidmat cemerlang	6,000	6,000
Lain-lain	23,296	32,999
	<u>2,320,865</u>	<u>2,081,182</u>
16. PERHUBUNGAN DAN UTILITI		
Termasuk di dalam perhubungan dan utiliti adalah:		
Bayaran pos	6,911	7,491
Telefon	27,331	27,051
Internet	8,064	10,225
Eletrik	939,032	963,229
Air	33,900	22,407
Pembentungan dan lain-lain	1,073	3,854
	<u>1,016,311</u>	<u>1,034,257</u>

## 17. PERKHIDMATAN IKTISAS DAN HOSPITALITI

Termasuk di dalam perkhidmatan iktisas dan hospitaliti adalah:

	2016	2015
	RM	RM
Perkhidmatan yang dibeli (Nota a)	168,540	198,786
Perkhidmatan percetakan papan lesen	5,400	6,300
Keraian, hospitaliti dan honorarium (Nota b)	28,776	33,315
Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal	1,262,597	1,184,371
Bayaran kepada kakitangan sementara, sambilan dan kontrak (Nota c)	679,119	613,608
	<u>2,144,432</u>	<u>2,036,380</u>

## (a) Perkhidmatan yang dibeli

Perkhidmatan Perubatan	67,119	50,914
Perkhidmatan Perakaunan dan auditan	13,842	13,842
Perkhidmatan Latihan	11,639	18,038
Perkhidmatan Lain-lain	67,088	85,813
Perkhidmatan Percetakan	8,852	4,447
Perkhidmatan Perundangan	—	25,732
	<u>168,540</u>	<u>198,786</u>

## (b) Keraian, hospitaliti dan honorarium

Makanan dan minuman jemputan	27,635	30,694
Saguhati Jemputan	1,041	1,421
Hadiah dan cenderamata	100	1,200
	<u>28,776</u>	<u>33,315</u>

## (c) Bayaran kepada kakitangan sementara, sambilan dan kontrak

Gaji Kakitangan Kontrak	407,900	376,049
Elaun Tetap Perumahan	71,961	49,662
Elaun Tetap Khidmat Awam	27,780	28,718
Elaun Sara Hidup	36,000	37,200
KWSP	69,079	62,503
PERKESO	8,703	8,290
Elaun Lebih Masa	32,976	26,266
Elaun Pembantu Khas	1,440	1,440
Imbuan Tahunan	23,000	23,000
BITK Kakitangan Kontrak	280	480
	<u>679,119</u>	<u>613,608</u>

## 18. MANFAAT KAKITANGAN

Ganjaran kakitangan kontrak	15,317	18,413
Gantian Cuti Rehat	8,016	9,641
Bantuan Kematian	3,000	—
Pelbagai Pemberian	6,000	6,000
	<u>32,333</u>	<u>34,054</u>

## 19. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Termasuk di dalam perbelanjaan pembangunan adalah:

	2016	2015
	RM	RM
Membina dan membaiki jalan dan jambatan	1,295,516	1,901,330
Membina dan membaiki gerai dan bangunan	446,699	228,123
Membina dan membaiki kemudahan, lampu dan prasarana	380,268	479,331
Membina dan membaiki longkang	1,947,658	480,882
Pelbagai perbelanjaan pembangunan	97,324	151,836
	<u>4,167,465</u>	<u>3,241,502</u>

## 20. KESAN PEMAKAIAN AWAL MPSAS

	—	46,890
	<u>—</u>	<u>46,890</u>

## 21. PELARASAN

Peruntukan manfaat kakitangan	33,592	5,660
Tambahan bangunan	676,462	—
	<u>710,054</u>	<u>5,660</u>

## 22. CUKAI

Majlis Daerah Rembau adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

## 23. INSTRUMEN KEWANGAN—PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

## Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajibannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

## Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2016			
Urus niaga pertukaran belum bayar	5,285,086	—	5,285,086
Pada 31 Disember 2015			
Urus niaga pertukaran belum bayar	7,403,299	—	7,403,299

Pengurusan Modal

Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Kumpulan kekal kukuh dari segi kewangan.

Majlis memantau modal dengan menggunakan nisbah keberhutangan, iaitu hutang bersih dibahagikan dengan jumlah aset bersih dan hutang bersih.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

24. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut:

	2016 RM	2015 RM
Jumlah ganjaran	133,800	73,760
Elaun Ahli Majlis	130,860	71,360
Elaun Kehadiran Mesyuarat	2,940	2,400
Jumlah kakitangan	23	23

25. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melalui Kertas Mesyuarat No. 3238/2015 bertarikh 8 Disember 2015. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan masing-masing supaya dapat menutup bajet akhir. Pada tahun 2016, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM500,000 mengikut arahan khusus daripada kelulusan MMK melalui kertas mesyuarat No. 2055/2016.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrui kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

## 26. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sepanjang tahun kewangan, Majlis telah mengubah pengkelasan beberapa item dalam penyata kewangannya akibat daripada penerimaan pakai MPSAS, dengan itu, Majlis telah mengelaskan semula angka perbandingan untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa.

[SUKNS. 700-10/5/9; PUNS 100/2/8 (PK)]

Hakcipta Pencetak 

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA